

BIL.1

**ISNIN
18 APRIL 2011**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman	1)
Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman	1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	2)

URUSAN MESYUARAT

(Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 3)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman	25)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Datin Paduka Datuk Nor Hayati</i> <i>binti Tan Sri Dato' Seri Onn</i>	(Halaman	26)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
11. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator - Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*

31. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
33. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
54. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
55. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
56. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
57. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
58. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
59. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
60. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
61. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)
62. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Isnin, 18 April 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

14 Februari 2011:

- Yang Berhormat Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu

21 Mac 2011:

- Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 7 Mac 2011, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen ini. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan titah ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan adalah seperti di Lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 2011;
2. Akta Kewangan (No. 2) 2010;
3. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010;
4. Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010;

5. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010;
6. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010;
7. Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010;
8. Akta Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2010;
9. Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010;
10. Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2010;
11. Akta Bank Simpanan Nasional (Pindaan) 2010;
12. Akta Pemberi Pinjaman Wang (Pindaan) 2010;
13. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010; dan
14. Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2010.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"7 April 2011

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011;
2. Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010;
3. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010;
4. Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010;
5. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2010;
6. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010; dan
7. Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan, ingin saya di dalam Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Barisan Nasional negeri Sarawak dan juga Barisan Nasional Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memenangi Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 16 April 2011 yang lalu...
[Tepuk]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah rasionalnya cadangan untuk penyerapan pesara tentera ke dalam pasukan polis dan bagaimana prosedur dan pendekatan penyerapan tersebut akan dilaksanakan.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid bertarikh 20 April 2011 kerana pertanyaan tersebut kedua-duanya ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bekas tentera ditakrifkan sebagai Anggota Angkatan Tentera Malaysia yang telah menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan dengan baik mengikut peraturan yang terpakai dalam perkhidmatan ATM dan Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah dikerah berkhidmat secara sepenuh masa tidak kurang daripada 12 bulan sama ada secara berterusan atau sebaliknya.

Rasional penawaran penyerapan bekas tentera ke dalam PDRM adalah kerana pelaksanaan 55 inisiatif di bawah *National Key Result Area (NKRA)* iaitu untuk mengurangkan jenayah bagi tahun 2010 telah berjaya melepasi sasaran yang telah ditetapkan. Inisiatif tersebut akan terus dilaksanakan bagi tahun ini. Sepanjang tempoh pelaksanaan NKRA ini, kerajaan mendapati bahawa di antara langkah yang berkesan dalam mengurangkan jenayah adalah dengan adanya kehadiran polis dengan izin, *omnipresence* di kawasan-kawasan *hot spot* yang telah dikenal pasti.

Sehubungan dengan itu, tahun ini kerajaan telah dan sedang mempelbagaikan kaedah untuk meningkatkan kehadiran polis di kawasan-kawasan berkenaan melalui inisiatif yang sedang dirintis atau telah pun dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Menjalinkan kerjasama dengan anggota RELA dan JPAM membantu pihak polis dalam membuat rondaan;
- (ii) menambah bilangan keanggotaan baru PDRM dengan menggunakan kemudahan-kemudahan di pusat-pusat latihan tentera; dan
- (iii) mengambil bekas tentera berkhidmat sebagai anggota polis.

Untuk tujuan tersebut, PDRM melalui Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) telah melaksanakan pengambilan bekas tentera bermula pada tahun lalu.

Bagi fasa pertama, pelantikan seramai 101 orang bekas tentera dilantik sebagai Konstabel dan Konstabel Sokongan yang mana mereka sedang menjalani latihan asas kepolisan di Maktab Kuala Kubu Baru, Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik lebih ramai permohonan daripada kalangan bekas tentera untuk memasuki perkhidmatan PDRM, Suruhanjaya Pasukan Polis telah bersetuju meluluskan dua kelonggaran syarat skim perkhidmatan PDRM iaitu:

- (i) Kelonggaran syarat tempoh percubaan dipendekkan kepada tiga bulan bagi bekas tentera yang dilantik menyertai PDRM; dan
- (ii) kelonggaran syarat kenaikan pangkat ke Koperal Polis bagi Konstabel Polis regular dan sokongan yang bersara pada pangkat Sarjan dan ke atas semasa dalam ATM setelah lulus Peperiksaan Khas Undang-undang Rendah Jabatan (UURJ).

Kedua-dua kelonggaran tersebut diberikan adalah untuk menggalak lebih ramai bekas tentera untuk memohon memasuki perkhidmatan PDRM. Ini adalah selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan supaya bekas-bekas tentera dapat menyumbangkan tenaga dan kepakaran yang ada untuk sama-sama mencegah jenayah serta menjaga keselamatan dan ketenteraman negara. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa salah satu faktor yang dapat mengurangkan kadar jenayah adalah dengan kehadiran polis ataupun *omnipresence* dengan izin. Ini bermakna kehadiran polis di jalanan atau lokasi-lokasi panas memerlukan anggota yang lebih ramai. Untuk itu, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan. Soalan saya ialah apakah perancangan Kementerian dalam menjaga kebajikan anggota-anggota pasukan Polis Diraja Malaysia? Ini kerana pada hemat saya, ini juga adalah aspek utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya isu kebajikan warga PDRM memang dekat dengan hati pucuk pimpinan dan dekat dengan hati dan agenda besar di bawah kepimpinan saya sendiri di KDN sejak melangkah masuk menerajui Kementerian berkenaan. Apa yang paling penting sekarang ialah untuk melihat apa yang sedia ada, memperkukuhkannya dan kedua, memikirkan cara-cara yang lebih kreatif, inovatif supaya kebajikan warga polis dapat dilihat secara menyeluruh. Malah, kalau kita sebut Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', kita anggap warga Polis Diraja Malaysia ini juga sebagai rakyat yang perlu didahulukan juga.

Peringkat permulaan, Kumpulan Wang Polis contohnya yang merupakan satu tabung yang diwujudkan di bawah seksyen 81, Akta Polis 1967 mesti diperkukuhkan lagi. Tabung Kebajikan PDRM yang ditubuhkan pada 14 April 1976 mesti dilihat semula. Tabung Amanah Perlindungan dan Pertahanan Negara yang diwujudkan pada 5 Oktober 1984 mesti dikaji dan teliti supaya ianya betul-betul dapat membela warga dan keluarga PDRM kita. Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) ditubuhkan oleh kerajaan pada 14 September 1982 sedang dikaji dan teliti.

Jabatan Perkhidmatan Awam turut memberi kemudahan perubatan kepada anggota polis, pesara dan keluarga termasuk ibu bapa yang sah, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah pun ditentukan. Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja. Skim ini memberi pampasan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang ditimpa bencana contohnya, merupakan kaedah yang terbaru yang kita ketengahkan. Dari segi infrastruktur, dari segi keselesaan kehidupan, kita telah pun mengumumkan bahawa rumah kuarters PDRM yang sekarang ini dua bilik perlu diperluaskan kepada tiga bilik. Projek ini dijalankan secara berperingkat yang mana dalam RMKe-9, sebanyak 10 projek telah dilaksanakan dengan kos RM46 juta. Ia mesti diperhebat lagi di bawah RMKe-10.

Selain itu juga, menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi I, sebanyak RM250 juta telah diperuntukkan kepada PDRM bagi tujuan penambahbaikan IPK, IPD, balai-balai dan pondok berserta perumahan dan keselesaan anggota PDRM, dan program pembangunan RMKe-9 yang melibatkan pembinaan IPK, IPD, balai, pangkalan marin, pusat latihan, skop perumahan.

Dan ini juga meliputi perkakasan sama ada senjata dan alat-alat yang lain perlu kita tingkatkan supaya kita boleh meletakkan PDRM sebaris dengan anggota pihak pasukan polis yang terbaik di dunia. Terdapat juga 74 projek yang berjumlah RM5.97 bilion yang dilaksanakan oleh PBLT mempunyai komponen perumahan dan juga kuarters bagi anggota PDRM.

Bermakna bahawa kerajaan serius untuk melihat kepada kebajikan warga PDRM tetapi seperti biasa ianya mengambil masa sedikit. Saya sudah mengarahkan pihak KSU dan saya minta Tan Sri IGP sendiri untuk memantaunya dan saya menerima laporan berhubung kait dengan kebajikan secara menyeluruh setiap bulan mulai Hari Polis bulan lepas. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana mengambil bekas-bekas perajurit. Ini yang diminta oleh masyarakat. Soalan saya. Budaya polis dan budaya tentera amat berbeza, jauh sekali antara satu dengan yang lain walaupun mereka mempunyai disiplin yang sama. Dalam masa tiga bulan, apakah pihak kementerian merasa boleh tidak mereka ini menjalankan tugas-tugas kepolisian secara tertib, cekap dan mempunyai akauntabiliti yang tinggi? Itu yang pertama.

Kedua ialah *ratio* pengambilan daripada pesara-pesara Angkatan Tentera dengan *ratio* pengambilan daripada yang *fresh*, dengan izin. Berapa *rationya*, supaya tidak tergunat dalam pasaran yang masih ramai lagi yang menganggur, khususnya belia-belia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1020

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. sebenarnya inilah kelebihan pendekatan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Ini kerana apabila kita sebut berhubung kait dengan transformasi, ia tidak merupakan retorik kosong. Ia membawa bersama pendekatan yang kreatif dan inovatif dan perkara-perkara yang mungkin tidak kita mampu lakukan sebelum ini, sekarang ini dilihat sebagai satu perkara yang mungkin julung-julung kalinya diadakan di dunia sebagai satu perkara yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

Kita mengakui bahawa jumlah warga PDRM tidak mencukupi. Jumlah *intake* yang terbesar di dalam sejarah kita ialah dahulu pada tahun 1969. Bermakna memang tidak cukup warga PDRM dan kita memerlukan pendekatan yang kreatif, pemikiran yang di luar kotak dan kemampuan politik, *political will* dengan izin, yang betul-betul memaksa transformasi pemikiran dan pendekatan. Saya bersetuju sangat bahawa amalan budaya polis dan tentera ini cukup berbeza. Cara mereka tabik pun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan bahawa ia pun berbeza. Satu macam begini, satu macam begini... [*Menunjukkan gaya melakukan tabik*]

Akan tetapi saya sudah lihat sendiri, di dalam mesyuarat-mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana barisan ATM dan barisan PDRM boleh duduk semeja memikirkan cara yang terbaik untuk kebaikan bagi memastikan NKRA kita berjaya. Ini bukan dilakukan dengan pihak ATM sahaja. Akan tetapi kerjasama dengan Jabatan penjara dalam konsep pemulihan kerana mengurangkan jenayah dari segi pelaksanaannya memang satu pendekatan yang penting. Akan tetapi dari segi pendakwaannya di mahkamah, dalam pembicaraannya dan apabila tahanan nanti bagaimana kita dapat pulihkan mereka yang terlibat dengan jenayah-jenayah yang lain. Itu akan kita teruskan.

Apa yang saya maksudkan dan umumkan hari ini di Dewan yang mulia ini, merupakan satu projek yang baru kita mula. Sebenarnya kita belum umumkan sepenuhnya apa yang dilakukan. Sebenarnya Yang Berhormat memang tepat, tiga bulan tadi tidak mencukupi. Kita sudah tambah sebulan lagi, *insya-Allah*. Akan tetapi kita kena mula dengan langkah yang pertama. Kalau ini berjaya, bermakna apa yang kita lakukan ini dalam NKRA kita mungkin ia boleh dijadikan sebagai contoh dan model kepada negara-negara lain.

Dari segi *ratio*, kita mesti berhati-hati dan ia merupakan pendekatan yang menekankan kepada penawaran dan penerimaan secara sukarela. Kita kena pastikan bahawa *intake* yang pertama ini betul-betul dapat memenuhi keperluan PDRM. Akan tetapi apa yang penting sekali sekarang ini ialah institusi dan juga *template* untuk kita meniti perubahan dan transformasi yang sedang kita lakukan. Yang Berhormat jangan bimbang kerana jumlah ini tidak besar. Peringkat pertamanya hanya 101. Akan tetapi kalau ia berjaya, kita dapat perluaskan dengan lebih besar tetapi dengan institusi serta nilai-nilai dan juga cara pemantauannya yang berkesan untuk masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri sendiri hadir, saya benarkan satu soalan lagi. Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli. Silakan.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada soalan asal, jelas bahawa pengambilan bekas-bekas polis adalah semata-mata untuk menambahkan lagi kekuatan kepada pasukan keselamatan kita. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah kerajaan pada hari ini berpuas hati dengan pakej dari segi pengambilan baru yang boleh menggunakan suatu tarikan kepada setiap remaja pelbagai kaum untuk memasuki di dalam bidang ini? Itu soalannya, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab di awal tadi, premisnya ialah bagaimana semua pihak dapat bekerjasama untuk membantu kita mengurangkan kadar jenayah di bawah NKRA kita. Sasaran untuk menurunkan kadar jenayah keseluruhan pada 5 peratus dan kadar jenayah jalanan 20 peratus menjelang hujung tahun lepas. Kita telah pun mencapai sasaran yang disebutkan dengan kejayaan yang menakjubkan. Ini kerana jenayah indeks keseluruhan, apabila kita sasarkan 5 peratus, jumlah sebenar penurunan yang kita dapat lihat adalah 15 peratus.

Jenayah jalanan yang kita sasarkan adalah 20 peratus dan jumlah sebenar yang kita dapat turunkan ialah 35 peratus. Kejayaan ini tidak datang bergolek atau ia tidak datang melayang. Selain daripada pendekatan kita dengan pihak Angkatan Tentera, apa yang kita lakukan dalam jangka masa setahun ialah untuk menggerakkan semua badan lain. Sukarelawan, contohnya daripada RELA dan JPAM. Seramai 3,663 RELA, 1,316 JPAM telah digerakkan.

Pihak penjawat awam ini juga merupakan pendekatan di luar kotak, merupakan transformasi di mana 4,279 orang penjawat awam ditugaskan di Bukit Aman supaya 7,429 pegawai dan anggota PDRM boleh kembali bertugas, *core business* nya di jalan-jalan dan juga di balai-balai. Seramai 8,140 orang pegawai dan anggota PGA telah di *redeployed*, khususnya daripada persempadanan untuk berjaga-jaga dan membantu kita di *hotspots* berkenaan. Daripada empat negeri, seramai 14,222 orang pegawai anggota PDRM telah pun kita gerakkan ke *hotspots* berkenaan. Itu dari segi tenaga kerja.

Dari segi infrastrukturnya dan dari segi perkakasnya, kalau balai mengambil masa untuk kita bina, kita beli balai bergerak, 60 unit van dan 30 unit bas mini balai polis bergerak sedang pun di *redeployed* di kawasan-kawasan berkenaan. Yang Berhormat di Muar pun dapat melihat sendiri balai-balai dan kehadiran polis. Itu bukan polis biasa, mungkin daripada PGA, mungkin bersama-sama dengan RELA, sekali lagi merupakan transformasi yang cukup luar biasa. *On the beat*, dengan jalan kaki mungkin mengambil masa. Kita sedang rintis mereka bergerak dengan motosikal-motosikal kecil. Sejumlah 812 telah pun dirintis setakat ini.

Sejumlah 4,902 kawasan perumahan, Tuan Yang di-Pertua, ada bersama dengan Yang Berhormat Menteri yang terlibat. Kawasan Rukun Tetangga di mana 2,168 Skim Rondaan Sukarela (SRS) ditubuhkan melibatkan 108,400 orang. Program Bandar Selamat melibatkan Menteri yang lain pula di mana 496 unit CCTV di 25 PBT telah pun dipasang. *High Profile Policing and Stop and Talk*, sejumlah 6,949 aktiviti telah pun dilakukan Rakan Cop. 387,734 mendaftar sebagai Rakan Cop.

Semua ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan perkara-perkara yang telah pun kita lakukan. Inilah yang menyebabkan penurunan kadar jenayah. Sama ada saya dan kerajaan berpuas hati dengan apa yang kita tawarkan agar lebih ramai melibatkan diri khususnya belia. Seramai 5,000 orang telah dilantik, dilatih sebagai Skwad Muda RELA dan seramai 3,000 orang dilantik sebagai Rakan Cegah Jenayah Kementerian Belia dan Sukan.

Masih lagi banyak yang boleh kita lakukan, masih lagi banyak perkara yang ingin kita umumkan. Akan tetapi saya rasa legalah, dalam apa yang kita lakukan ini, sekurang-kurangnya sekarang ini, sedikit-sebanyak telah menunjukkan keberhasilan yang boleh kita perhebatkan lagi pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

■1030

2. Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memberi banyak bantuan kepada ibu tunggal melalui bantuan perbelanjaan persekolahan anak-anak, bantuan geran pelancaran dan sebagainya. Apakah bantuan yang disediakan kepada ibu tunggal yang berpendapatan rendah dan miskin.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada semua golongan miskin dan mereka yang memerlukan termasuklah golongan ibu tunggal.

Jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada ibu tunggal adalah seperti berikut. Pertama, Bantuan Kanak-kanak. Bantuan ini adalah untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan ataupun untuk membantu menentukan anak-anak bersekolah dari keluarga miskin termasuk keluarga ibu tunggal. Kadar bantuan ini ialah di antara RM100 seorang sebulan sehingga maksimum RM450 sekeluarga sebulan. Pada tahun 2010 sebanyak 47,526 ibu tunggal menerima Bantuan Kanak-kanak (BKK) ini yang melibatkan peruntukan berjumlah RM111,986,003. Ini bukan satu jumlah yang kecil Yang Berhormat.

Kedua adalah Bantuan Geran Pelancaran ataupun BGP. Bantuan ini dipertimbangkan kepada semua *client* termasuklah golongan ibu tunggal yang berminat untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan sebagai bantuan modal permulaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan secara berterusan daripada JKJ. Kadar bantuan ialah tidak melebihi RM2700 seorang sekali gus. Sepanjang tahun 2010, sejumlah RM357,500 telah disalurkan kepada 142 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan.

Ketiga adalah Bantuan Am atau BA. Bantuan ini merupakan bantuan bulanan yang dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan daif termasuk golongan ibu tunggal untuk membantu meringankan kesulitan kewangan yang dihadapi buat sementara waktu sehingga suatu jangka masa mereka dapat berdikari semula. Kadar bantuan yang diberikan adalah berbeza mengikut negeri. Pada tahun 2010, sebanyak 25,587 orang ibu tunggal menerima Bantuan Am yang melibatkan peruntukan berjumlah RM51,511,114.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut menyedari betapa pentingnya bantuan dan sokongan kepada ibu-ibu tunggal terutama dalam meningkatkan status sosial ekonomi mereka terhadap ke tahap yang lebih baik. Maka dengan itu, kementerian melalui JKJ telah menganjurkan pelbagai program peningkatan kemahiran dan pengupayaan ekonomi supaya ibu-ibu tunggal seperti dalam projek Agronita, Bengkel jahitan dan sulaman, rawatan kecantikan dan salon, bimbingan keusahawanan, kepimpinan *catering, bakery* dan lain-lain.

Salah satu program yang mendapat sambutan yang baik daripada ibu tunggal ialah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) di mana ibu tunggal yang berminat untuk menceburi dunia keusahawanan akan dilatih dan dibimbing dalam enam bidang kemahiran iaitu bidang kegemaran wanita selalunya seni jahitan, terapi kecantikan, masakan komersial, kraf tangan, asuhan kanak-kanak dan pelancongan.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM30 juta bagi pelaksanaan Program I-KIT dalam Bajet 2011 sebagai tanda keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan sosioekonomi ibu tunggal ke tahap yang lebih baik.

Akhir sekali, kementerian telah memperkenalkan pendekatan program kebajikan produktif atau dengan izin, *productive welfare* bagi membantu penerima bantuan kebajikan terutama ibu tunggal ke arah hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan selamanya. Melalui program berbentuk Pembangunan Modal Insan di bawah program 1Azam.

Melalui program 1Azam di bawah NKRA untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, ibu tunggal berpotensi yang ditawarkan penyertaan sama ada melalui Azam Tani, Azam Niaga, Azam Khidmat dan Azam Kerja turut menerima bantuan modal yang bersesuaian bagi membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini kalau Menteri jawab, baru sedap sedikit dan soalan tambahan silakan Dr. Yeow.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Soalan tambahan saya, adakah perancangan daripada pihak kementerian untuk mewujudkan satu tabung kewangan supaya ibu-ibu tunggal boleh membuat permohonan atau pinjaman lebih daripada RM2,500 untuk mereka memulakan perniagaan dan dengan sendirinya akan berdikari?

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai perancangan kerana bantuan untuk ibu tunggal bukan hanya disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja. Saya hendak maklumkan bahawa sebenarnya isu kebajikan dan kesejahteraan masyarakat adalah isu yang dipertanggungjawabkan kepada semua pihak iaitu kerajaan dan juga bukan kerajaan dan isu kebajikan ini adalah tanggungjawab bersama.

Buat masa ini Yang Berhormat, kementerian-kementerian yang lain pun, tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menjawab betapa misal kata dalam pasukan PDRM, tentera dan lain-lain ada juga keluarga-keluarga yang mungkin ketua isi rumahnya wanita. Jadi melalui kementerian-kementerian seperti itulah lain *ministry* dengan izin, pun mempunyai pelbagai program untuk membantu ibu-ibu tunggal apatah lagi misal kata kementerian seperti Kementerian Pertanian dan lain-lain.

Jadi buat sementara ini Yang Berhormat kita sebagai satu kerajaan mempunyai perancangan yang terperinci untuk membantu dan cara kita menjalankan tugas dan tanggungjawab adalah untuk menentukan ibu tunggal itu berdikari *insya-Allah* tetapi jika didapati bahawa ada perlunya untuk tabung khusus untuk ibu tunggal diwujudkan maka pihak kementerian akan merintis jalan untuk menentukan perkara itu berlaku. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana menolong membantu kami di PRK Merlimau dan saya juga percaya di tempat-tempat lain seperti Kerdau, Tenang dan akhirnya di Sarawak.

Tahniah di atas kejayaan yang disebutkan tadi tetapi secara ringkas, Yang Berhormat Menteri, golongan yang dibantu itu terdiri daripada dua kumpulan iaitu satu kumpulan yang perlu diberikan ikan dan satu kumpulan lagi yang wajar diajar menangkap ikan. Bagi kumpulan yang kedua, Yang Berhormat Menteri telah memberikan *the input side of we equalion* dengan izin.

Saya ingin menarik perhatian untuk mengetahui apakah keberhasilannya dari segi output dan *outcome*, dengan izin, dalam bentuk *sustainability* atau kemampunan bantuan tadi untuk memastikan mereka terus berdikari setelah mendapat bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apakah tahap kejayaannya? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar. Saya nampak bahawa Senator memang minat di dalam isu-isu *database* dan lain-lain, cara pendekatan Yang Berhormat memimpin saya tengok adalah satu cara yang baik, *forward looking*.

Dan saya sudah tahu bahawa Yang Berhormat akan tanya soalan di mana yang memerlukan perincian dari segi statistik dan data dan tajuk atau topik *favourite* Yang

Berhormat adalah *outcome*. Jadi saya daripada awal ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian *the way forward insya-Allah* terutama di bawah program-program NKRA itu kita memang membuat kajian tentang *outcome* daripada program-program yang dijalankan tetapi sebelum ini pihak kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kita membantu sahaja dan kita tidak ada *specific studies* dan hanya *database* daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana kita beri bantuan. Saya nampak bahawa trend Yang Berhormat adalah untuk *exits policy* kebajikan memang kita perlu pertingkatkan lagi.

■1040

Jadi saya hendak maklumkan bahawa *insya-Allah*, mungkin pada hujung tahun ini *outcome* daripada perbelanjaan dan bantuan kita. Kita akan membuat perkiraan dan juga *study* supaya dapat dikemukakan kepada kerajaan supaya perancangan untuk rancangan-rancangan Malaysia yang hadapan akan dapat dibuat dengan secara lebih ilmiah lagi. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa 47,250 orang ibu tunggal yang sedang menerima bantuan dari kerajaan, yang jumlahnya hampir RM112 juta. Ini adalah satu jumlah yang besar, yang saya percaya sebahagian daripada 47,250 orang ibu tunggal ini adalah juga disebabkan kerana bekas-bekas suami mereka yang tidak menunaikan amanah untuk memberi saraan kepada anak-anak mereka. Walaupun barangkali susah Yang Berhormat Menteri hendak bagi jumlah yang tepat berapa kes yang sedemikian, yang sebahagian besar yang selalu kita dengar dan ikuti dalam laporan berita...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat. Soalan, soalan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Jadi soalnya, adakah kerajaan atau kementerian ini tidak bercadang untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas ataupun satu *team* khas yang membantu ibu tunggal untuk menyelesaikan kes tuntutan di mahkamah, yang melibatkan bekas suami mereka? Soalan yang kedua, ada atau tidak kejadian bapa tunggal yang terpercil yang turut diberi bantuan oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional tidak mempunyai polisi yang mendiskriminasikan. Kalau kita hendak bantu, yang miskin itu lelaki atau wanita kita bantu. Saya percaya bahawa dalam angka yang saya baca tadi itu mesti ada beberapa bapa tunggal walaupun tidak dipanggil bapa tunggal, tetapi ketua isi rumah lelaki yang dibantu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, itu satu.

Keduanya, untuk pihak kementerian mewujudkan jawatankuasa hendak siasat mana suami atau bekas suami yang tidak bantu isteri, belum ada lagi. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat seorang lelaki telah pun membangkitkan isu itu, saya rasa terbangkit untuk menjawab dengan penuh *passion* Yang Berhormat. Walaupun yang lain-lain kita tidak berapa setuju, tetapi Yang Berhormat kata tadi itu saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat. Cuba kalau kita sehaluan politik macam itu pun bagus bukan?...
[Tepuk]

Yang Berhormat, memang betul apa Yang Berhormat kata tadi. Saya sudah berapa lama sudah menjaga tugas ini, saya tengok sebenarnya sikap seseorang manusia itu kadangkala lebih *power* dengan izin, daripada undang-undang ataupun polisi. Ini termasuklah seorang lelaki yang misal kata, kalau berpisah dengan isteri ataupun keluarga, itu soalan dan tindakan peribadi. Kerajaan tidak akan campur tentang perkara itu. Akan tetapi yang betul-betul mengecewakan kami di kementerian ialah, ada terdapat bekas suami yang sudah menceraikan isteri tidak mengambil tanggungjawab langsung. Selepas itu francais bekas isteri dan anak-anak kepada kerajaan, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjaga kebajikan mereka.

Pada saya kes-kes seperti ini, betul-betul mengusik jiwa saya dan saya rasa kecewa kerana sebenarnya ini tidak patut berlaku di Malaysia.

Sudahlah tinggalkan dan bercerai, kahwin pula lagi sekali melahirkan anak daripada keluarga yang kedua, selepas itu cuai untuk menjaga keluarga yang pertama.

Pada saya tidak munasabah langsung. Saya nampak bahawa kita tidak boleh biar budaya ini menular, tidak boleh. Kalau pun perkahwinan pertama tidak berjaya dan terpaksa mendirikan rumah tangga kali kedua, tetapi jangan lupa tugas dan tanggungjawab kepada keluarga yang pertama. Jadi dalam isu ini saya 110 peratus bersetuju dengan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Begitulah hebat jawapan Yang Berhormat Menteri yang betul-betul peka dan prihatin berkenaan keadaan kebajikan... [Tepuk] Baiklah, terima kasih. Kita teruskan kepada pertanyaan ketiga, Puan Usha.

3. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Menteri Pelajaran menyatakan, siapakah yang terlibat dalam penggubalan sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah dan bagaimanakah Kementerian memastikan sukatan itu sesuai dan mengambil kira sensitiviti pelajarannya yang bukan beragama Islam.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan sukatan pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah melibatkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang ilmu pendidikan moral dari universiti tempatan dan swasta; pensyarah-pensyarah institut pendidikan guru; guru-guru cemerlang dan guru-guru mata pelajaran Pendidikan Moral seluruh Malaysia; serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain daripada penglibatan pakar-pakar penggubalan sukatan pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia juga menjalankan ujian rintis di beberapa buah sekolah terpilih yang meliputi sekolah bandar dan luar bandar. Dapatan daripada ujian rintis ini akan dijadikan panduan untuk menambah baik sukatan pelajaran tersebut sebelum diguna di semua sekolah seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid bukan Islam seperti yang telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550. Antara objektif utama mata pelajaran tersebut diajar di peringkat menengah adalah untuk membentuk murid-murid menjadi insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

KPM sentiasa peka terhadap sensitiviti pelbagai kaum, agama dan budaya di negara ini. Justeru, KPM telah menilai secara terperinci nilai-nilai murni yang menjadi amalan semua kaum dan agama di negara ini. Sehubungan itu, KPM telah menerapkan 36 nilai murni dan disenaraikan di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral untuk dipelajari bagi membentuk nilai murni dan keperibadian mulia dalam kalangan murid di negara ini. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, bagaimanakah kementerian memantau agar penggubalan sukatan mata pelajaran Pendidikan Moral itu sendiri dapat benar-benar membantu para pelajar kita yang kadangkala kita melihat masalah disiplin dan keruntuhan akhlak itu semakin meruncing baru-baru ini? Juga apakah pihak kementerian berhasrat untuk menilai kembali sistem peperiksaan Pendidikan Moral supaya ia lebih bersifat praktikal dan bukan sahaja bertulis semata-mata. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kita memang sentiasa membuat penilaian terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Sebagai contohnya di bawah KSSR - Kurikulum Standard Sekolah Rendah, penilaian semula terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral telah pun dilaksanakan dan dimulakan pada murid Tahun Satu. Untuk KSSM - Kurikulum Standard Sekolah Menengah, untuk makluman Yang Berhormat bahawa proses penilaian semula sedang berada di peringkat akhir sebenarnya. Mengenai dengan peperiksaan, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Pelajaran sebenarnya seperti yang kita maklum tidak mahu pelajar-pelajar kita ini terlalu *obsess* dengan peperiksaan.

Sebab itulah kita akan melakukan transformasi terhadap pentaksiran penilaian kita yang kita sebut sebagai pentaksiran berasaskan sekolah. Sebab itulah antara langkah awal yang sudah pun kita ambil ialah kita tidak lagi akan meneruskan peperiksaan awam PMR.

Bahkan peperiksaan lain pun kita akan lakukan transformasi dan ini termasuklah juga mata pelajaran Pendidikan Moral ini supaya kita tidak terlalu *obsess* dengan peperiksaan. Yang lebih kita pentingkan ialah kaedah penyampaian supaya berlaku penghayatan terhadap mata pelajaran tersebut untuk dijadikan amalan bukan untuk tujuan peperiksaan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah adakah setakat ini kementerian menerima aduan tentang kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Moral itu yang dianggap sensitif terhadap pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam? Kalau ada, adakah masalah itu disampaikan secara administratif dan tidak didedahkan di surat khabar sebagaimana berlaku dalam peristiwa lain sejak akhir-akhir ini. Terima kasih.

■1050

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, bahawa seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa setakat ini kita tidak menerima sebarang aduan daripada masyarakat yang tidak berpuas hati tentang kandungan yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan seperti mana yang saya maklumkan tadi bahawa kita juga amat berhati-hati daripada segi pemilihan nilai-nilai 36 nilai yang kita sebutkan tadi. Pada kita, seperti juga yang saya perelaskan tadi iaitu bahawa penilaian sentiasa dilakukan seperti yang kita lakukan kepada KSSR dan KSSM pun dalam proses yang terakhir. Terima kasih.

4. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah masalah integrasi sistem MRT dengan terminal bas dan kereta api akan dapat diatasi oleh SPAD dalam pelaksanaan sistem MRT yang baru.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad atas soalan ini.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan memastikan sistem MRT Lembah Klang mempunyai integrasi yang baik dengan sistem rel yang sedia ada dan juga dengan mod-mod pengangkutan awam darat yang lain seperti bas dan juga teksi. Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang yang merupakan jajaran projek MRT Lembah Klang yang pertama akan mempunyai empat stesen pertukaran dengan sistem rel yang sedia ada. Stesen Pasar Seni akan menjadi stesen pertukaran dengan laluan LRT Kelana Jaya dan juga Stesen Maluri akan menjadi stesen pertukaran dengan laluan LRT Ampang manakala Stesen Sungai Buloh dan Kajang akan menjadi stesen pertukaran dengan KTM komuter.

Jajaran-jajaran MRT masa depan akan juga mempunyai stesen-stesen pertukaran untuk memudahkan pengguna bertukar dari suatu jajaran ke jajaran yang lain. Sistem MRT juga akan menggunakan tiket yang sama dengan sistem LRT dan pengguna tidak perlu membeli tiket yang baru semasa membuat pertukaran. Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan Darat juga telah mengenal pasti lokasi bersesuaian yang berdekatan dengan stesen-stesen MRT untuk terminal pertukaran bas di mana akan diadakan perkhidmatan bas termasuk bas perantaraan. Terminal pengangkutan bersekutu ataupun dengan izin *integrated transport terminal* untuk bas ekspres perjalanan jauh untuk destinasi kawasan Utara Semenanjung Malaysia juga dibina dan diintegrasikan dengan stesen MRT. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Khalid.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah rancangan jangka panjang kerajaan untuk menyelesaikan kesesakan trafik yang semakin tenat di LDP.

Ini contohnya di mana penggunaan MRT dan LRT hanya menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka yang berulang alik ke pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan tinggal berhampiran stesen sahaja bukannya di kawasan-kawasan *sub-urban* dengan izin, yang masih perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menuju ke MRT terdekat dan

interchange selain bagi empat stesen utama iaitu KTMB Sungai Buloh, KLJ-Pasar Seni, AMG-Maluri dan KTMB Kajang sememangnya terkenal sebagai tumpuan utama yang selalu mengalami kesesakan selain daripada *feeder network*.

Adakah kementerian bercadang untuk menambah sistem BRT, Monorail, tren di masa hadapan supaya *interchange* tengah boleh meliputi semua kawasan kepadatan penduduk yang tinggi seperti yang diamalkan di luar negara. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa cadangan untuk satu jajaran rel ini telah pun dijalankan pada tahun 2006 lagi. Jadi, kajian fleksibiliti dan juga kajian-kajian yang lain serta perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan telah pun dijalankan sepanjang tahun itu.

Jadi, isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tambahan trafik dan juga trafik jam di tempat-tempat yang berkenaan itu buat setakat ini hanya berlaku pada setakat ini tetapi belum lagi berlaku apabila pembinaan telah pun siap. Akan tetapi walau bagaimanapun jajaran rel tersebut telah pun dijalankan dengan cadangan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga dalam draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2008 dan juga seterusnya telah pun mengadakan makmal seperti NKEA iaitu *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* pada tahun 2010. Jadi mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah pun diambil kira dan akan menyelesaikan masalah-masalah jalan raya secara keseluruhan. Jadi, kerajaan memang sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan penyelesaian dalam masalah yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

5. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, keseriusan kementerian dalam memastikan perkembangan perniagaan dan promosi terhadap industri minuman berasaskan roselle, teh, kopi dan koko dalam negara memandangkan ia menunjukkan prestasi jualan dan peningkatan penggemar di seluruh dunia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Tuan Chua Tee Yong]: Terima kasih atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi mempromosikan produk minuman berasaskan roselle, teh, kopi dan koko. Produk roselle terdiri daripada *ready to drink* dengan izin, kordial, jem dan sebagainya. Teh lebih ditumpukan kepada teh herba seperti teh misai kucing, mas cotek dan serai. Pelbagai produk berasaskan kopi telah membanjiri pasaran terutama yang telah ditambah nilai dalam bentuk *3 in 1* dan dicampur dengan herba seperti tongkat ali, kacip fatimah dan sebagainya.

Selain daripada aktiviti promosi produk oleh usahawan sendiri sejajar dengan prinsip pertanian adalah perniagaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah mengaturkan aktiviti bagi memperkenalkan produk dan meningkatkan jualan produk keluaran usahawan melalui:

- (i) karnival dan ekspo jualan yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA seperti di MAHA, mini MAHA dan Ekspo Industri Asas Tani yang diatur seluruh negara,
- (ii) penyertaan dalam pameran perdagangan dan karnival jualan anjuran pihak swasta, kementerian dan agensi di luar Kementerian Pertanian seperti MITI, SME Corp, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan sebagainya,
- (iii) jualan dan promosi di *outlet-outlet* borong dan runcit di bawah naungan FAMA seperti pasar tani dan *agro bazar*,
- (iv) *in store promotion*, rangkaian pasar raya di dalam dan luar negara yang mempunyai hubungan kerjasama dengan FAMA,
- (v) promosi program-program yang disertai oleh MOA dan FAMA dengan agensi dan kerjasama lain-lain.

Produk-produk berpotensi daripada usahawan yang berdaya maju yang mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan mempunyai sijil halal diberi keutamaan untuk menyertai program promosi luar negara anjuran Kementerian Pertanian seperti di Singapura, Brunei, China, Vietnam, Eropah dan Negara-negara Arab. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah oleh kerana kita melihat perkara ini berpotensi di luar negara, sejauh manakah pihak kerajaan membuat pelan penanaman agar memastikan jaminan sumber minuman berasaskan tani ini dapat dipertahankan sehingga pada masa hadapan. Sejuah manakah kerajaan bersedia untuk memastikan semua barangan yang kita hasilkan ini, sama ada teh, kopi atau pun roselle ini ditanam secara organik bagi memastikan ianya lebih berdaya saing di pasaran dunia. Terima kasih.

■1100

Tuan Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Dari segi berbagai minuman yang telah dikemukakan soalnya seperti teh. Kebanyakan teh adalah kita menumpukan kepada teh herba. Ini kerana teh biasa adalah di bawah kawalan syarikat-syarikat besar seperti *Boh Tea* dan *Sabah Tea*. Akan tetapi untuk roselle kita memang ingin mempromosikan.

Untuk bekalannya kita telah bercadang untuk mengadakan ladang kontrak supaya dapat memberi pertolongan kepada penanam supaya mereka tidak menghadapi aliran wang tunai di mana biasanya jika tiada ladang kontrak, apabila peladang-peladang ini menjual kepada kilang-kilang, mereka perlu menunggu seketika masa sebelum mendapat pulangan. Ini telah menyebabkan kebanyakan petani-petani telah bertukar dari roselle ke tanaman lain.

Oleh itu, dari segi yang saya katakan tadi, dari segi berdaya maju kita sentiasa menolong seperti tanaman-tanaman lain yang berpotensi tinggi. Melalui promosi dan pemasaran ini di bawah mereka yang telah *register*, dengan izin, di bawah bimbingan FAMA, kita telah mendapat 41 usahawan pada masa ini mengenai roselle di mana 23 peratus adalah dieksport.

Selain itu, kalau kita lihat dari segi kopi, nilai import negara kita dari segi kopi, koko dan teh adalah sebanyak RM5 bilion. Akan tetapi apabila kita eksport adalah RM5.32 bilion walaupun termasuk penggunaan domestik. Ini menunjukkan bahawa dari segi pemasaran kopi, koko dan teh walaupun kita mengimport secara besar-besaran tetapi ia mempunyai nilai dagangan eksport yang bagus. Sekian, terima kasih.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, untuk saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak, pada rakyat negeri Sarawak yang telah memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional dan *insya-Allah* kepercayaan ini akan meningkatkan lagi azam Barisan Nasional untuk membawa kemajuan di negeri Sarawak.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kami khususnya kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, rakan-rakan Barisan Nasional yang telah banyak membantu dalam pilihan raya ini dan meyakinkan rakyat negeri Sarawak yang masa depan rakyat negeri Sarawak akan terjamin dalam kerajaan Barisan Nasional.

6. **Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pencapaian oleh Talent Corporation Malaysia setakat ini, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Talent Corporation dan adakah YAB Perdana Menteri yakin Talent Corporation ini boleh mencapai matlamat yang dihasratkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan

berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti, kerja bertaraf dunia bagi mentransformasikan ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Sehubungan ini, *Talent Corporation*, *Talent Corp.* secara ringkasnya, telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut. *Talent Corp.* telah menggariskan tiga pendekatan yang mendukung cita-cita Program Transformasi Ekonomi (ETP), dengan izin:

- (i) menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mengenal pasti mekanisme yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di mana pun mereka berada;
- (ii) kaedah untuk memudahcarakan proses kemasukan pakar asing yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia serta menyumbang ke arah pembangunan negara; dan
- (iii) cara-cara untuk mengurangkan aliran keluar modal insan dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, antara pencapaian *Talent Corp.* sehingga kini ialah *Returning Expert Program*, dengan izin. Dengan penambahbaikan yang diumumkan pada 12 April 2011 dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan sebagai satu pendekatan untuk menyokong keperluan modal insan berkemahiran tinggi di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Selain itu '*pass*' resident telah diperkenalkan pada 1 April 2011 yang lalu untuk memberi peluang kepada ekspatriat berkepakaran tinggi, menetap dan bekerja lebih lama di Malaysia iaitu untuk jangka masa sepuluh tahun tanpa terikat kepada mana-mana syarikat. Menjelang 2020, sebanyak RM3.3 juta pekerjaan baru akan dijana dan matlamat *Talent Corp.* adalah menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasikan ekonomi Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Selaras dengan itu, persaingan semakin meningkat untuk mendapatkan modal insan berkemahiran tinggi di peringkat global dari segi pendapatan, peluang kerja profesional dan gaya hidup yang ditawarkan. Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan merupakan langkah kerajaan untuk menangani isu-isu tersebut. Walau bagaimanapun, kerjasama sektor swasta diperlukan untuk menarik minat modal insan berkepakaran tinggi melalui pakej kerjaya yang lebih kompetitif dan komprehensif.

Kerajaan yakin dengan sokongan padu semua pihak terutamanya sektor swasta, kita akan dapat mencapai matlamat yang dihasratkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu *Talent Corporation* itu ditubuhkan kerana mungkin 700,000 pekerja mahir Malaysia berada di luar negara. Pada masa yang sama, kita tahu dalam Mac 2008 hingga Ogos 2009, seramai 305,000 rakyat Malaysia telah berhijrah meninggalkan negara. Jadi, sudah tentu cabaran *Talent Corporation* ialah sementara untuk menarik balik 700,000 orang ini, bagaimana juga kita pastikan supaya tenaga mahir yang ada di negara kita ini tidak terus meninggalkan negara? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah prihatin mengenai hal ini dan beliau sendiri adalah seorang bekas menteri di EPU. Maka, soalnya adalah satu untuk rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Bagaimana kita hendak menarik balik yang dikatakan tadi, ketirisan yang berlaku. Itu pada tahun 2000 - 700,000. Mungkin pada tahun 2011 lebih ramai lagi. Maka, untuk itulah kerajaan telah mewujudkan konsep *Returning Expert Program* di mana banyak insentif baru yang telah diumumkan baru-baru ini di mana 15 peratus *employment tax* bagi lima tahun telah diumumkan pada empat, lima hari yang lalu semasa Invest Malaysia, Perdana Menteri mengumumkan.

Dan juga *tax exemption* dari segi kenderaan. *Malaysian Made Car II*. Kemudian untuk anak-anak mereka. So, pakej ini yang diminta oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi adalah dahulu pemegang ijazah sahaja diberi kemudahan ini. Pemegang ijazah yang bekerja selama enam tahun di luar negara. Sekarang pemegang diploma yang mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang-bidang tertentu juga dibenarkan dengan adanya syarat sepuluh tahun mereka bekerja di negara luar.

Maka, inilah beberapa kelonggaran yang diberi untuk menarik lebih ramai. Untuk golongan yang bukan rakyat Malaysia, kita hendak tarik khususnya, contohnya Tuan Yang di-Pertua, dalam *electrical, electronics* yang menjadi sasaran kita. Satu lagi *financial*, kewangan. Kita perlukan *software testing experts*, kita perlukan *intellectual propertywriters, consultants* dan *lawyers*. Kita perlukan *micro processor engineers*. Untuk *financial*, untuk kewangan 1 MBB akan memajukan Pusat Kewangan Antarabangsa. Maka, *risk management experts* diperlukan. *Islamic finance*, syariah yang bertaraf antarabangsa.

■ 1110

Dengan ini, maka pakej yang dibuat adalah *resident pass* baru diumumkan, di mana dahulu kita hanya ada *working permit*. Dua atau tiga tahun untuk satu majikan sahaja dia boleh kerja. Sekarang *resident pass* ini dia boleh kerja untuk siapa-siapa tetapi diberi tempoh sepuluh tahun dengan pakej bersama anak dan isteri sekali. Maka, dengan harapan semua ini gaji tahunan 144,000 syarat minimumnya. Dengan adanya semua ini kita harap dan berdoa bahawa Malaysia akan menarik lebih ramai modal insan berkualiti untuk bersaing di peringkat persada dunia. Saya ucap sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan pertanyaan yang ketujuh... Oleh sebab tidak ada pertanyaan ini, makanya saya teruskan..

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Oh! tambahan, tidak nampak Yang Berhormat, *sorry*. Saya benarkan, sila.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Talent Corporation mengendali *push factor* dan *pull factor* untuk pakar atau kemahiran ini yang keluar. Adakah ia mengendali itu juga ataupun hanya *recruit* sahaja? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik, memang. Itulah sebabnya apabila saya menjawab sebentar tadi dalam jawapan saya, perkara pertama yang dianalisa oleh *Talent Corporation* adalah isu-isu berkaitan dengan *diaspora* Malaysia yang telah keluar. Apakah faktor-faktor menolak dan menarik? Maka, dalam modal ekonomi baru kita, kita ada tiga komponen yang begitu penting sekali yang merentasi segala-galanya. Pertama, *high income* atau pendapatan tinggi. Kedua, keterangkuman atau *inclusiveness*, okey dan juga *sustainable* atau kemampunan. Maka *inclusiveness*nya akan melibatkan pengagihan yang lebih serata supaya faktor-faktor ini diambil kira untuk menarik lagi lebih *talent*.

Maka saya rasa Tuan Yang di-Pertua dengan adanya krisis kewangan di Barat dan pelbagai masalah maka, aliran modal insan sekarang ke Asia dan Asia tenggara. Itu sebab kita nampak banyak masuk ke Singapura, Indonesia, Vietnam, dan *Cambodia*. Maka, kita perlu mengadakan iklim yang sesuai untuk kita pastikan aliran itu ke dalam Malaysia. Ia tetap kita mengambil perhatian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah menerima surat daripada Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid kerana dia jatuh sakit dengan tidak dijangka. Maka, soalan ketujuh ini adakah siapa-siapa yang boleh bangun kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini, jadi saya benarkan kalau sekiranya ada boleh seorang bangun untuk soalan nombor tujuh. Ya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon bagi pihak Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid dan saya kemukakan soalan nombor 7.

7. **Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī [Di bawah P.M 23(2)]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah komitmen Kerajaan Malaysia selain dari menanggung kos menghantar semula pelajar ke Mesir. Berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan dan apakah kerajaan negeri yang lain turut membantu. Berapakah pula jumlah kos bantuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Pihak pembangkang pun telah bekerjasama. Ini yang saya mahu lihat selalu.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau selalu pembangkang seperti ini aman dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang kita mahu Yang Berhormat. Dewan Negara mahu kita dipertingkatkan. Silakan. Bagus yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mengesahkan bahawa keadaan di Mesir telah pulih dan oleh yang demikian para pelajar kita telah kembali meneruskan pengajian mereka di sana. Sebelum daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan satu pasukan petugas bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh para pelajar. Pasukan petugas ini bukan sahaja membantu dari segi membawa mereka kembali, tetapi yang lebih penting ialah menentukan bahawa mereka dapat menyambung semula pengajian mereka.

Oleh yang demikian, pada 18 hingga 26 Februari yang lalu, pasukan ini telah berunding dengan universiti-universiti yang berkaitan di Mesir untuk mengatur mereka semula untuk belajar. Umumnya pelajar-pelajar kita di sana telah dibenarkan mendaftar semula di antara 12 Mac hingga 8 April yang lalu bergantung kepada tarikh yang telah ditetapkan oleh universiti masing-masing.

Untuk makluman Dewan ini juga, kerajaan telah memutuskan supaya urusan penghantaran pulang pelajar ke Mesir ditanggung oleh dua pihak iaitu sama ada oleh pihak penajanya, terutamanya MARA dan JPA. Keduanya ialah kerajaan-kerajaan negeri yang menaja mereka. Dari segi ini Kementerian Pengajian Tinggi tidak dibekalkan maklumat berkenaan kos penghantaran pulang mereka ke Mesir memandangkan perkara tersebut di bawah kawalan pihak penaja dan kerajaan negeri masing-masing. Bagi penaja misalnya JPA dan MARA mereka melakukan dengan izin, *charter flights* untuk menghantar pelajar kita kembali. Manakala ada kerajaan negeri yang memberikan pelajar tajaan mereka wang tunai untuk mereka membeli tiket dan kembali semula belajar di Mesir. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat. Beliau telah sedia mahu tanya itu. Itulah sebabnya dia bangun sebentar tadi. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh sebab terdapat sebahagian pelajar yang menghadapi peperiksaan akhir atau dalam peperiksaan semasa mereka pulang ke Malaysia, adakah perjanjian di antara kerajaan dengan universiti tempatan di sana juga mengambil kira tarikh peperiksaan mereka dan juga bagaimanakah kesannya terhadap biasiswa dan pinjaman yang telah dan mungkin akan bertambah kerana mereka pulang selama dua bulan ke Malaysia. Terakhir berkenaan dengan mekanisme yang dikenal pasti oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha untuk menghantar pulang mana-mana pelajar negara kita di luar negara yang menghadapi masalah bencana ataupun peperangan. Ini kerana kes ini berlaku berulang kali dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar ada pelajar kita yang berhadapan dengan peperiksaan semasa mereka pulang dalam Ops Pyramid yang lepas, pasukan petugas kita ke sana itu antara matlamat mereka ialah berunding supaya tidak tergendat peperiksaan dan sebagainya. Setakat yang kita maklum, tidak timbul banyak masalah dari segi ini. Begitu juga dari segi penghantaran mereka pulang nampaknya berjalan dengan lancar.

Dari segi pelajar-pelajar di tempat-tempat yang lain mungkin itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Lazimnya, kita ada pegawai-pegawai MSD kita di samping kita sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak kedutaan kita. Jika timbul persoalan-persoalan sedemikian rupa maka kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya mengikut keadaan tempatan dan mengikut keperluan semasa. Pokoknya, Tuan Yang di-Pertua kita

sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita sentiasa mendahulukan kebajikan pelajar-pelajar kita di luar negara dan sedaya-upaya kita akan cuba membantu mereka dalam apa keadaan sekalipun.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: [Bangun]

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya, okey. Dari segi penajaan kerajaan negeri ini kita serah kepada kerajaan negeri tetapi JPA dan MARA sepanjang pengetahuan kami tidak timbul masalah. Mereka ada cara mekanisme mereka untuk meneruskan biasiswa dan tajaan mereka itu tanpa menambah beban kepada pelajar sebab ini masalah bencana. Sepanjang pengetahuan saya, mereka ini tidak termasuk dengan izin, *breach of contract* dalam perjanjian penajaan mereka. Terima kasih.

8. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan:

- (a) siapakah (jabatan mana) yang bertanggungjawab dalam DBKL untuk memastikan bahawa Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 dipatuhi dan dilaksanakan; dan
- (b) kenapakah terlalu banyak papan-papan tanda nama (tanda nama kedai, nama-nama bangunan perniagaan, taman perumahan dan papan-papan iklan atau *billboards*) dalam kawasan DBKL, terutama di sekitar Bangsar dan Lembah Pantai, yang mengabaikan penggunaan bahasa kebangsaan dan mengingkari Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan nombor lapan izinkan saya merakamkan penghargaan saya kepada rakan seperjuangan saya Dato' T. Murugiah yang akan mengakhiri tempoh sebagai Ahli Dewan Negara pada hari ini, dan saya percaya dan yakin pengalaman yang diperoleh oleh beliau dalam Dewan yang mulia ini akan membantu beliau untuk memberi pandangan yang lebih efisien untuk masyarakat pada masa-masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Sebelum itu, biar saya respons ringkas sedikit. Saya mewakili seluruh Dewan ini juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' T. Murugiah... [Tepuk] Ini kerana kita semua tahu Yang Berhormat telah menyumbangkan banyak sumbangan dan idea yang bernas juga baik untuk bangsa dan negara kita di Malaysia ini. Walau bagaimanapun, pelantikan semula itu di luar kawalan pihak Dewan. Walau bagaimanapun, penghargaan itu kita rakamkan sebanyak-banyak terima kasih. Mana tahu satu hari dalam politik ini boleh balik semula. Sekian, terima kasih. Silakan.

■1120

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pematuhan dan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Bagi pemasangan iklan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ia tertakluk kepada Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 dan pindaan-pindaannya.

Berdasarkan kepada seksyen 3 undang-undang kecil tersebut, telah menyatakan dengan jelas bahawa bahasa kebangsaan hendaklah diberi keutamaan di dalam visual iklan yang dipamerkan dari segi kedudukan, warna dan saiz perkataannya berbanding dengan bahasa-bahasa lain. Jabatan Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memastikan penggunaan bahasa kebangsaan diberi keutamaan dan diwajibkan di dalam

setiap visual iklan yang diproses untuk kelulusan. Permohonan yang tidak mematuhi peraturan di atas tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

Jabatan juga bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memastikan setiap penggunaan bahasa Malaysia pada visual iklan adalah betul dari segi ejaan dan tatabahasa. Sebarang visual yang tidak mendapat kelulusan dari Dewan Bahasa dan Pustaka tidak akan dipertimbangkan dan diluluskan semasa permohonan dibuat. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, saya sebenarnya kurang puas hati dengan jawapan yang diberikan kerana bila saya mengemukakan soalan ini, ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian saya setiap hari, setiap jam di sekitar Lembah Pantai.

Cubalah tuan-tuan berjalan dari Bukit Damansara sampai ke Mid Valley, nama-namanya adalah nama-nama yang asing bagi bahasa kita. Contohnya seperti *Bangsar Shopping Complex, Bangsar Village One, Bangsar Village Two, Bangsar South Hemisphere, Garden, Mid Valley, Pantai Hillpark* dan seterusnya. Jadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 ini dipatuhi, saya mohon dengan maaf menyatakan tidak bersetuju berdasarkan pandangan saya sendiri.

Mungkin ini telah tersilap pandang di pihak kementerian ataupun di pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Maka, saya minta..., tidak apalah kalau tersilap pandang, saya hanya meminta supaya diadakan langkah-langkah pembetulan. Itu sahaja yang saya minta. Tidak usahlah kita bergaduh tentang perkara yang telah jelas. Benda ini berlaku dan siapa yang salah tidak usahlah dihukum tetapi kalau perlu dihukum, dihukumlah. Akan tetapi yang penting sekarang ialah tolong berikan jaminan akan dilakukan langkah-langkah pembetulan. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 telah memperuntukkan kuasa kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjalankan tindakan penurunan iklan termasuk mana-mana struktur yang didirikan khas untuk iklan itu, yang dipamerkan iklan tanpa lesen dan melanggar mana-mana undang-undang kecil.

Manakala seksyen 15 di bawah Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 pula memperuntukkan kuasa kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengenakan denda sebanyak RM2,000 atau dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali kepada mana-mana pemilik iklan yang melanggar undang-undang kecil. Seperti mana kita sedia maklum, walaupun kita ada undang-undang kecil, ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melanggar undang-undang. Ini tidak boleh lari di mana-mana ibu kota di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, saya setuju dengan apa yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat, dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga hari ini kalau mengikut statistik dan tindakan penurunan iklan yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sekitar Bangsar dan Lembah Pantai adalah seperti berikut:

Jenis Iklan	Bilangan Iklan
<i>Billboard</i>	4
Paparan Sementara	17
Kain Rentang	17
Tiang Lampu (<i>Bunting</i>)	874

Poster	341
Iklan Kecil	770
Tunjuk Arah	16
Tindakan oleh Jabatan Pelesenan DBKL	2,046

Keseluruhan tindakan oleh pejabat cawangan-cawangan kecil Lembah Pantai sebanyak 3,897, di mana keseluruhan sehingga hari ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan terhadap pengiklan-pengiklan yang tidak bertanggungjawab di seluruh Bangsar dan Lembah Pantai sebanyak 5,943 dan tindakan ini pula berterusan. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju benar dengan ulasan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tentang jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa, setelah kita mendengar saranan pagi tadi oleh Tuan Yang di-Pertua, kita ingin meningkatkan kualiti dan memartabatkan Dewan ini. Salah satu usaha memartabatkannya datang daripada kami dan juga datang daripada pihak kerajaan yang menjawab. Maka, kita *complementing each other*, dengan izin, supaya ia tidak dilihat sebagai seolah-olah melepaskan batuk di tangga.

Saya harap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Soalan saya? Okey, apakah usaha-usaha yang lebih tegas yang akan dilaksanakan oleh DBKL iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bukan '*Daku Boleh Kahwin Lagi*', supaya kita menghormati Perkara 152, Perlembagaan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan menghormati arahan KSN bahawa dengan izin, *no wrong door policy* dalam bahasa kontemporari dan dalam bahasa lama tidak berlaku "*Bangau, oh bangau.*" Dengan itu, tidaklah berlaku cacamarba dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan. Mohon jawapan yang lebih tegas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, menjaga di seluruh Wilayah Persekutuan adalah tanggungjawab bersama khususnya apabila kita dalam usaha untuk melahirkan ibu kota bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020. Maka, saya bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang peka dan serius terhadap isu-isu ini dan tindakan berterusan akan diambil untuk memastikan kita sama-sama mencapai matlamat untuk melahirkan satu ibu kota yang lebih sesuai untuk semua, dengan izin, *for conducive living*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya pertanyaan yang kesembilan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Beliau pun ada menghantar surat kepada saya kerana dia terpaksa balik ke Kelantan, ada sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah diminta oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim untuk mengajukan soalan nombor sembilan.

9. Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah [Di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan, impak ekonomi negara terkini berikutan tragedi tsunami, gempa bumi dan letupan loji nuklear di negara Jepun dan krisis politik di Timur Tengah.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang yang dijadualkan dijawab pada 21 April 2011 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan peka akan keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil akibat dilanda bencana alam dan krisis politik di Timur Tengah serta kesannya kepada prestasi ekonomi di negara. Bencana alam dan radiasi yang melanda negara Jepun akan memberi sedikit kesan ke atas ekonomi Malaysia pada tahun 2011 ini berikutan kemungkinan pengaliran keluar keuntungan terkumpul dengan izin, *return earnings* syarikat Jepun di Malaysia bagi membantu syarikat induk di Jepun untuk menghadapi krisis.

Tindakan ini akan menyebabkan penurunan pelaburan Jepun dalam Malaysia. Bilangan ketibaan pelancong Jepun juga dijangka berkurangan berikutan ekonomi negara Jepun yang terjejas akibat bencana alam tersebut. Walau bagaimanapun, eksport Malaysia ke negara Jepun terutamanya papan lapis dijangka meningkat berikutan aktiviti pembinaan semula yang dijangka bermula pada suku kedua tahun ini. Ini berikutan Malaysia merupakan pembekal utama papan lapis bagi pasaran Jepun. Eksport gas asli cecair atau LNG juga dijangka meningkat berikutan kekurangan bekalan tenaga dari loji nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, pergolakan politik di Timur Tengah pula dijangka memberi kesan yang minimum kepada negara memandangkan perdagangan Malaysia dengan negara utama di Timur Tengah dan Afrika Utara mencakupi kurang daripada 2 peratus daripada jumlah perdagangan negara.

■1130

Walaupun bagaimanapun, kekacauan politik tersebut akan memberi kesan ke atas harga minyak mentah dunia berikutan kekurangan bekalan. Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa memantau harga minyak mentah dunia agar langkah proaktif dapat diambil, memandangkan ia akan meningkatkan kadar inflasi negara. Tuan Yang di-Pertua, meskipun keadaan ekonomi negara Jepun dan Timur Tengah dijangka memberi kesan kepada ekonomi negara, namun impak tersebut adalah minimum dan dapat diimbangi dengan pertumbuhan ekonomi domestik yang kukuh dan peningkatan dagangan dengan negara lain terutamanya di rantau ini yang tidak terjejas.

Kerajaan juga mempunyai kemampuan dan jentera pengurusan ekonomi yang cekap dan efektif untuk menguruskan ekonomi negara, dengan usaha transformasi ekonomi yang dilaksanakan termasuk melalui strategi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, *Government Transformation Programme* dan *Economic Transformation Programme*. Kerajaan yakin bahawa ekonomi negara akan terus mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2011 ini, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum pertanyaan yang kesembilan dijawab, izinkan saya menarik perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini, bahawa saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bersama-sama kita pada hari ini ialah satu delegasi dari Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPDRI) yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Yang Berhormat Irman Gusman. Beliau ialah Speaker Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia dan bersama-sama dengan 14 orang ahli delegasinya. Kita mengalu-alukan kehadiran mereka.

Bagi pihak ahli Dewan yang mulia ini, saya alu-alukan kesemua rombongan yang dipimpin oleh delegasi Pak Irman Gusman bahawa kedatangan TYT dan rombongan ke Malaysia amat kita alu-alukan. Semoga dengan kehadiran TYT Irman Gusman dan rombongannya, akan mengukuhkan lagi tali persahabatan di antara Malaysia dan Indonesia meningkat lebih baik bukan sahaja di peringkat kepimpinan atasan malahan juga semua lapisan masyarakat antara dua negara kita. Seterusnya saya teruskan supaya – ada soalan tambahan kepada soalan kesembilan sebentar tadi? Soalan ini dikemukakan oleh Dato' Rahim dan Dato' Najeeb bangun tadi, ada soalan tambahan? Dipersilakan Dato Mohd Effendi.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya juga bagi pihak Dewan mengalu-alukan lawatan tetamu kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi, mungkin satu cara yang kita boleh membantu negara Jepun dalam bencana mereka adalah banyak kilang mereka yang telah musnah, sudah tentu perlu dibangunkan semula dan dalam keadaan negara masih dalam keadaan bencana, adakah kemungkinan Malaysia boleh membantu

dari segi sesuatu program untuk membawa dan membolehkan *factory* ini ditubuhkan di Malaysia, dibangunkan di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato Sri Mohd Effendi bin Norwawi yang telah mengemukakan cadangan iaitu kita bantu negara Jepun dari segi perkilangan. Memang ini adalah cadangan yang baik, kementerian akan bersama dengan pihak MIDA, kita akan berbincang dengan pihak Jepun supaya kita boleh memberi sedikit sebanyak bantuan kepada mereka.

10. Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, usaha-usaha serius yang diambil oleh pihak kementerian bersama persatuan-persatuan sukan dalam menangani isu perbezaan prestasi yang terlalu ketara antara atlet utama negara dengan atlet pelapis dalam sukan teras seperti badminton, skuasy, olahraga dan baling.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2006, telah mewujudkan dua buah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kerja yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dan pemimpin-pemimpin dari persatuan sukan kebangsaan dan satu jawatankuasa lagi ialah Jawatankuasa Program yang dianggotai oleh jurulatih-jurulatih kebangsaan bagi menggariskan secara terperinci pelan pembangunan atlet berhubung prestasi atlet elit dan atlet pelapis negara setiap sukan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara hasil-hasil daripada kedua-dua jawatankuasa tersebut ialah program khas atlet pelapis telah diwujudkan dalam semua sukan dan Kementerian Belia dan Sukan telah meneruskan program *attachment* luar negara dan penyertaan *circuit* profesional untuk atlet pelapis kita. Selain daripada itu, Kementerian Belia dan Sukan juga telah mengadakan program di mana latihan bersama di antara atlet elit dan atlet pelapis sebagai rakan *sparring* iaitu *sparring partner* dalam latihan harian. Kami juga memberi pendedahan dan peluang kepada atlet pelapis menyertai kejohanan bersama atlet elit di luar negara.

Di antaranya kami telah menjadikan temasya Sukan SEA sebagai kejohanan pendedahan utama atlet pelapis kita. Selain daripada itu, program-program termasuk mengambil jurulatih luar negara yang berkaliber bagi membantu mempertingkatkan lagi latihan atlet pelapis negara dan kami juga menubuhkan Pusat Satelit Serantau bagi membantu meningkatkan prestasi atlet negara, sekian.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Terima kasih Timbalan Menteri. Kita merasa risau kerana jurang di antara atlet negara dan atlet pelapis terlampau ketara setakat ini. Kita ingin tahu, apakah tindakan susulan yang telah dilakukan oleh kementerian bersama tiga kementerian yang lain bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berwibawa dan adakah yang kedua, Sukan Malaysia selama ini menjadi satu forum ataupun platform yang benar-benar berkesan ke arah melahirkan generasi ataupun pelapis kepada atlet negara, terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih atas soalan yang dibawa oleh Dato' Senator. Untuk memberi satu gambaran yang lebih holistik ataupun lebih komprehensif iaitu dalam bidang sukan ini, kadangkala kita mengadakan satu persepsi di mana seolah-olahnya kita ada atlet negara yang terkenal, misalnya Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol David dan *second linemenya* tidak nampak sangat ataupun atlet-atlet pelapis tidak nampak sangat.

Sebenarnya kalau kita hendak tanya misalannya di Republik Indonesia, ada rakan-rakan dari Republik Indonesia, selain daripada Taufik Hidayat dalam bidang badminton, siapa lagi atlet yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat kenal. Begitu juga misalannya di Denmark, mungkin kita tahu nama yang terkenal seperti Peter Gade, selain daripada itu mungkin kita tidak kenal siapa lagi.

Begitu juga Korea, Park Sung Hwan dan Lee Yung Dae dan sebagainya. Atlet-atlet, mungkin kita pandang perkara ini dari segi dua kategori, kategori yang pertama selain daripada atlet negara yang terkenal, ia ada *second liner*. Misalannya bidang badminton, *second liner* selepas Datuk Lee Chong Wei, kita ada Chong Wei Feng, Liew Daren, Tan Chun Seang dan sebagainya.

■1140

Misalannya beregu wanita. Selain daripada Wong Pei Tty dan Chin Eei Hui kita ada Chong Sok Chin, Wun Kei Wei, Nairol Suhada, Flor Wang Eng dan sebagainya. Jadi *second liner* memang ada. Mereka adalah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam temasya-temasya ataupun kejohanan mungkin bukan dalam peringkat *five star* di mana kelayakannya ialah terpaksa masuk dalam *super series* baru mereka boleh bertanding. Selain daripada itu, untuk *second liner* yang selain daripada itu Majlis Sukan Negara khususnya telah mengadakan Program Pelapis Negara. Buat sementara ini sekurangnya untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Program Pelapis Negeri Majlis Sukan Negara ini adalah untuk sukan badminton, skuasy, boling dan olahraga adalah seramai 1,662 orang atlet.

Jumlah keseluruhan atlet dalam Program Pelapis Negeri adalah seramai 4,773 orang. Untuk menjawab soalan tambahan yang kedua tadi iaitu berkaitan dengan pembangunan-pembangunan sukan yang lebih dengan cara pendekatan yang lebih holistik. Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa satu Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah diwujudkan pada tahun 2004 dan 19 jenis sukan teras prestasi tinggi telah *identified* yang mana Kementerian Belia dan Sukan bersama-sama dengan kementerian lain akan memajukan sukan-sukan ini. Tindakan susulan daripada wujudnya satu jawatankuasa kabinet ini adalah satu lagi Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa bersama di antara KBS, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi telah diwujudkan pada tahun 2008.

Di antara program-program yang – di antara ketiga-tiga kementerian ini, program-program bersama telah diadakan dan misalannya di Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara, Program Gemilang 2006, Program Cemerlang 2010, Program Cabaran 2010, Program *Road To London* 2012, Program Elit 2011 sehingga 2014. Ini adalah di antara program-program yang dijalankan dan dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara. Program-program lain yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia misalannya adalah satu dasar untuk Dasar Program Satu Murid Satu Sukan telah diadakan dan sekolah sukan Malaysia. Setakat ini kita cuma ada dua buah sekolah sukan Malaysia iaitu satu di Bandar Penawar dan satu lagi di Bukit Jalil.

Tiga buah lagi akan dan bakal dibina iaitu di negeri Pahang, Sabah dan Perlis. Selain daripada itu, 14 buah sekolah sukan negeri telah diwujudkan di setiap negeri. Begitu juga di Kementerian Pengajian Tinggi termasuklah juga program-program Kementerian Belia dan Sukan telah bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi di mana lapan pusat kecemerlangan sukan di IPTA dan IPTS telah diadakan. Selain daripada itu, 25 buah IPTA dan IPTS telah dipilih untuk menjalankan Program Pembangunan Pusat Sukan Tumpuan. Sekian.

11. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff minta Perdana Menteri menyatakan, perkembangan terkini projek-projek yang berimpak tinggi seperti KLIFD, pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh dan Warisan Merdeka seperti diumumkan dalam Bajet 2011.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat status terkini projek-projek yang dinyatakan adalah seperti berikut, untuk Warisan Merdeka, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan strategik berimpak tinggi seperti Kuala Lumpur International Financial District (KLIFD), Warisan Merdeka dan pembangunan tanah di Sungai Buloh adalah merupakan pembangunan jangka panjang. Contohnya,

pembangunan Warisan Merdeka oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang hanya akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Pembangunan Strategik seperti ini akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi bahkan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat. Projek Warisan Merdeka khususnya melibatkan pembangunan bercampur berkonsep pembangunan hijau. Di atas tapak seluas 19 ekar untuk tempoh pembangunan selama sepuluh tahun. Pembangunan warisan ini juga turut mempunyai unit-unit kondominium dan kompleks membeli belah di samping mengekalkan stadium merdeka dan stadium negara sebagai bangunan *heritage*.

KLIFD iaitu *Kuala Lumpur International Financial District* Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Projek Hartanah Strategik ini sedang giat dijalankan merangkumi pelbagai aspek. Visi KLIFD ialah untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikannya sebuah bandar raya global. Sektor kewangan memerlukan pendekatan holistik untuk menjadi landasan utama ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Pendekatan holistik yang dimaksudkan merangkumi bukan sahaja perancangan induk malah turut melibatkan pembinaan rantaian hubungan antarabangsa untuk menyokong pembangunan-pembangunan strategik yang dirancang.

1MDB iaitu 1Malaysia Develop Berhad sebagai pemaju induk kini sedang memuktamadkan pemilihan perancang dan pelan induk. Pelan induk ini melangkaui atau melangkaui pelan pembangunan hartanah dalam kata lazimnya. Pembangunan ini akan turut mengambil kira faktor-faktor tertentu yang bakal melonjakkan KLIFD sebagai hab kewangan global seperti infrastruktur yang menyokong rantaian antarabangsa, kemudahan yang mampu menarik masuk tenaga kerja profesional berkualiti tinggi dan seterusnya. Ia juga bermatlamat untuk menjadi penanda aras atau *benchmark*, dengan izin dari segi perancangan bandar, pembangunan mampan dan mesra alam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Lembaga Getah Malaysia (LGM). Perkembangan terkini bagi cadangan pembangunan tanah LGM di Sungai Buloh Selangor adalah agensi-agensi yang terlibat sedang di peringkat akhir rundingan perjanjian jual beli LGM dan dijangkakan selesai pada akhir bulan April tahun 2011. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi, menjawab soalan saya. Soalan tambahan saya sudahkan kerajaan melaksanakan satu kajian yang mendalam ke atas permintaan dan penawaran harta tanah *demand and supply* dengan izin sebelum memulakan projek-projek seperti KLIFD dan Warisan Merdeka. Ini memandangkan bandar raya Kuala Lumpur sudah pun mempunyai pusat tumpuan atau *focal point* iaitu Menara Berkembar Petronas yang masih mampu menampung permintaan untuk ruang pejabat dan perniagaan.

Adakah pembinaan projek-projek mega lain akan menyebabkan lebih banyak penawaran justeru memberi kesan negatif kepada hartanah di Kuala Lumpur? Sekian, terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Pertama, penawaran permintaan itu memanglah satu soalan yang penting dan induk bagi memastikan mana-mana projek berjaya dan projek ini begitu raksasa sekali. Ini merupakan landasan yang penting. Pertama yang kita lihat kenapa kita perlu melonjakkan peringkat ini iaitu proses Model Ekonomi Baru, negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Setiap rakyat mesti mendapat USD15,000 itulah landasan dan wawasan yang telah kita tetapkan.

Pertama, kita lihat balik apakah KLIFD itu perlu? Pertama saya rasa kita sudah pun merupakan *pioneer* untuk kewangan *Islamic*. Kewangan Islam kita sudah pun meneraju kepimpinan maka kita perlu menunjuk di peringkat persada dunia bahawa kita perlu memperkasakan kepimpinan ini yang pertama. Dari segi syariah..., pakar-pakar syariah, kita perlu tarik ke sini.

Jikalau tidak kita sudah ada persaingan di peringkat Singapura. Dahulu konsep 'Halal' kita perkenalkan segala syarat dan pemerincian, tetapi kita nampak negara-negara lain telah menjadi wira dalam peringkat ini mengambil sistem kita. Maka kita jangan tunggu, kita cepat merangka segala perkara landasan untuk pastikan kita melonjak.

Ini dibolehkan kerana selepas tahun 1998 di mana kita mengalami krisis kewangan Asia, bank-bank kita telah meletakkan pelbagai asas untuk mengukur sistem perbankan kita. Maka perbankan kita sekarang dari segi komersial amat matang dan bersedia untuk melonjak ke peringkat lebih atas dan untuk ke peringkat dunia. Itu sebab Bank Negara dan penyelarasan mereka dengan bank komersial kita, sebanyak sepuluh buah bank begitu berjaya sekali. Untuk seperkara lagi Yang Berhormat, sebagai pengukuhan kepada permintaan tadi. Negara telah menandatangani beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian kerjasama strategik. Ini sangat penting, walaupun tadi saya katakan itu adalah landasan yang mungkin belum jelas sekali.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sekarang negara telah menandatangani dengan *Qatar Investment Authority* bagi pelaburan bernilai RM5 bilion dalam pelbagai sektor, di mana MoU sudah pun ditandatangani. Kedua, telah termeterai kerjasama strategik bersama *Abu Dhabi Future Energy Company* (Masdar) untuk meneroka dan melabur di dalam projek teknologi bersih dan pembangunan bandar bebas karbon pertama. Baik. Masdar ini bukan satu syarikat biasa, ia adalah *Mubadala Development Company* atau PJSC yang besar di Kerajaan *Emirates*, Abu Dhabi.

Ketiga, memeterai perjanjian kerjasama bersama *State Grid Corporation of China* (SGCC) berjumlah USD11 bilion. Maka semua perjanjian sudah kita buat dan Perdana Menteri merantau merata-rata, tetapi Malaysia mesti berupaya bersaing permintaan itu. Maka segala ini telah pun dijitukan dengan cara untuk ke tahun 2020. Percayalah, kita akan berjaya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

12. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, perancangan untuk menambah waktu siaran AsyikFM yang mana ia amat berkesan dalam penyampaian maklumat kepada seluruh masyarakat Orang Asli.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, radio AsyikFM dahulu dikenali siaran Radio Orang Asli ditubuhkan pada tahun 1959, bersiaran selama 30 minit sehari dalam dua dialek iaitu Semai dan Temiar. Sejak penubuhan tersebut, radio AsyikFM telah melalui proses evolusi dan transformasi dari masa ke semasa dan kini bersiaran dalam empat dialek iaitu Semai dan Temiar dan tambahan Temuan dan Jakun.

Pada tahun 2007, semasa siaran AsyikFM telah bertambah selama 14 jam sehari, bermula pukul 8 pagi hingga pukul 10 malam. Penambahan masa siaran ini selaras dengan peranan AsyikFM sebagai penyampai maklumat mengenai rancangan pembangunan dan dasar kerajaan kepada komuniti Orang Asli sebagai saluran hiburan khususnya kepada komuniti tersebut.

Bagi meningkatkan keluasan liputan dan penerimaan siaran pada 22 Januari 2011, frekuensi radio AsyikFM telah ditambah iaitu gelombang FM 95.6 bagi membolehkan pendengar Orang Asli di Johor mengikuti siaran AsyikFM dengan jelas. Dengan pertambahan frekuensi baru ini, siaran AsyikFM ini boleh diikuti hampir keseluruhan kawasan penempatan masyarakat Orang Asli di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Kelantan.

Dalam masa yang sama, AsyikFM juga boleh didengari melalui radio *online* RTM dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Juga dalam perancangan untuk menambah siaran AsyikFM kepada 24 jam melalui pelaksanaan siaran digital yang dijangka akan diadakan pada tahun 2015. Sekian.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang agak baik. Persoalannya, kenapa hendak laksanakan siaran 24 jam pada tahun 2015, ini

sudah agak terlewat kerana pilihan raya akan diadakan lebih awal. Maka penyampaian maklumat kepada masyarakat Orang Asli di pedalaman tentang program-program yang dibuat oleh kerajaan tidak dapat disampaikan dengan cara yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kementerian sedar bahawa prasarana teknologi maklumat dan komunikasi di kebanyakan perkampungan Orang Asli masih lagi berkurangan? Oleh itu apakah usaha-usaha serius kerajaan untuk meningkatkan kemudahan ini dan seterusnya meningkatkan peratus capaian penggunaan ICT di kalangan masyarakat Orang Asli?

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian ada perancangan untuk menaikkan masa dan juga informasi yang akan diadakan di kawasan-kawasan pedalaman. Memang kajian sedang dilakukan sekarang dan masa-masa untuk siaran AsyikFM pun akan dinaikkan lagi masanya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.57 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu usul seperti berikut:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

11.59 pg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* kepada Tuan Yang di-Pertua serta semua rakan taulan di Dewan yang mulia ini.

*Memang ditunggu sudah lama,
Selalunya Tan Sri terlepas pandang,
Nor Hayati Onn diberi nama,
Kini berdiri sebagai pencadang.*

■1200

Terima kasih daun keladi kerana diberikan kepercayaan menjadi pencadang, akan saya pikul amanah ini sesuai dengan tugas disandang.

Timbalan Yang di-Pertua, syukur *alhamdulillah* dengan kurniaan Allah SWT dapat kita bersama-sama kembali ke Dewan yang mulia ini, untuk bersidang bagi sesi pembukaan Dewan Negara 2011 ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua serta barisan kepimpinan rakan senator yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya untuk bangun menjadi wakil berucap sebagai pihak pencadang bagi sesi kali ini.

Sebelum itu, izinkan saya mengucapkan tahniah dan tidak lupa juga ucapan *alhamdulillah* ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya jua Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua terus dikurniakan kesihatan yang baik bagi mengizinkan Timbalan Yang di-Pertua terus duduk di atas sana mepengerusikan sesi mesyuarat pada kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Bak peribahasa Melayu "*Adat negeri memagar negeri, adat berkampung memagar kampung*", yang maksudnya seseorang yang ikhlas melakukan kerja dan tidak mementingkan diri sendiri demi bangsa, agama dan negara dan saya tujukan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang merupakan seorang wanita.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih sekali lagi.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya Nor Hayati binti Onn, Ahli Dewan Negara Malaysia dengan ini memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong al-Wathiqu Billah, Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Persidangan Penggal Keempat, Parlimen Kedua Belas pada 7 Mac 2011, bersamaan 2 Rabiul Akhir 1432 Hijrah. Usul saya adalah seperti berikut:

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan epada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

" Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas."

*Cenderawasih burung di awan;
Patah sayap entah ke mana;
Titah dijunjung tanpa beguman;
Akan dipikul ke pundak ku jua.*

*Titah dijunjung tanpa beguman;
Akan dipikul ke pundak ku jua;
BN tetap menjadi pujaan;
Sarawak kekal tanpa sengketa.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan ini, izinkan saya merakamkan rasa ucapan takziah kepada keluarga serta seluruh sanak saudara dan sahabat handai Allahyarham Sahaimi Ghazali, juruterbang helikopter Bell 206 daripada Syarikat Sabah Air yang telah terkorban semasa tugas membawa rombongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dataran Sibu Sarawak semasa kempen Pilihanraya DUN Sarawak pada 11 April 2011 baru-baru ini.

Dengan itu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon marilah kita semua Ahli Dewan Negara sama-sama berdiri memberikan tafakur selama seminit dan juga membacakan *al-Fatihah* bagi mereka yang beragama Islam kepada Allahyarham, dipersilakan.

[Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bertafakur dan membacakan al-Fatihah]

Terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara. Kita berdoa kepada Allah *Subhanahuwataala* semoga arwah dilimpahi rahmat dan diletakkan bersama-sama dengan orang-orang yang beriman.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan cemerlang Barisan Nasional yang telah berjaya mengekalkan majoriti 2/3 DUN Sarawak dengan majoriti yang meningkat dengan selesa dan bergaya.

Jelas di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak serta keseluruhan jentera dan anggota akar umbi yang tidak mengenal penat lelah berkempen dan mendampingi rakyat dan ini telah membuatkan BN memenangi kejayaan dengan begitu cemerlang sekali walaupun negeri Sarawak adalah unik dengan muka bumi serta geografi yang luas dan menyukarkan pergerakan tetapi bak kata pepatah, "*Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*" dan "*Dibakar tidak akan hangus, direndam tidak akan basah*", begitulah gambaran kekuatan Barisan Nasional di negeri Sarawak.

Keputusan tersebut telah menunjukkan bahawa rakyat Sarawak khususnya dan rakyat Malaysia amnya telah kembali yakin dan memberikan sokongan yang padu kepada kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional sebagai parti pemerintah dan dari momentum dan lengkok gaya daripada pengundi hari ini Barisan Nasional mempunyai harapan cerah untuk mengembalikan kegemilangan pemerintahan dan majoriti besar baik di DUN-DUN negeri yang di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat mahupun mengembalikan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat, *insya-Allah*.

Akan tetapi kita jangan mudah lupa dan jangan ambil mudah kerana bak kata pepatah, "*Diam-diam ubi lagi kental, diam besi lagi suntil*" yang bermaksud kita perlu bekerja keras sehingga berhasil membuahkan kejayaan. Timbalan Yang di-Pertua, ucapan perasmian oleh Ke Bawah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, telah menyentuh pelbagai perkara dan isu semasa yang saya kira perlu diberikan perhatian serius oleh semua rakan di Dewan yang mulia ini, tidak kira apa pun pegangan dan fahaman politik kita pada hari ini. Marilah sama-sama kita menghayati Titah Ucapan Ke Bawah Duli Baginda dan sama-sama mengambil iktibar dan dijadikan pedoman untuk kita meneruskan tugas dan amanah sebagai wakil rakyat dan juga sebagai penggubal undang-undang di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbincangan dengan merujuk kepada perkara berkaitan dengan Titah Duli Baginda Tuanku semasa perasmian Parlimen tempoh hari. Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai NKRA, NKEA dan RMKe-10. Ke Bawah Duli Baginda Tuanku ada menekankan kepentingan merealisasikan projek dan inspirasi kerajaan yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Umum mengetahui kerajaan telah memperkenalkan Pelan Transformasi di mana Gagasan 1Malaysia, rakyat didahulukan menjadi tunggak pembangunan semasa dan hal ini pula telah didukung oleh NKRA dan NKEA serta RMKe-10.

Semua rancangan kerajaan ini menjurus ke arah menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi bagi menjamin kesejahteraan serta kualiti hidup rakyat. Selaras dengan ini, kerajaan juga amat komited kepada usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di semua peringkat agar rakyat dapat menerima perkhidmatan penyampaian *delivery system* dengan izin, yang berkualiti secara berterusan.

Seperti amanah Ke Bawah Duli Tuanku, kita perlu mendalami dan menilai indikator-indikator di dalam sistem penggredan dan KPI supaya secara tidak langsung sebahagia daripada keperluan penyampaian perkhidmatan dapat dicapai, apa yang perlu ialah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan tersebut dengan cara meningkatkan keefisienan kerja dan mengurangkan kerenah birokrasi. Saya menyokong penuh akan segala usaha untuk mentransformasikan Malaysia sebagai negara maju selaras Wawasan 2020 melalui pendekatan NKRA dan NKEA yang sudah mula menampakkan hasilnya.

Contohnya lihatlah prestasi ekonomi negara bagi tahun 2010 yang menggunakan ukuran pertumbuhan KDNK sebagai proksinya telah diumumkan pada 18 Februari 2011 oleh Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan, kadarnya ialah 7.2 peratus jauh lebih tinggi daripada 2 peratus sehingga 3 peratus yang diunjurkan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009.

■1210

Juga melebihi unjuran yang disemak semula semasa membentangkan Bajet 2012 diunjurkan 7 peratus. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku juga turut menekankan kepentingan Malaysia sebagai landasan menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Ini selaras dengan impian kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang beriltizam untuk melonjak naik pendapatan per kapita rakyat dari nilai semasa sekitar USD7,000 kepada USD15,000 menjelang tahun 2020.

Jika kita meneliti matlamat 7 peratus pertumbuhan KDNK setahun di dalam cabaran Wawasan 2020 pada kiraan semasa menjelang 2020, pendapatan per kapita warga Malaysia seharusnya sekitar USD21,000 dan ianya kelihatan agak sukar akan tetapi ianya tidak mustahil untuk dicapai. Maka, kerajaan melancarkan Model Ekonomi Baru (MEB) yang dijadikan sandaran.

Cabaran memenuhi matlamat Model Ekonomi Baru juga sebenarnya besar. Malaysia perlukan pertumbuhan KDNK sekurang-kurangnya purata 6 peratus setahun bagi tahun-tahun yang mendatang. Ada yang curiga, akan tetapi ini telah dibuktikan dengan pencapaian negara sekitar 7.2 peratus bagi pencapaian 2010 yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia. Pelan Transformasi Ekonomi untuk Malaysia, biar apa pun namanya sama ada Agenda Ekonomi Malaysia ataupun Model Ekonomi Baru, ia bergerak di atas beberapa faktor.

Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan pada tahun 70-an dan awal 80-an adalah setanding dengan Malaysia. Walaupun masih setaraf dengan kita tetapi kita tidak boleh terlalu selesa ataupun berada di dalam *comfort zone*. Kerajaan dan agensi berkaitan perlu berusaha secara proaktif dalam menaikkan taraf ekonomi negara. Persaingan menarik pelabur kian sengit. Vietnam yang dahulunya tidak menarik, kini menerima jumlah pelaburan yang hampir sama dengan Malaysia iaitu sekitar USD8 bilion pada tahun 2008.

Bagi mengekalkan matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi, sesuatu harus dilakukan terhadap lebih dua juta buruh asing yang kebanyakan mereka terlibat di dalam sektor pembuatan, perladangan, pembantu rumah dan juga pembinaan. Kebergantungan terhadap buruh asing yang keterlaluan akan menyebabkan tangga gaji bagi pekerja kurang mahir warga tempatan akan tetap kekal rendah.

Ini ditambah pula dengan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), yang tidak membayar cukai tetapi menggunakan segala kemudahan dan subsidi kerajaan yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat tempatan. Ditambah lagi dengan nilai aliran keluar wang negara setiap hari yang khabarnya mencecah sehingga RM20 juta setiap bulan. Risiko

dibelenggu di dalam ekonomi berpendapatan sederhana akan menyebabkan negara hilang momentum untuk bersaing dengan negara-negara berpendapatan tinggi. Di bawah RMKe-10, 2011 hingga 2015, maka dengan ini kerajaan mengambil inisiatif untuk memperkenalkan 12 NKEA di mana ianya dikenal pasti untuk dimajukan dan bakal diberi tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, Model Ekonomi Baru (MEB) adalah satu inisiatif sistem penyampaian kerajaan. Untuk memajukan ekonomi negara dan dengan pengenalan negara berpendapatan tinggi ianya bakal melonjak pendapatan per kapita penduduk ke 48,000 setahun. Ke Bawah Duli Tuanku turut menekankan aspek Model Ekonomi Baru negara yang dijangka memberi manfaat kepada seluruh pelosok rakyat bandar dan di luar bandar. Di bawah matlamat pencapaian negara berpendapatan tinggi ini kita mensasarkan 48,000 setahun per kapita bagi setiap rakyat di dalam *market force* tempatan.

Bagaimana pun hari ini menurut statistik rekod 80 peratus rakyat Malaysia berpendapatan RM21,000 iaitu di tahap sederhana. Begitu juga hari ini dalam *ratio* 8 juta tenaga pekerja dalam sektor swasta, 1.2 juta terdiri daripada kakitangan sektor awam. Jelas sektor awam merangkumi hampir suku pekerja dalam negara yang kebanyakannya masih di bawah paras kemiskinan terutamanya miskin bandar.

Isunya, sudah lama kakitangan awam tidak menikmati kenaikan gaji walau pun kos sara hidup semakin meningkat sekarang ini. Harga barang asas dan minyak semakin melonjak menyebabkan kakitangan awam terutama peringkat sokongan berada di bawah paras kemiskinan, malah di bandar besar mereka digelar *urban* dan *sub urban poverty group*. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan menaikkan gaji 1.2 juta kakitangan awam dan langkah ini pernah dilaksanakan oleh Singapura. Ianya terbukti dengan kenaikan prestasi ekonomi melalui peningkatan motivasi kerja, hari ini mereka telah berdiri sebagai negara maju dan berteknologi tinggi. Bak kata pepatah, "*tiada rotan, akar pun jadilah*". Kalau ada kenaikan gaji yang sedikit sudah mencukupi memandangkan ekonomi yang tidak menentu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku. Niat murni kerajaan bagi membantu rakyat negara ini terutamanya golongan muda untuk mendapatkan rumah kediaman amatlah dialu-alukan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang saya fikir harus diambil kira bagi memastikan skim yang dilancarkan ini benar-benar dapat menolong rakyat negara ini.

Ini kerana skim ini dibiarkan hanya kepada pasaran semata-mata untuk menentukan harga pasaran rumah di negara ini. Skim ini tidak akan berjaya. Skim ini hanya akan memberi keuntungan hanya kepada pihak bank dan pemaju perumahan semata-mata. Dengan kenaikan harga rumah yang mendadak di negara ini yang dicetuskan oleh pendapatan polisi mudah pinjaman bank dan juga kenaikan harga minyak dunia; jika tidak dikawal boleh memberi kesan buruk kepada negara.

Justeru, bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan skim ini, saya mohon penjelasan beberapa perkara dari pihak kementerian. Iaitu:

- (i) apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu polisi atau dasar terhadap kuota pembinaan rumah berharga di antara RM100,000 hingga RM220,000 kepada setiap pemaju perumahan di negara ini;
- (ii) apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu garis panduan atau undang-undang penyesuaian harga rumah mengikut kawasan di negara ini ;
- (iii) apakah bentuk ketegasan dan kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan pusat dengan pihak kerajaan negeri terhadap pemaju perumahan yang ingkar membina rumah untuk skim ini terutamanya di lokasi-lokasi bandar.
- (iv) apakah tindakan yang akan diambil sekiranya bank-bank perdagangan tidak mematuhi kempen rumah pertama yang

dilancarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini;

- (v) apakah perancangan kerajaan untuk memastikan rumah berharga RM220,000 ke bawah adalah mencukupi di kawasan-kawasan bandar terutamanya di kawasan Lembah Klang;
- (vi) sejauh manakah Skim Rumah Pertamaku dapat membantu mengurangkan beban golongan muda yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 untuk memiliki rumah;
- (vii) nyatakan kemungkinan Skim Rumah Pertamaku yang terhad kepada golongan yang berpendapatan RM3,000 ke bawah sebulan ditawarkan juga kepada mereka yang bekerja sendiri, dan
- (viii) apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemaju-pemaju perumahan swasta yang tidak mematuhi kempen rumah yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita khususnya rumah yang dijual di bandar-bandar utama yang harga melebihi RM220,000.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Sumber Manusia dan juga isu belia iaitu isu kemahiran teknikal dengan mencadangkan mewujudkan banyak tenaga mahir dalam bidang teknikal dan juga vokasional. Ironinya kita terlalu mementingkan keputusan akademik dapat 10A sebagai pelajar kategori cemerlang dan rata-rata pelajar cemerlang ini memilih jurusan *nontechnical* seperti doktor, peguam, jurutera, arkitek di universiti utama dunia. Jarang kita dengar pelajar cemerlang memilih jurusan teknikal atau vokasional dalam menyambung pelajarannya. Sudah menjadi adat kita teknikal, vokasional sebagai bidang kelas kedua. Akan tetapi di Finland, Australia malah di USA pun pelajar cemerlang di sana terdorong memilih bidang vokasional dan malah universiti terkemuka menawarkan kursus vokasional secara profesional serta mendapat *demand* yang tinggi bila tamat belajar dan masuk ke sektor pekerjaan.

Persoalannya apakah pelan komprehensif kementerian untuk menaikkan taraf bidang vokasional di kalangan pelajar-pelajar? Menjadikan ianya satu bidang yang mencabar, dihormati, diterima bila tamat belajar dengan erti kata lain senang mendapat pekerjaan. Apakah IPTA dan IPTS kita bersedia memperkenalkan jurusan vokasional sebagai satu jurusan penting dan menarik yang ditawarkan. Jika ya, bagaimana mekanisme untuk menjadikan ianya suatu jurusan tarikan kepada para pelajar kita. Adakah *market force* kita telah bersedia memberi ruang kepada jurusan ini dan adakah potensi tawaran kerja cukup menarik. Izinkan saya kaitkan dengan penubuhan Talent Corporation yang antara lainnya untuk mengekalkan bakat tempatan yang berkemahiran tinggi menyumbang bakti di tanah air sendiri.

Saya juga terpenggil untuk mengajukan soalan spesifik berkaitan pencapaian awal perbadanan ini (Talent Corp), termasuk jumlah sebenar *pass resident* yang telah dan sedang dikeluarkan kepada modal insan berkemahiran tinggi luar (golongan *expatriate*) untuk menetap dan bekerja di Malaysia. Di mana saya difahamkan pakar-pakar asing yang berkemahiran tinggi dan *skill* diberi keutamaan.

Kita sedia maklum antara matlamat penubuhan *Talent Corporation* ini adalah untuk membawa balik pekerja atau bakat rakyat negara ini yang berada di luar negara. Isunya di sini adalah adakah *Talent Corporation* telah mengenal pasti dan membuat unjuran keperluan modal insan berkepakaran di dalam sektor ekonomi mana yang amat diperlukan negara ketika ini dan mungkin untuk sepuluh tahun yang akan datang.

Apakah kerajaan telah pun mempunyai suatu pangkalan data atau maklumat mengenai *talent*, ataupun pakar kita yang berada di dalam negara yang mungkin mempunyai kemahiran dan pengalaman setanding dengan *talent* kita yang berada di luar negara yang ingin kita panggil balik. *Talent* ini sepatutnya dahulu diberikan peluang dan ruang untuk mengisi 3 juta peluang pekerjaan yang akan dijana menerusi pelaksanaan program transformasi ekonomi. Satu perkara lagi sebelum kita memanggil pulang *talent* kita

dari luar negara yang sudah pasti akan melibatkan perbelanjaan yang tinggi yang juga belum tentu mempunyai nilai jati diri yang tinggi kepada negara.

Apakah kerajaan telah menyediakan persekitaran dan budaya kerja yang boleh menepati kehendak *talents* ini. Saya juga ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada *Talent Corporation* dan berapakah bilangan warga negara Malaysia yang telah dibawa pulang di atas usaha *Talents Corporation* semenjak ianya ditubuhkan. Sejauh manakah *Talent Corporation* berjaya mengamalkan dasar pelbagai bidang utama dan nyatakan jumlah warga rakyat asing yang berkepakaran dan mahir yang berjaya ditawarkan kerakyatan kekal di Malaysia pada tahun 2009 dan 2010.

Saya percaya *talent* yang akan dibawa pulang ini akan diberi tawaran pelbagai insentif dan dengan bayaran gaji yang lumayan. Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan *double standard* kepada skim gaji yang ada dan ditawarkan oleh pasaran kerja sekarang dan secara tidak langsung akan mewujudkan jurang gaji antara mereka sedangkan mengikut kemahiran dan peringkat pengajian mereka ini pada dasarnya adalah sama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua mengikut maklumat Kementerian Sumber Manusia, April 2011 terdapat sejumlah 162,180 kerja kosong yang ditawarkan melalui portal *JobMalaysia* yang masih belum diisi sama ada di sektor awam ataupun swasta. Saya mohon agar kerajaan dapat memberikan maklumat yang terperinci mengenai jumlah rakyat yang menganggur mengikut peringkat iaitu peringkat lepasan sekolah menengah, penganggur lepasan pusat latihan kemahiran, pengangguran universiti dan pengangguran diberhentikan kerja.

Ini penting agar kita dapat benar-benar mempunyai maklumat yang begitu lengkap mengenai keupayaan modal insan semasa. Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai kenyataan Menteri Sumber Manusia pada Februari 2011 yang meluluskan kemasukan pekerja asing dari India yang berjumlah 45,000 orang bagi membantu Persatuan Peniaga-peniaga India Malaysia mengisi kekurangan tenaga kerja. Persoalannya di sini, adakah perlu dalam suasana jumlah pekerja asing yang kini mencecah dua juta orang yang juga sering menjadi isu kepada keharmonian rakyat negara ini kita masih lagi membenarkan kemasukan secara beramai-ramai pekerja asing dan juga mohon penjelasan jumlah penganggur India semasa di negara ini.

Perkara lain yang ingin saya perkatakan ialah mengenai fokus kementerian terhadap maklumat pengangguran di negara ini. Jika dilihat kajian pengangguran di negara ini hanya tertumpu kepada penganggur siswazah. Banyak maklumat yang kita perolehi mengenai penganggur siswazah seperti jumlah, bayaran tidak setaraf, bidang pengkhususan yang tidak sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan dan lain-lain. Akan tetapi amat berkurangan maklumat mengenai penganggur lain. Ini penting jika kerajaan hanya memberikan tumpuan kepada golongan ini sahaja maka ruang kosong di bidang pekerjaan separa mahir dan pekerja asas yang amat tinggi akan terus terpinggir dari rakyat negara ini.

Oleh itu saya mohon penjelasan apakah tindakan Kementerian Sumber Manusia bagi menangani isu kekurangan sumber tenaga kerja dalam dua kekosongan tenaga kerja separa mahir dan juga pekerja asas. Kita seharusnya tidak leka bahawa 40 peratus pekerja di negara ini masih lagi tergolong di dalam pendapatan rendah.

Sekiranya kerajaan hanya bertindak meluluskan permit pekerja asing, inisiatif ini secara tidak langsung bertentangan dengan dasar-dasar pembangunan negara dan secara tidak langsung isu-isu pendatang asing di negara ini tidak akan berkesudahan.

Kita juga seharusnya berusaha untuk mengubah prinsip dan pandangan pihak majikan terhadap pekerja asing. Utamakanlah rakyat negara ini janganlah terlalu mementingkan keuntungan dengan memilih pekerja asing tanpa mengambil kira kesan pekerja asing kepada rakyat negara ini. Kerajaan juga seharusnya memberikan lebih insentif kepada majikan-majikan yang menggunakan pekerja tempatan sebagai pekerja mereka seperti rebat cukai, sokongan pinjaman mudah bank atau lain-lain. Merujuk kepada maklumat kementerian terhadap apakah usaha-usaha kementerian bagi menggalakkan

pengusaha-pengusaha perkilangan, perladangan, restoran dan lain-lain bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja asing pelbagai tindakan telah pun saya nyatakan.

Namun begitu di sini saya ingin mendapat sedikit penjelasan mengenai langkah-langkah bersifat insentif yang telah diambil iaitu berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya iaitu dasar penggunaan sistem *Industrialized Building System* (IBS). Apakah bentuk insentif kepada pemaju yang menggunakan insentif ini dan sehingga kini berapa banyakkah insentif yang telah diberikan kepada industri yang menggunakan IBS di negara ini dan berapa ramai pengurangan pekerja asing telah dapat dikurangkan. Saya percaya pihak Kementerian mesti mempunyai maklumat ini memandangkan Kementerian juga telah melaksanakan atau mewujudkan perkongsian data dan maklumat pekerja asing antara pelbagai agensi untuk meningkatkan pemantauan ke atas majikan yang mempunyai pekerja asing seperti yang telah dimaklumkan.

■1230

Seperkara lagi, kerajaan juga turut memutuskan bahawa pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*front liner*) sebagai dasar kerajaan terhadap pekerja asing. Persoalannya di sini, sejauh mana pemantauan dan kaedah pemantauan dilakukan oleh pihak Kementerian memandangkan perkara ini banyak berlaku di hotel-hotel dan juga tempat-tempat peranginan di dalam negara kita? Adakah pendekatan yang praktikal untuk kita menyerap tenaga mahir daripada rakyat tempatan daripada mengambil pekerja-pekerja asing? Adakah Malaysia mempunyai satu pusat latihan kemahiran untuk melatih belia-belia bekerja dalam sektor yang dimonopoli oleh pekerja asing?

Saya juga ingin tahu bilangan pekerja asing yang sedang menjalani hukuman setelah didapati bersalah oleh mahkamah dan bilangan majikan tempatan yang sedang menjalani hukuman setelah didapati bersalah menganiayai pekerja-pekerja asing. Nyatakan juga bilangan kes-kes mahkamah pekerja-pekerja asing mengikut kategori bilangan keseluruhan kes jenayah aduan yang mereka lakukan sendiri, bilangan keseluruhan kes penganiayaan aduan yang dilakukan oleh majikan tempatan dan juga kes penganiayaan aduan yang menunggu perbicaraan dan kes yang sedang dibicarakan dan juga kes yang menunggu ulang bicara.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Sumber Manusia di atas cadangan Kementerian untuk membuat satu penelitian terhadap suatu mekanisme baru bagi mengatasi masalah pembantu rumah yang lari daripada majikan selepas habis tempoh tiga bulan. Saya percaya, secara tidak langsung mekanisme ini boleh melindungi pihak majikan. Namun begitu, harapan kita biarlah mekanisme ini jelas dan dipercepatkan memandangkan isu pembantu rumah lari daripada majikan dan majikan teraniaya terlalu banyak berlaku dan sindiket penipuan pembantu rumah oleh agensi ini telah lama berleluasa di negara ini.

Satu perkara lagi saya mohon mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian ialah apakah perkembangan terhadap cadangan Kementerian untuk melaksanakan institusi latihan pembantu rumah dalam kalangan rakyat tempatan seperti yang pernah diuar-uarkan sedikit masa dahulu. Saya fikir rancangan ini harus diteruskan kerana ia bukan hanya boleh mengurangkan pergantungan negara terhadap pembantu asing tetapi juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak adalah pemimpin masa hadapan. Umpama melentur buluh, biarlah ia daripada rebungunya. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan syabas di atas kejayaan Program PERMATA Negara di bawah patron Yang Amat Berbahagia isteri Perdana Menteri kita sendiri. Syabas saya ucapkan di atas peruntukan yang disediakan kerajaan di dalam Bajet 2010 yang bakal digunakan bagi memperluaskan Program PERMATA di 233 buah pusat jagaan kanak-kanak di seluruh negara.

Saya difahamkan setakat ini, Program PERMATA telah diperkenalkan di 457 buah pusat jagaan dan ia berjaya mendidik 17,565 orang kanak-kanak. Pusat jagaan ini termasuk yang dikelolakan oleh pihak lain termasuk Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan taska-taska tempat kerja.

Soalan saya, bagaimanakah status perancangan bagi menyerap PERMATA ke dalam Kementerian Pelajaran Malaysia? Adakah perancangan menjelang tahun 2012 bakal dimuktamadkan? Apakah mekanisme serta modul pembelajaran yang bakal diterapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebaik sahaja mengambil alih program ini? Selain daripada Program PERMATA Pintar dan PERMATA Seni, apakah bentuk program baru yang bakal diperkenalkan oleh PERMATA? Soalan-soalan ini saya kira penting kerana pendidikan awal kanak-kanak amat penting sekali sebagai golongan pelapis generasi akan datang yang bakal mengambil alih tampuk pemerintahan suatu hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga akhir tahun 2010, didapati jumlah belia Malaysia ialah 18 juta orang. Angka ini memberikan maksud dan makna bahawa belia merupakan aset berharga bagi negara dan juga umat. Kepedulian negara terhadap pembangunan belia menunjukkan keseriusan kita melihat bakal pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

Saya ingin menyentuh masalah penyalahgunaan dadah yang telah mencatatkan angka peningkatan golongan belia di kawasan FELDA yang perlu diberikan perhatian serius bagi mengelakkan ia daripada menjadi fenomena yang tidak dapat dibendung lagi. Saya difahamkan dadah jenis syabu, ais, *amphetamine* dan ganja begitu popular di FELDA sekarang ini. Belia FELDA merupakan entiti yang terpenting selain menjadi tunggak kepimpinan negara dan di FELDA sendiri. Golongan belia merupakan pelapis generasi yang akan meneruskan legasi FELDA yang diwarisi daripada generasi sebelumnya.

Saya tidak mahu melihat FELDA menjadi pusat dadah dan generasi seterusnya tidak dapat mewarisi kejayaan FELDA ekoran belia FELDA terjebak dengan najis dadah. Saya akui ramai belia FELDA yang berjaya ke peringkat tinggi dalam bidang akademik malah menjadi tokoh dan juga pemimpin terkenal, tetapi *ratio* belia yang gagal dan terlibat dengan najis dadah juga tinggi. Saya berpendapat di dalam konteks ini, Majlis Belia Tempatan dan Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) perlu proaktif.

Soalan saya, berapakah jumlah Majlis Belia Tempatan berdaftar di FELDA-FELDA? Adakah mereka ini dipantau dan program diselaraskan? Apakah fungsi Majlis Belia Felda Malaysia dalam memartabatkan belia? Apakah bentuk program bagi membantu belia bergiat aktif seterusnya menjauhi gejala sosial seperti lepak, rempit dan penyalahgunaan dadah? Sejauh manakah kerjasama FELDA dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam usaha memberikan pendidikan yang lebih meluas kepada belia mengenai bahaya dadah?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah menyasarkan kelahiran empat pingat emas Sukan Olimpik pertama negara pada edisi Sukan Olimpik ke-25 yang bakal berlangsung di London pada tahun 2012. Untuk menjayakan misi tersebut, KBS telah mewujudkan satu program yang dinamakan *Road to London 2012* sebagai persediaan menjelang temasya yang berprestij itu.

Pada permulaan program tersebut, empat jenis sukan itu adalah badminton, memanah, basikal dan terjun akuatik yang disertai oleh 19 orang atlet negara yang telah terpilih dan yang terbaru, pasukan hoki lelaki negara turut tersenarai di dalam program tersebut.

Dengan kriteria pemilihan untuk atlet-atlet terbabit, akan dibuat berdasarkan pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh mereka di peringkat antarabangsa. Kini, tinggal setahun sahaja lagi menjelang temasya Sukan Olimpik edisi ke-25, London 2012.

Semua pihak terbabit perlu mengorak langkah dengan segera bagi menjayakan misi negara untuk meraih dan membawa pulang pingat emas Sukan Olimpik pertama negara. Fantasi atau realiti, kita yang bertanggungjawab untuk menentukannya. Soalan saya, apakah *back-up plan* sekiranya perancangan tidak menjadi kenyataan jika atlet cedera di saat akhir, prestasi merosot sehingga gagal layak ke Olimpik? Soalan kedua saya, bagaimanakah kementerian bercadang menyelesaikan isu kemelut peletakan jawatan jurulatih perseorangan negara iaitu Datuk Misbun Sidek yang saya lihat berpotensi untuk mendidik Datuk Lee Chong Wei memberikan pingat emas pertama negara di dalam acara

badminton. Ini kerana, kemelut ini sudah berpanjangan dan BAM nampaknya tiada jalan penyelesaian.

■1240

Ini kerana laporan kini menyatakan BAM sudah menawarkan kontrak baru, tetapi inti pati sama ada Datuk Misbun bakal kembali melatih Datuk Lee Chong Wei masih samar. Kandungan kontrak tidak diketahui dan saya berharap isu ini segera diselesaikan dengan konsep *win-win formula* agar matlamat kita mendapak pingat emas pertama Sukan Olimpik bakal menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga bertanya kepada kementerian tentang fungsi, misi Majlis Perunding Belia Negara. Apakah bidang tugas mereka ini dan emolumen yang mereka peroleh dan sejauh manakah Majlis Perunding Belia Negara ini telah memperkasakan belia negara? Saya juga ingin mengetahui sejauh mana Kementerian KBS telah buat bagi memastikan belia kita menjadi pengundi di dalam negara kita ini? Saya juga ingin mengetahui mengenai *sports industry* yang bakal dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama lagi dan bertanya apakah inti pati dan hala tuju mengadakan *sports* industri? Apakah *outcome* ataupun hasilnya kepada masyarakat di Malaysia ini?

Saya juga ingin tahu apakah perancangan kementerian KBS kali ini di dalam sambutan Hari Belia yang kita dapat lihat di tahun lepas begitu berjaya sekali, dapat menarik seberapa ramai belia, berjuta orang datang di Putrajaya dan kali ini apakah perancangan kementerian, apakah motonya, apakah lain-lain kementerian juga turut membantu dalam meraikan Hari Belia pada tahun ini?

Saya juga dapat melihat bahawa momentum kebangkitan bola sepak kini sejak diadakan Piala Suzuki begitu meningkat sekali di kalangan warga Malaysia. Saya ingin tahu, apakah usaha kementerian untuk memartabatkan lagi sukan ini yang telah dapat menyatupadukan semua kaum di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit isu *Bible* bahasa Melayu. Saya tahu ini merupakan isu sensitif dan kita semua maklum dan sedang menjadi polemik di dalam negara dan tidak perlulah saya ulang kembali kronologi isu ini. Di pihak penganut Kristian, mereka rasa terhina kerana *Bible* versi Melayu diperlakukan seolah-olah bahan yang berbahaya. Di pihak Islam pula, ada yang menyuarakan kebimbangan dengan *Bible* Melayu ini. Adakah *Bible* bahasa Melayu ini satu ancaman kepada akidah umat Islam di Malaysia? Pandangan saya, kita umat Islam perlu lebih terbuka. Lemah sangatkah akidah umat Islam di Malaysia sehingga rasa terancam orang Kristian baca kitab mereka di dalam bahasa Melayu? Kenapa terasa terancam dengan kitab agama orang lain? Bukan kita dipaksa beli ataupun kita minta dibaca pun.

Kita perlu ingat bahawa *Bible* ini sudah ada dalam 2,000 bahasa dunia. *Bible* juga ada dalam bahasa Arab dan tidak peliklah sebab Kristian memang giat menterjemah kitab mereka ke banyak bahasa dunia. Apa yang saya nampak di sini ialah umat Islam mestilah memperkasakan diri dengan ilmu dan agama. Itu yang penting. Kalau hendak diikutkan, baca *Bible* boleh menyebabkan umat Islam lebih bertambah keimanannya dengan agama Islam, bukan sebaliknya. Ini akan merancakkan lagi percambahan ilmu perbandingan agama di dalam negara.

Soalan saya, apakah langkah dan jaminan kerajaan supaya kawalan dan peringatan dalam usaha ia tidak disalahgunakan ataupun menjadi agenda politik pembangkang dan golongan yang tidak bertanggungjawab. Saya mahu tahu, dasar kerajaan berhubung kemasukan kitab *Bible* yang dicetak di dalam Bahasa Malaysia ini?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyebut sedikit mengenai Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya menyokong penubuhan Pusat Internet Desa kerana secara tidak langsung para penduduk kampung berpeluang meneroka kehebatan teknologi maklumat dan komunikasi ICT. Apatah lagi pusat ICT ini dibina berdekatan dan lokasi yang strategik untuk penduduk kampung mengunjunginya. Tidak hanya tertumpu kepada generasi di muda, warga emas di kampung turut tidak ketinggalan merasai teknologi dunia tanpa sempadan tersebut. Soalan saya, berapakah peruntukan serta jumlah Pusat Internet Desa yang telah diwujudkan di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas khususnya buat RTM dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dalam usaha membantu membangunkan industri televisyen dan filem tempatan. Usaha-usaha ini telah banyak melahirkan penerbit-penerbit berkaliber dan juga berpotensi dan memberi sinar baru kepada cuaca industri perfileman negara. Penglibatan MOSTI dan SKMM secara langsung di dalam industri ini juga telah banyak membantu insan-insan seni untuk melakar nama Malaysia di mata dunia dan syabas sekali lagi saya ucapkan.

Dalam usaha pihak kerajaan memberi dorongan dan juga insentif kepada para penerbit untuk terus berkarya dan memaparkan terbitan mereka ke persada dunia, ada baiknya kita melihat beberapa isu berkaitan agar mekanisme yang bersesuaian dapat di rumus bagi mereka yang terlibat dalam industri ini. Dalam konteks ini, kita memandangkan kepada pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan agar melonggarkan syarat-syarat hak milik siaran di luar negara kepada para penerbit tempatan agar dapat membantu mereka meringankan beban kos penerbitan yang semakin meningkat. Kita sedar dan terima bahawa pihak RTM telah mengeluarkan belanja bagi membeli program-program dan *content* yang bersesuaian bagi membantu industri tempatan.

Namun kita terlupa bahawa nilai tawaran dan belian yang kita buat tidak ada bezanya pada harga sejak 15 tahun yang lalu. Contohnya, harga di antara RM20,000 ke RM25,000 bagi setiap program..., setengah jam adalah harga yang ditawarkan pada waktu 15 tahun yang lepas. Sehingga kini, dasar pembelian tempatan masih diteruskan dengan proses perolehan mengikut keperluan yang bersesuaian pada harga yang sama.

Kita amat menyokong dan bersetuju agar hak milik siaran tempatan dipegang sepenuhnya oleh pihak RTM namun, memberi kelonggaran hak milik siaran di luar negara kepada pihak penerbit. Perkara ini harus dipandang serius memandangkan ramai penerbit tempatan merasa terhimpit di atas peningkatan kos penerbitan dan menerbitkan program-program yang berkualiti sedangkan harga yang diterima adalah sama seperti 15 tahun yang lalu. Maklum sahajalah dalam tahun kebelakangan ini, harga minyak naik, artis naik, muzik, segala-galanya naik dan kenapa penerbitan ini tidak dinaikkan harganya? Dengan memberikan ruang atau kebenaran untuk mereka memasarkan terbitan mereka ke luar negara akan membantu meringankan kos penerbitan yang semakin meningkat. Usaha ini juga akan mendorong ramai lagi penerbit tempatan untuk berpandangan jauh dan menembusi pasaran antarabangsa.

Kita menyeru dan memohon agar pihak kementerian sama-sama menimbangkan hal ini agar laluan insan-insan seni ini akan terus bercahaya dan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri perfileman negara. Di samping itu juga, negara turut menerima manfaat jangka panjang apabila para penerbit ini dapat menjual Malaysia di mata dunia dengan *selling Malaysia to the world through TV*.

Saya juga ingin tahu mengenai jumlah penerbitan filem dan drama tempatan yang ada di pasaran, sama ada ia mencukupi untuk memenuhi permintaan industri hiburan negara. Sila senaraikan berapakah jumlah penerbit filem, drama yang terdiri daripada kaum wanita? Berapakah peratus jumlah filem dan drama luar negara yang disiarkan di media negara ini?

Saya juga hendak tahu bila hendak dilaksanakan pelantikan *Board of Directors* di FINAS ataupun di bidang-bidang lain di bawah kuasa kementerian yang terdiri daripada kaum hawa yang masih belum dilantik sehingga kini?

■1250

Saya juga ingin tahu berapa kali bayaran langganan bulanan ASTRO yang telah dinaikkan sejak ia dilancarkan.

Saya juga ingin tahu apakah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk membina upaya semua Pengerusi JASA dan Pegawai-pegawai JASA dan Penerangan agar mereka ini lebih berkesan menjadi orang perantaraan di antara masyarakat dan juga kerajaan. Apakah syarat-syarat dan kelulusan yang diperlukan untuk melayakkan seseorang itu menjadi pegawai JASA ataupun Penerangan di Parlimen masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua lagi isu hendak dibawa di sini. Satunya mengenai pengetahuan-pengetahuan isu kemalangan bas ekspres.

*Cucur badak buah Melaka,
Buat hidangan kaum kerabat,
Tiada gunanya berlumba-lumba,
Biar lambat asalkan selamat.*

Kemalangan maut melibatkan bas ekspres mungkin boleh dielakkan sekiranya sistem pemanduan waktu malam dikaji semula dan had laju maksimum ditetapkan bagi mengelak para pemandu memecut terutama di jalan-jalan yang berisiko tinggi. Saya ingin mencadangkan untuk mengehadkan kelajuan maksimum bas ekspres dan bas penumpang kepada 90 kilometer sejam wajar dilaksanakan secepat mungkin. Bagi penumpang bas sendiri, cadangan itu dilihat sekurang-kurangnya memberi jaminan terhadap soal keselamatan mereka sewaktu di jalan raya. Ini kerana kemalangan ngeri membabitkan bas ekspres dengan jumlah kematian yang tinggi sudah menjadi perkara biasa dilaporkan di dada-dada akhbar.

Kebenaran perjalanan bas ekspres pada sebelah malam yang majoritinya membabitkan hampir kesemua lokasi terutamanya ke bandar-bandar besar di seluruh negara. Jika dilihat kepada rekod kemalangan membabitkan bas ekspres sebelum ini, kebanyakannya berlaku pada waktu awal pagi. Puncanya di sini sangat jelas iaitu kerana faktor pemandu yang mengantuk dan tidak sukar untuk memahami logiknya itu kerana lumrahnya waktu malam adalah untuk tidur. Kehadiran pemandu kedua juga sedikit sebanyak dapat mengelak risiko kemalangan disebabkan faktor mengantuk.

Saya mencadangkan supaya dikaji semula skim gaji dan komisen di kalangan pemandu. Ketika ini, gaji permulaan kebanyakan pemandu bas ekspres dikatakan begitu rendah. Mereka terpaksa bekerja keras untuk mendapat komisen dan biasanya jumlah komisen itu dikira berdasarkan jumlah perjalanan atau pemanduan yang dilakukan oleh pemandu terbabit. Mengikat had laju bas ekspres kepada 90 kilometer sejam dilaksanakan menggunakan *speed block* dan pegawai JPJ, PDRM, JKJR, KEJORA dan agensi berkaitan perlu melakukan pemantauan berterusan termasuk hingga ke tahap berada di dalam bas.

Saya juga ingin mengetahui, apakah mengikut lunas-lunas undang-undang dan nasihat dari peguam negara yang membolehkan JPJ menyenaraihitamkan pengguna kenderaan dan tidak dibenarkan memperbaharui lesen kereta atau cukai jalan bagi mereka yang tidak membayar saman polis tanpa membawa kes ke mahkamah terlebih dahulu.

Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah kementerian terkini dalam memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya di samping dapat membantu mereka mengurangkan kadar kemalangan. Apakah kegagalan dan juga kejayaan kementerian dalam perolehi daripada semua OPS-OPS yang dibuat selama ini. Adakah kementerian bercadang menghapuskan kenderaan melebihi 15 tahun memandangkan kesesakan trafik yang begitu teruk dan tahap keselamatan kenderaan dan isu-isu insurans pihak ketiga yang terlalu tinggi.

Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, menegur perilaku Ahli-ahli Parlimen.

*Apa diharap Pakatan Rakyat,
Menabur janji mengharap balasan,
Hidup sepakat membawa berkat,
1Malaysia dijadikan landasan.*

Ke Bawah Duli Tuanku sekali lagi menyentuh isu perilaku dan tatasusila Ahli-ahli Yang Berhormat dan menurut perkiraan saya, sudah dua tahun berturut-turut Baginda Tuanku menyentuh akan isu ini. Jelas baginda begitu prihatin dan mengambil berat akan pelbagai perkara yang berlaku yang melibatkan tingkah laku Ahli-ahli Yang Berhormat. Kekecohan yang berlaku di Dewan Rakyat pada sidang yang lepas yang sengaja dicetuskan Ahli Parlimen pembangkang yang boleh saya sifatkan sebagai satu sejarah

hitam Parlimen yang tidak sepatutnya terjadi di dalam sebuah negara yang mendukung sistem demokrasi berparlimen hari ini.

Ke Bawah Duli Tuanku juga menegur dan memberi nasihat isu kekecohan tersebut yang sering kali terjadi bila mana Ahli Parlimen dari pihak pembangkang digantung dari menghadiri sidang Parlimen.

Saya juga terpanggil untuk merasa kesal akan sikap pembangkang yang membuat lawatan ke luar negara tetapi memburuk-burukkan negara Malaysia semasa berada di sana. Apa perlunya menagih simpati dan membawa ahli politik daripada Negara Kanggaru iaitu Australia ke Lobi Parlimen ke mulia ini dan mengadakan sidang akhbar mengutuk keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua kita. Dikatakan tidak adil, berat sebelah dan tidak memberi ruang mencukupi untuk Ketua Pembangkang berbahas dan di manakah rasionalnya.

Kita semua sedia maklum, tengok dalam catatan Hansard Parlimen jelas ruang mencukupi diberi tetapi Ketua Pembangkang membuat tohmahan melulu menghasut dan menghina Dewan dan beliau tidak langsung berhujah mempertahankan diri dengan fakta dan butiran tetapi berterusan menuduh UMNO dan APCO yang dikatakan mempunyai kaitan dengan konsep 1Malaysia. Saya ada dimaklumkan akan aktiviti segolongan Ahli Parlimen kita yang sering kali keluar negara bertemu dengan pemimpin luar, NGO, pembangkang luar dan ahli ekonomi dan pelabur luar dengan niat untuk menagih sokongan dan memburukkan Malaysia dan golongan ini sememangnya gemar untuk berulang alik khususnya sejak Ketua Pembangkang dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri lebih sedekad lalu bagi memburukkan Malaysia dan mendapatkan sokongan di sana.

Pada pandangan saya, adalah tidak menghairankan apabila isu-isu mengenai warganegara Indonesia di negara ini yang dimainkan oleh golongan ini begitu pantas meningkatkan kemarahan warga Indonesia di sana. Isu seperti penderaan yang merupakan kes terpicil dan gaji yang tidak diperolehi di tapak pembinaan Istana Negara baru-baru ini jelas merupakan contoh di mana golongan tidak bertanggungjawab ini lebih gemar untuk mencari populariti dan undi berbanding menjaga nama baik dan maruah negara.

Tuan Yang di-Pertua,

*Jalan berlenggang si gadis sunti,
Baju kebaya cantik dan seksi,
Saya pencadang sudah puas berinteraksi,
Rasanya cukuplah setakat di sini.*

*Pihak pembangkang lidah bercabang,
Tiada muafakat sesama sendiri,
Pelbagai isu sudah dicadang,
Izinkan saya mengundur diri.*

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini, saya sekali lagi, Nor Hayati binti Onn, Ahli Dewan Negara sebagai pencadang dari Dewan yang mulia ini dengan ini menyokong penuh usul menjunjung kasih Titah Diraja oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

*Batu kemenyan, buah mempelam, daun selasih;
Sekian, wassalam. Terima kasih.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata selalunya Tuan Yang di-Pertua terlepas pandang kepada wanita. Jadi hari ini terima kasih Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang kepada wanita untuk mencadangkan usul menjunjung kasih ke atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga sebentar lagi, penyokongnya juga adalah seorang wanita. Dengan itu hari ini saya rasa kepercayaan penuh telah diberikan kepada wanita dan saya rasa kepercayaan

yang diberi tidak sia-sia kerana Yang Berhormat telah menyampaikan ucapan yang begitu bernas dan amat bersemangat. Ini membuktikan bahawa wanita juga boleh. Tahniah, Yang Berhormat. Kita ada dua minit lagi. Jadi saya rasa jangan sia-siakan masa. Dengan itu saya mempersilakan, minta Yang Berhormat Puan Usha Nandhini menyokong dan berucap.

12.58 tgh.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jutaan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kedua Belas pada 7 Mac 2011.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional yang telah menang di dalam pilihan raya negeri di Sarawak dan semoga kejayaan ini membuka mata semua pihak untuk terus menyokong segala aspirasi dan juga pelan transformasi pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan ucapan saya dengan membawa beberapa perkara penting yang menyentuh isu pendidikan. Aspirasi NKRA pendidikan negara adalah memberi penekanan kepada peningkatan pencapaian pelajar secara menyeluruh yang meliputi intelektual, emosi, rohani dan juga jasmani yang mampu melonjakkan sistem pendidikan negara. Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pelajaran di atas kejayaan mereka mencapai sasaran NKRA bagi tahun 2010 dan di antaranya adalah pencapaian sebanyak 72.42 peratus kadar enrolmen murid pra sekolah yang melepasi sasaran sebanyak 70 peratus. Pada tahun lalu juga Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan bahawa 20 buah sekolah akan diberi pengiktirafan sebagai sekolah berprestasi tinggi berdasarkan kecemerlangan akademik, berdasarkan kecemerlangan kokurikulum dan juga berdasarkan pembentukan sahsiah seorang pelajar.

Baru-baru ini sebanyak 23 buah sekolah lagi telah diumumkan sebagai sekolah berprestasi tinggi bagi tahun 2011. Pihak Kementerian Pelajaran menasaskan bahawa sebanyak seratus buah sekolah lagi akan dipilih sehingga akhir tahun 2012. Sekolah berprestasi tinggi ini merupakan satu usaha positif Kementerian Pelajaran dalam mewujudkan penarafan kepada sekolah-sekolah di Malaysia dan diharapkan langkah ini akan dapat melahirkan lebih banyak sekolah yang akan berusaha ke arah tahap kecemerlangan dan melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang untuk pembangunan modal insan negara. Di samping itu diharapkan juga aspek pembangunan rohani dan akhlak pelajar dapat kita tekankan dalam program SBT ini bagi mewujudkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga cemerlang dari sudut keterampilan dan keimanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa cukup, Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang nanti.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Usha baru berucap lebih kurang dua minit ya. Jadi sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat untuk menyambung dalam masa 25 minit. Silakan.

2.32 ptg.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ucapan saya berkenaan dengan isu pendidikan. Di bawah NKRA yang keempat iaitu tawaran baru, ia merupakan satu inisiatif pihak kerajaan yang menawarkan ganjaran kewangan kepada guru besar-guru besar serta guru-guru yang berjaya meningkatkan prestasi sekolah melepasi sasaran yang ditetapkan oleh kementerian.

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan seramai 924 orang guru besar dari seluruh negara telah disenarai pendekkan bagi menerima insentif sebanyak RM7,500 seorang sebagai ganjaran kerana berjaya meningkatkan prestasi sekolah mereka. Ternyata NKRA ini Tuan Yang di-Pertua, berjaya menaikkan semangat para pengetua, berjaya menaikkan semangat guru besar dan juga guru-guru untuk meningkatkan prestasi sekolah masing-masing. Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia yang diumumkan baru-baru ini merupakan satu keputusan yang terbaik sejak tahun 2006, mengukuhkan lagi kejayaan NKRA negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh satu lagi isu pendidikan. Dalam kita menyambut gembira pencapaian NKRA pendidikan yang memberangsangkan namun terdapat beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan lagi agar kualiti sistem pendidikan negara dapat dicapai. Antara lainnya adalah memberi fokus ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh tenaga yang paling penting dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Negara. Tenaga bagi melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi, siapa lagi kalau bukan golongan guru.

Tugas guru amatlah mulia. Setiap individu tidak boleh menafikan bahawa guru adalah penyumbang yang paling besar terhadap kejayaan setiap individu. Guru merupakan pendidik yang tidak jemu menyampaikan ilmu kepada anak bangsa. Namun masalah yang dihadapi oleh golongan guru dari dahulu sehinggalah sekarang masih tidak dapat kita atasi sepenuhnya. Antara masalah yang masih lagi dihadapi oleh golongan guru adalah beban kerja yang berlebihan seperti kerja-kerja perkeranian. Ini yang mana kadang-kadang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan fokus yang sewajarnya kepada tugas hakiki mereka iaitu mengajar dan persekitaran kerja yang tidak kondusif pula.

Kalau kita samakan taraf mereka dengan kakitangan kerajaan yang lain, yang dapat berkhidmat dengan selesa di pejabat yang berhawa dingin. Namun sebahagian besar guru kita haruslah berpuas hati dengan kipas angin sahaja dan ruang kerja di bilik guru yang terhad. Para guru juga kadang-kadang berpeluang ataupun berhadapan dengan peluang kenaikan pangkat yang amat minima. Di samping itu mereka terpaksa berhadapan dengan beban tugas yang tidak diagihkan sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, tetapi mereka juga berperanan sebagai pembimbing yang dapat membentuk sahsiah dan juga akhlak yang terpuji di kalangan anak muridnya. Pada tahun yang lalu, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi mengkaji beban guru yang berlebihan yang ditanggung oleh guru sekolah di seluruh dunia. Di sini saya ingin bertanya, apakah status jawatankuasa khas tersebut? Apakah cadangan penyelesaian yang dikemukakan, dan apakah tindakan yang telah diambil dan dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh golongan guru?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya dengan menyentuh berkaitan Skim Francais Usahawan Muda 1Malaysia yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Saya percaya usaha murni ini adalah sangat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai golongan muda berbilang kaum, untuk melibatkan diri di dalam perniagaan khususnya yang berasaskan sistem francais. Malahan usaha ini juga mampu menerapkan nilai-nilai keusahawanan yang positif di kalangan belia pelbagai kaum. Saya yakin inisiatif ini jelas membuktikan kesungguhan kerajaan untuk turut memperkasakan golongan muda melalui pelbagai dasar, melalui pelbagai program. bagi memastikan kaum belia di negara kita dapat terus bersama tanpa mengira kaum dan menentukan hala tuju negara. Saya percaya usaha ini ibarat api yang akan menyemarakkan lagi semangat golongan muda untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan, untuk membina kehidupan yang lebih sejahtera dan juga lebih kondusif. Program francais seperti ini bukan sahaja dapat melahirkan lebih ramai golongan usahawan muda yang cemerlang yang mampu bersaing di peringkat global tetapi membantu melonjakkan pendapatan ekonomi negara. Saya amat menyanjung tinggi usaha murni Perbadanan Nasional Berhad yang telah menyediakan pinjaman serendah RM50 ribu hingga RM2 juta bagi mereka yang ingin menceburkan diri di dalam perniagaan francais ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak perniagaan francais diperkenalkan di negara ini pada awal 1990-an jelas terbukti ia adalah satu mekanisme yang paling cepat dan paling berkesan dalam membangunkan usahawan tempatan. Ekoran daripada itu, hari ini kita mempunyai seramai 499 orang francaisor berdaftar dengan pendaftar francais yang membabitkan seramai 6,323 orang francais. Malahan dalam kajian separuh penggal RMK-9, Program Pembangunan Francais ini telah menunjukkan nilai jualan yang meningkat sebanyak RM10.2 bilion.

Namun, harapan saya adalah agar skim ini dapat kita perluaskan lagi, kita perluaskan lagi secara menyeluruh termasuk di Sabah dan Sarawak berdasarkan slogan 1Malaysia. Peluang yang sama rata haruslah diberikan kepada pelajar IPT tanpa mengira sama ada mereka dari Semenanjung, dari Sabah ataupun dari Sarawak. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan inisiatif ini kepada para pelajar lepasan Institut Kemahiran Belia Negara? Sememangnya usaha kerajaan ini 'ibarat pucuk dicita ulam mendatang' bagi lepasan IPT. Namun saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk mengehadkan jumlah peserta yang mengikuti program ini, apakah mekanisme yang akan digunakan oleh pihak kerajaan untuk memantau prestasi mereka? Ini kerana kebimbangan kita adalah mungkin tidak ramai golongan muda yang mampu mengatasi masalah kewangan mereka akibat kekurangan pengalaman dari segi menguruskan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menyentuh isu berkaitan usaha memperkasakan slogan dan laungan 1Malaysia menerusi media elektronik. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang telah mengambil inisiatif untuk melancarkan satu saluran khas bagi rakyat Sabah dan Sarawak. Pelancaran saluran khas ini 'ibarat bulan jatuh ke riba' untuk masyarakat Sabah dan Sarawak. Melaluinya cara hidup serta asal usul masyarakat Sabah dan Sarawak dipaparkan, sekali gus ini dapat mengaplikasikan konsep 1Malaysia dengan lebih berkesan.

■1440

Dalam kesibukan kita mempersiapkan diri untuk ucapan pada hari ini, saya berkesempatan untuk menonton beberapa program yang disiarkan di TVI ini. Justeru, saya ingin mencadangkan agar sari kata di dalam bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya bagi setiap program yang menggunakan bahasa daerah. Saya percaya cara ini akan membolehkan masyarakat luar untuk mendekati dan juga mempelajari bahasa daerah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa program yang disiarkan oleh stesen televisyen TV3 dan juga RTM menunjukkan kesungguhan mereka untuk menterjemahkan konsep 1Malaysia, namun masih lagi terdapat banyak kelompangan yang perlu kita isi. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah kerajaan bercadang untuk menggesa stesen penyiaran yang sedia ada untuk memperbanyakkan lagi program yang menyatukan pelbagai bangsa di dalamnya. Kekurangan juga agak ketara di dalam program-program radio tempatan di mana..., apakah kerajaan bercadang untuk memperbaiki kekurangan ini.

Kalau di zaman dahulu, kita lihat ada pelakon, ada penyanyi seperti Goh Eng Boon ataupun yang dikenali sebagai Andre Goh adalah di antara penggiat dan juga penyanyi lagu lama tradisional yang cukup berjaya dan terkemuka di tanah air. Francis Yip pula dengan gayanya yang tersendiri. Kalau kita lihat di kalangan kaum India pula, mendiang P. Param adalah antara pelakon komedi India yang terbaik dan tidak kurang hebatnya kumpulan Alleycats dengan penyanyi-penyanyi David Arumugam dan Loganathan dengan konsepnya 'terima kasih' yang masih kita dengar sehingga kini.

Akan tetapi, walaupun pada hari ini banyak nama-nama baru tumbuh ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Nama-nama hebat seperti Andre Goh, Frankie Cheah, Param, David Arumugam tetap segar di ingatan semua. Oleh itu atas slogan 1Malaysia dan atas dasar memperhebatkan lagi perpaduan antara rakyat pelbagai kaum di negara kita, saya menggesa agar kerajaan memperbanyakkan lagi program, memperbanyakkan lagi penyertaan kaum-kaum lain ke dalam program-program tempatan.

Umpamanya dalam program-program drama, program bercorak realiti dan juga pengacaraan. Semoga dengan cara ini akan muncul nama-nama baru yang bukan sahaja

setanding dengan nama-nama yang telah saya sebutkan tadi malahan lebih hebat lagi. Selaras dengan Gagasan 1Malaysia, maka akan semakin nyata lah bahawa rakyat Malaysia juga memerlukan satu transformasi dari segi sosiobudaya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya beralih kepada beberapa isu berkaitan ekonomi. Kita sedia maklum, PEMANDU merupakan unit yang diwujudkan untuk memantau pelaksanaan menilai kemajuan, memudahkan serta menyokong pencapaian dan juga memacu kemajuan program-program negara seperti GTP dan juga ETP. PEMANDU ini ETP ini dirangka seiring ini dengan program-program lain seperti NKRA, MBE, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan juga Bajet Tahun 2011. Sebanyak 131 buah projek sudah pun dikenal pasti dan diletakkan di dalam senarai projek EPP.

Saya ingin memohon penjelasan di sini, bolehkah dinyatakan lima buah projek mega yang dirancang di bawah EPP dan berapakah jumlah pelaburan yang terlibat? Selain daripada itu, projek EPP yang disenaraikan juga dikatakan akan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan ini selaras dengan usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Soalan saya, setakat manakah kerajaan menghasilkan peluang pekerjaan sejumlah 3.3 juta ini? Apakah sektor-sektor yang terpilih serta apakah kategori pekerjaan yang telah pun diwujudkan setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membicarakan isu cadangan menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi. Dalam hal ini, kita tidak boleh lari dari membicarakan mengenai isu gaji minimum. Saya ingin mencadangkan bahawa gaji minimum ini ditingkatkan untuk semua sektor buruh seperti pekerja ladang, pembuat bangunan, pekerja kilang dan sebagainya. Ini kerana pekerja-pekerja dari sektor-sektor ini pada masa ini dikuasai oleh warga asing dengan izin, ada yang tanpa izin dan majoritinya daripada Indonesia, India, Bangladesh, Nepal, Vietnam dan banyak lagi. Majoriti rakyat Malaysia tidak mahu bekerja dalam sektor ini kerana mereka mengatakan bahawa gajinya agak rendah dan tidak kurang juga yang lebih rela menganggur daripada bekerja.

Implikasi daripada penguasaan sektor buruh oleh warga asing ini adalah akan menguatkan skil sebagai seorang buruh itu akan hilang daripada rakyat Malaysia. Sekarang mungkin majikan mampu membayar gaji yang lebih tinggi kepada mereka kerana ekonomi negara masih baik. Akan tetapi apakah yang akan berlaku sekiranya ekonomi tidak begitu baik dan kita tidak mampu membayar gaji warga asing maka sudah pasti mereka ini akan keluar berduyun-duyun dan kemudiannya mereka akan mencari rezeki di negara lain dan kita akan ditinggalkan dengan rakyat yang sudah hilang skil sebagai buruh serta juga pasti akan menyebabkan ekonomi kita menjadi parah. Lihat berapa ramai lagi rakyat Malaysia yang ada skil memetik kelapa sawit atau membancuh simen atau pun membuat bangunan dan sebagainya.

Implikasi kedua adalah berbilion ringgit Malaysia akan mengalir keluar negara. Dengan menetapkan satu gaji minimum yang lebih tinggi untuk sektor buruh, ini sudah tentunya akan menarik minat rakyat Malaysia kembali bekerja dalam sektor buruh.

Apabila rakyat Malaysia terus berada di dalam sektor ini, maka kita tidak risau seandainya Malaysia ditinggalkan oleh pekerja warga asing kerana skil sebagai buruh itu masih ada di kalangan rakyat kita. Apa yang lebih penting, ringgit kita tidak akan mengalir keluar. Sememangnya Malaysia menuju ke arah negara maju, ke arah negara berpendapatan tinggi. Akan tetapi ini bukan bermakna dalam masa 20 tahun hingga 30 tahun akan datang, kita tidak akan ada lagi ladang sawit, kita tidak akan ada lagi sawah padi, ladang getah ataupun projek pembangunan. Apakah kita akan terus bergantung pada pekerja warga asing yang majoritinya tidak akan memberikan sebarang manfaat kepada kita dalam jangka masa yang panjang?

Pada masa yang sama, berikutan..., bercakap mengenai dengan isu buruh, isu menaikkan gaji sektor buruh ini, saya juga ingin bertanya sama ada dalam usaha kita mewujudkan lebih banyak tenaga mahir dari segi teknikal dan juga vokasional, apakah kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pengajian Tinggi berhasrat untuk merombak semula sistem vokasional dan program-program latihan kita. Mungkin sudah tiba masanya pihak universiti, pihak kolej,

pihak sekolah menukar *syllabus* agar subjek vokasional itu diberi penekanan yang khusus dan diberi penekanan yang sewajarnya. Ramai yang telah pun membicarakan isu *Talent Corporation* pada pagi ini, dengan izin.

Pada sidang pertama Encik Johan Merican sebagai CEO *Talent Corporation*, beliau ada menyentuh beberapa isu. Antara lain menyatakan operasi *Talent Corporation* ini adalah berdasarkan merit. Namun soalan saya, bolehkah *Talent Corporation* ini mencapai matlamatnya jika hanya ia sahaja yang beroperasi berlandaskan merit padahal bagaimana pula kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti imigresen, universiti, pihak swasta yang mungkin masih lagi ramai lagi yang tidak mengamalkan sistem meritokrasi. *Brain drain* ini kita harus lihat dari satu sudut yang positif kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Pengalaman di luar negara dan *market labor* mereka yang *mobile* akan memberi manfaat kepada negara. Saya ingin bertanya apakah sistem KPI yang bakal dilaksanakan oleh *Talent Corporation*?

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada isu yang melibatkan Kementerian Pengangkutan. Setiap kali kita mendengar berita kemalangan maut. Persoalannya sekarang, sampai bilakah kita harus menatap berita-berita seumpama itu? Saban hari ada sahaja rakyat Malaysia yang terkorban di jalan raya. Malah ia seolah-olah rancak apabila menjelang musim perayaan. Entah di mana silapnya, walaupun pelbagai kempen diadakan, walaupun pelbagai usaha dilakukan, namun ia masih belum dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Kita tidak mahu tindakan tegas hanya diambil apabila ada kemalangan yang melibatkan lori ataupun kenderaan-kenderaan berat. Akan tetapi apabila keadaan itu tidak lagi berlaku, maka kita semua menjadi senyap dan sunyi. Saya ingin menggesa agar pihak polis trafik dan juga JPJ perlulah melaksanakan lebih kerap operasi di jalan-jalan persekutuan dan juga di jalan-jalan negeri yang acap kali kita menyaksikan pelbagai jenis kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal (CMP-2) yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini merupakan satu strategi kerajaan bagi menyasarkan pasaran modal negara sehingga mencecah RM4.5 trilion dalam tempoh sepuluh tahun. Ini dijangka bukan sahaja dapat memberikan perlindungan kepada pelabur tetapi ia dijangka juga dapat mengukuhkan peranan pasaran modal negara. Apa yang pasti, sama ada CMP-1 ataupun CMP-2, ini menggambarkan kesungguhan kerajaan, bukti kerajaan dalam menggerakkan usaha bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Ia jelas menunjukkan bahawa segala perancangan, segala pelan yang diatur oleh kerajaan bagi kesejahteraan rakyat bukan sahaja cakap-cakap kosong atau pun bukan sekadar janji pilihan raya sahaja.

■1450

Lebih membanggakan lagi apabila pelan tersebut tidak meminggirkan teknologi hijau. Ini kerana kita tidak mahu ketinggalan dalam mengejar kemajuan teknologi hijau dan dengan berkembangnya teknologi hijau, kehidupan masyarakat kita akan lebih lestari terutamanya dalam menangani isu pencemaran alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Ya. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Klinik 1Malaysia dan juga isu meningkatkan tabiat membaca. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, berapakah bilangan Klinik 1Malaysia yang wujud pada ketika ini dan ingin mengucapkan syabas di atas penubuhan Klinik 1Malaysia bergerak. Di samping itu saya turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada dua orang Ahli Dewan Negara wanita untuk mencadangkan dan juga menyokong Usul Diraja. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita hendak beritahu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang lebih kurang 2.30 dan pukul 3 biasanya memang Ahli-ahli Yang Berhormat kurang hadir dalam Dewan ini. Saya awal-awal hendak beritahu, saya buat catatan di sini bahawa saya harap kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua turut hadir dan kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat hendak ambil bahagian itu awal-awal ini lagi baik.

Jangan esok sudah dekat semua berpusu-pusu, berkejar-kejar hendak berebut dan oleh itu saya menggalakkan lagi cepat, lagi baik dan juga wakil-wakil kementerian yang turut hadir apabila Yang Berhormat berucap, saya harap ambil ingatan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat esok mengharapkan jawapan daripada kementerian-kementerian berkenaan. Ini sebagai satu peringatan kepada Dewan yang mulia ini. Seterusnya tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali berbahas dalam masa 25 minit. Dipersilakan Yang Berhormat.

2.52 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa kecewa sedikit kerana pembahas usul awal tadi diberikan masa yang tidak terbatas sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, begini Yang Berhormat, tidak mengapa. Saya fikir kerana pembangkang yang pertama, saya berilah lama sedikit. Silakan Yang Berhormat. Hendak mengawal masa itu cukup susah. Tidak mengapa, dipersilakan Yang Berhormat. Boleh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Saya berasa sukacita kerana saya dapat menyertai perbahasan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Saya sudah menyediakan ucapan yang agak panjang secara bertulis tetapi oleh kerana menghormati nasihat yang selalu diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba berucap tanpa membacanya.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Sebagai seorang pensyarah lama, dia tidak payah baca semua *point* itu, lemparkan sahaja, saya rasa sudah bagus untuk kita semua.

Dr. Syed Husin Ali: Tidak boleh juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lontarkan sekarang Yang Berhormat. Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Apatah lagi kerana mungkin apabila saya baca nanti dalam keadaan mata yang kurang baik dan umur yang tua ini tidak begitu lancar nanti dan tidak begitu semangat... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak tua Yang Berhormat, orang lama sahaja. Silakan, teruskan.

Dr. Syed Husin Ali: Pagi tadi, ramai yang telah memberikan tahniah dan pujian kerana kemenangan Barisan Nasional. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja kerana banyak disebutkan tadi. Seorang teman tadi bertanya dengan saya, "*Tidakkah awak akan memberikan ucapan tahniah juga?*". Saya rasa saya tidak ada masalah. Saya akan mengucapkan syabas kerana kemenangan Barisan Nasional, Akan tetapi ingat bahawa walaupun Barisan Nasional mencapai 2/3 majoriti tetapi undi yang diperolehinya turun daripada 63 peratus kepada 55 peratus iaitu penurunan 8 peratus.

Dari segi pengundi, mereka tidak mendapat majoriti 2/3. Satu lagi ialah wakil-wakil yang dipilih dari Pakatan Rakyat bertambah dua kali ganda. Itu cukuplah Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak menjelaskan bahawa sekarang ini Sarawak bukan lagi merupakan *fixed deposit*. Ada cabaran perubahan di kalangan rakyat.

Dalam ucapan ini saya hendak menumpukan kepada empat perkara, empat bidang iaitu:

- (i) ekonomi,
- (ii) pendidikan,

- (iii) keselamatan, dan
- (iv) ancaman persekitaran dan kesihatan.

Ini selalunya memang bidang-bidang yang ditugaskan kepada saya. Dalam soal ekonomi, saya ingin menyebutkan tiga perkara iaitu perangkap pendapatan pertengahan, pemusatan kekayaan dan kemunduran serta kemiskinan di Sabah dan Sarawak terutamanya. Sebuah laporan antarabangsa mengenai pertumbuhan ekonomi oleh *Commission on Growth and Development* menyatakan bahawa dalam dunia ini ada 13 buah negara yang berjaya mempertahankan kenaikan pertumbuhan selama 25 tahun. Salah sebuah negaranya ialah Malaysia. Ini perkara yang membanggakan tetapi, ada tetapinya. Di antara 13 buah negara ini hanya 6 negara sahaja yang berjaya sampai kepada peringkat ekonomi yang tinggi. Malaysia termasuk dalam kategori negara yang menghadapi perangkap pendapatan pertengahan (*middle income trap*) dan dalam *middle income trap* ini kita dapati beberapa masalah yang timbul.

Masalah ini banyak tetapi ada empat yang saya ingin petik daripada seorang ahli ekonomi Malaysia, Dr. Toh Kim Woon yang juga pernah menjadi Exco Barisan Nasional di Pulau Pinang. Beliau mengatakan bahawa keempat-empat masalah ini berkaitan dengan:

- (i) kekurangan kemahiran menghadapi pelbagai masalah transformasi ekonomi terutama sekali pekerja berpendidikan tinggi dan pakar sains yang tidak mencukupi untuk menjalankan penyelidikan;
- (ii) walaupun ada kumpulan berbakat tetapi bilangannya terbatas dan dalam bilangan yang terbatas ini pula terdapat *flight* ataupun pelarian banyak tenaga atau bakat ini keluar negara. Jadi, apa yang dikatakannya ialah kita mempunyai masalah pelarian modal manusia ke luar negara;
- (iii) kumpulan berbakat ini perlu dibina dalam negara akan tetapi masalah pembinaannya ialah berkaitan dengan sistem pendidikan yang semakin merosot. Bukan itu sahaja akan tetapi juga didapati bahawa dasar imigrasi dianggap sebagai tidak begitu liberal; dan
- (iv) belum ada keyakinan yang sepenuhnya walaupun *Talent Corporation* baru sahaja ditubuhkan. Belum ada keyakinan bahawa *Talent Corporation* akan dapat menarik masuk bakat-bakat bukan sahaja rakyat Malaysia yang sudah lama di luar negara tetapi juga yang baru lulus daripada universiti di luar negara. Selain dari itu, seperti yang telah diterangkan oleh seorang Senator tadi kita dapati juga pelarian tenaga manusia berbakat dari negara ini.

■1500

Jadi, dalam *middle income trap* ini, dengan izin, kita perlu melihat bagaimana bukan saja kita dapat menarik kembali bahkan dapat menyekat tenaga kerja yang keluar tadi. Ini adalah satu masalah yang selalu sulit dihadapi oleh negara-negara yang menghadapi *middle income trap* ini. Tentang pemusatan kekayaan, kita dapati bahawa ada trend pemusatan kekayaan ini yang menimbulkan jurang lebih luas antara yang kaya dengan yang miskin, di antara yang berada dengan tidak berada. Ini selalu saya sebutkan dan saya perlu tegaskan sekali lagi perkara ini kerana ini adalah masalah kemiskinan yang penting. Kita bukan melihat kemiskinan hanya dari segi mutlak, tetapi juga dari segi *absolute*, kurangnya orang yang di bawah garis kemiskinan, tetapi kita harus melihat juga dari segi jurang. Jurang sosio ekonomi bertambah oleh kerana terdapat trend pemusatan kekayaan di kalangan segelintir orang. Pemusatan kekayaan pada sebilangan kecil orang ini adalah akibat daripada dasar atau falsafah ekonomi bebas atau *Laissez faire system*.

Di sini kita dapati bahawa dalam hal ini kerajaan telah menjelaskan dan menunjukkan bahawa 40 peratus daripada rumah tangga (*household*) adalah berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan setiap *household* ini mengandungi dua atau tiga orang yang bekerja dan barangkali mendapat pendapatan. Selain itu 34 peratus

pekerja berpendapatan kurang dari RM700 sebulan, iaitu kurang daripada garis kemiskinan. Seperti yang pernah saya katakan 70 peratus daripada *household* yang berpendapatan kurang dari RM1,500 ini dan pekerja yang berpendapatan kurang RM700 adalah orang Melayu, bumiputera. Bandingkan misalnya dengan seratus orang yang terkaya dalam negara ini. Seratus orang yang terkaya itu lebih daripada 90 peratus adalah terdiri daripada bukan Bumiputera. Jadi jurangnya bukan sahaja jurang yang merupakan sosioekonomi, tetapi ada unsur-unsur kaum di dalamnya yang boleh merupakan satu ancaman yang bahaya.

Tentang kemunduran kemiskinan di Sabah dan Sarawak ingin saya sebutkan bahawa walaupun Sabah dan Sarawak ini mempunyai dan dikurniakan oleh Allah banyak sumber kekayaan semula jadi, tetapi kita dapati bahawa kedua-dua negeri ini merupakan negeri yang besar kadar kemiskinannya dan mundur keadaan rakyatnya. Kita ambil misalnya di Sabah ada sebuah laporan berdasarkan kajian Bank Dunia yang menyatakan bahawa Sabah ini merupakan negeri yang termiskin sekali di seluruh negara, yang termiskin sekali.

Unit Perancangan Ekonomi Negeri di bawah Ketua Menteri Sabah menyatakan bahawa ini tidak benar oleh kerana Kerajaan Sabah dengan Kerajaan Pusat sudah berjaya menurunkan kadar kemiskinan daripada 24 peratus kepada 16 peratus dalam tempoh beberapa tahun. Walaupun demikian, pihak Bank Dunia menyatakan melalui Emmanuel Jimenez seorang *Sector Director* bahawa dengan izin, "*Although efforts by government have somewhat lessened, poverty, it's still not enough*". *Not enough* oleh kerana walaupun penduduk seluruh Sabah adalah 10 peratus daripada seluruh Malaysia tetapi jumlah peratus kemiskinan Sabah adalah 40 peratus daripada seluruh mereka yang di bawah kemiskinan di seluruh Malaysia. Ini berbeza dengan misalnya Selangor di mana penduduknya lebih kurang suku daripada seluruh negara tetapi jumlah kemiskinannya hanya 10 peratus daripada jumlah mereka yang miskin. Jadi di sini lagi kita melihat bahawa ada jurang yang tidak saksama.

Tentang pemusatan kekayaan pula ini kita lihat paling buruk terutama sekali di Sarawak. Di sana kita ketahui dan lebih jelas diketahui dalam masa beberapa hari yang lalu ini bahawa Ketua Menteri dan anaknya dan suku sakatnya menguasai begitu banyak kekayaan. Kekayaan ini dikuasai dan diperolehi dengan cara yang tidak begitu dihormati, dengan cara perampasan tanah adat dan dengan macam-macam lagi sehingga ada orang mengatakan beliau mungkin orang yang terkaya sekali dalam negara dan di Asia. Kita tidak ada masalah dengan orang menjadi kaya tetapi masalahnya ialah apa kesan kekayaan yang dikumpul itu terhadap kesejahteraan rakyat umumnya. Jadi soal jurang pendapatan disebabkan oleh pemusatan kekayaan ini adalah soal yang harus ditangani dan saya ingin mengetahui apakah yang akan dilakukan oleh pemerintah untuk mengurangkan trend pemusatan kekayaan ini.

Sekarang saya berpindah kepada soal pendidikan. Mengenai pendidikan ini sekali lagi saya lebih tertumpu kepada soal yang berkaitan dengan universiti. Di sini saya akan menyentuh tentang pelantikan pegawai-pegawai universiti, tentang kenaikan pangkat profesor dan tentang campur tangan luar termasuk campur tangan SB. Mengenai pelantikan pegawai-pegawai yang saya maksudkan di sini ialah naib canselor, dekan, ketua jabatan dan sebagainya. Kalau dahulu misalnya ada *Search Committee* yang memilih Naib Canselor. Sekarang walaupun mulai dicuba *Search Committee* tetapi tidak begitu bebas dan masih lagi ditentukan oleh politik pemerintah.

Begitu juga pelantikan dekan dan ketua Jabatan tidak lagi misalnya dilakukan dengan cara pemilihan oleh kakitangan akademik. Akan tetapi sebaliknya ditentukan melalui pelantikan oleh pihak naib canselor. Oleh kerana itu kita dapati bahawa ada yang dilantik dipersoalkan tentang kelayakan mereka. Ada Dekan yang terlalu muda yang misalnya melangkah kedudukan Profesor yang sudah pun berpengalaman ataupun orang yang lebih kanan. Begitu juga Ketua Jabatan yang misalnya tidak mempunyai kelayakan memuaskan sama sekali. Juga yang paling sedihnya ialah kerana jawatan yang mereka sandang itu akhirnya boleh dijadikan asas untuk menentukan kenaikan pangkat sebagai Profesor. Oleh kerana itu mutu akademik, perkiraan akademik dibelakangkan dan siapa yang memegang jawatan pentadbiran itu mudah dinaikkan menjadi Profesor. Sebaliknya,

lebih teruk lagi ada pula contoh seorang bekas ahli akademik terkenal tidak jadi diberikan gelaran Profesor Emeritus oleh kerana ada tentangan dari pihak SB.

Semua ini menimbulkan lemah semangat ataupun menjatuhkan morale orang-orang yang bersedia untuk bekerja secara akademik. Inilah salah satu sebab misalnya makin menurunnya mutu pendidikan, kerana bila guru akademik tidak bekerja begitu kuat ini akan memberi kesan kepada syarahannya, kepada penyelidikannya dan kepada penerbitannya dan kepada mutu universiti seluruhnya. Perkara terakhir dalam soal pendidikan ini ialah tentang adanya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencelah.

Dr. Syed Husin Ali: Biar saya habiskan. Tentang pendidikan ini Tuan Yang di-Pertua. Tentang campur tangan tadi saya sebutkan campur tangan daripada luar terutama sekali pemerintah menimbulkan keadaan di mana boleh merosotnya mutu universiti. Ada lagi campur tangan yang lain. Saya tidak sebut namanya tapi ada sebuah universiti misalnya dua perkara yang tidak patut telah berlaku. Pertama, sebuah parti pemerintah menggunakan sebuah badan pelajar yang bukan mengandungi pelajar-pelajar untuk masuk ke universiti bagi mendaftarkan pelajar sebagai anggota UMNO. Bukan itu sahaja, dibenarkan pula pelajar-pelajar itu meninggalkan kelas untuk membuat pendaftaran begitu.

Satu lagi ialah di mana SPR misalnya pergi ke universiti yang sama mendaftarkan pengundi dan yang didaftarkan itu bukan sahaja yang sudah berkelayakan menjadi pengundi, tetapi juga mereka yang belum berkelayakan untuk menjadi pengundi.

■1510

Memang tak salah kita menggalakkan orang mengundi tetapi mengapa di universiti ini sahaja, mengapa tidak di universiti lain? Apakah tujuannya mendaftarkan orang yang belum lagi layak untuk menjadi pengundi? Jadi perkara ini patutnya tidaklah harus dibiarkan. Ya, saya bagi laluan untuk soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Syed Husin. Saya dalam banyak hal saya setuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi yang saya agak terkilan sedikit. Beliau menyebut apa yang diusahakan oleh *Talent Corporation* tidak akan mendatangkan hasil, tidak akan menghasilkan perkara yang diinginkan, beliau menyebut tentang semakin melebarnya jurang pendapatan antara yang miskin dengan yang kaya tapi hanya sekadar menyatakan benda yang kebanyakan kita semua dah tahu.

Jadi kalau boleh Yang Berhormat Tuan Syed yang bijaksana dapat memberikan apa alternatif sebenarnya. Apa yang patut dibuat oleh *Talent Corporation* supaya dapat mencapai matlamat yang dituju dan juga apa cara untuk merapatkan jurang pendapatan antara yang kaya dan miskin itu? Saya setuju dengan pemerhatian (*observation*) dengan izin, Yang Berhormat Tuan Syed tapi saya tak mendengar alternatifnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan penanya tadi. Sebenarnya saya tak nak terheret kepada perbincangan ini. Cuma seperti saya katakan tadi bahawa banyak hal ini timbul oleh kerana pemusatan kekayaan. Jadi kita harus memikirkan cara-cara bagi mengurangkan pemusatan kekayaan itu. Satu caranya ialah untuk memastikan bahawa pendapatan negara harus lebih banyak ditumpukan kepada golongan yang susah dan kawasan-kawasan yang mundur. Kalau belanja untuk lampu ke KLIA lebih besar daripada belanja satu kampung misalnya, ini satu perkara yang tidak saksama.

Tentang *Talent Corporation*, tadi saya menyatakan bahawa ini adalah pandangan seorang ahli ekonomi yang saya sebutkan namanya tadi yang mengatakan ini satu masalah yang timbul. *Talent Corporation* ini masih baru. Kita belum dapat *asses* lagi, belum dapat nilai lagi kejayaannya. Akan tetapi saya katakan bahawa kita sekarang ini mempunyai apa yang dikatakan dengan izin, *pull factor* dan *push factor* tadi. Adanya ramai yang berbakat keluar Tuan Yang di-Pertua, dan ramai pula yang tidak mahu balik.

Sekarang saya pindah kepada soal keselamatan, perkara yang ketiga. Tuan Yang di-Pertua, perkara keselamatan ini telah ditimbulkan sebagai satu usul oleh Yang Berhormat Puan Nurul Izzah Anwar dari Lembah Pantai di Dewan Rakyat. Akan tetapi usulnya telah ditolak. Saya ingin menimbulkan soal ini daripada aspek yang lain. Kita tahu bahawa dalam negara ini ada undang-undang darurat dan ada juga ISA. Undang-undang darurat dilaksanakan oleh British sejak tahun 1948. Sebelum merdeka, Tunku Abdul Rahman berjanji akan menggantikan darurat dengan ISA. Akan tetapi bila kita merdeka, kita dapati bahawa undang-undang darurat diteruskan dan ISA dikuatkuasakan. Bukan itu sahaja, selepas undang-undang darurat tahun 1948, kita dapati ada empat lagi pengisytiharan undang-undang darurat. Satu, masa konfrontasi 1964, satu lagi di Sarawak 1966, satu masa 13 Mei 1969 dan satu lagi di Kelantan pada tahun 1977.

Jadi sekarang ini yang membimbangkan saya ialah negara ini mempunyai rekod yang paling buruk mengenai undang-undang darurat. Kita mempunyai undang-undang darurat yang sudah lebih daripada 60 tahun. Di Mesir, di Tunisia, di Algeria dan di Syria, mereka bercakap tentang nak menghapuskan undang-undang darurat mereka dan ada yang sudah menghapuskan. Di sana cuma baru 20 tahun hingga 40 tahun tapi kita dah 68 tahun. Padahal, sekarang ini katanya ancaman komunis sudah tidak ada lagi. Bila ISA diperkenalkan, janji menteri-menteri pada waktu itu ialah bahawa ia akan hanya digunakan terhadap komunis militan.

Jadi, kita dapati bukan sahaja kita mempunyai undang-undang darurat yang lama, rekod dunia kita juga ialah kita satu-satunya negara yang mempunyai undang-undang darurat lebih daripada satu. Bukan dua, bukan tiga, bukan empat tapi lima. Ini adalah sangat memalukan terutama sekarang ini orang membandingkan kedudukan di mana negara sudah menghapuskan atau memansuhkan undang-undang darurat dan kita masih mempertahankan lagi. Jadi saya tak tahulah sama ada kita akan menunggu misalnya demonstrasi-demonstrasi dulu jalanan sebelum kita akan menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Mengenai ISA, pandangan saya ialah bahawa ia harus bukan sahaja dipinda tetapi harus dimansuhkan. Kita tahu bahawa seperti yang disebut oleh Menteri Penerangan sekarang dalam tesis PhDnya, ada tiga empat perkara yang boleh menjadi asas untuk menghapuskan ISA. Pertama, kerana ia disalahgunakan. Tidak terhadap komunis militan seperti yang dijanjikan dahulu, tetapi untuk melemahkan kadang-kadang parti pembangkang. Kedua, bertentangan dengan agama Islam yang berpendapat hukuman tidak boleh dikenakan tanpa bicara. Ketiga, sudah ada cukup undang-undang-undang, Undang-undang mengenai senjata api dan sebagainya.

Ada 30 undang-undang yang boleh digunakan bagi mereka yang menentang atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang-undang. Tidak payahlah diambil tindakan di bawah ISA.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa supaya – sebab berkali-kali kita diberitahu ada pertimbangan tentang ISA..., harus difikirkan tentang soal pemansuhan ISA ini dan juga soal pemansuhan undang-undang darurat. Kita perkukuhkan pelaksanaan undang-undang yang sedia ada yang sebanyak 30 itu.

Satu lagi tentang keselamatan ini Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan perkara sejarah. Ini ialah pembunuhan di Batang Kali pada tahun 1948 yang dilakukan oleh British. Dalam pembunuhan yang zalim dan kejam ini, seramai 24 orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak daripada beberapa buah keluarga telah dibunuh dengan kejam. Ada yang dipenggal kepalanya. Ini keluar dalam surat khabar waktu itu bagaimana tentera British memegang kepala mereka yang sudah dipenggal kepalanya. Ini cerita lama tapi soalnya ialah kita dapati bahawa ini merupakan My Lai British. My Lai Amerika di Vietnam lah.

Yang menjadi masalah bagi kita ialah pada tahun 1970, Kerajaan British sendiri telah melantik seorang supretendan detektif dari Scotland Yard untuk membuat penyiasatan tentang hal ini, tetapi akhirnya dia ditarik balik oleh kerana kerajaan konservatif waktu itu tidak mahu perkara yang buruk ini didedahkan. Kemudian, yang paling teruk sekali ialah pada tahun 2009, seorang penulis telah menulis buku *Slaughter and Deception in Batang Kali* pada 2009 menjelaskan bahawa pada tahun 1999, ada pertemuan di antara pihak

Foreign Office di Britain dengan pihak Ketua Polis Negara untuk memikirkan macam mana nak tutup masalah ini. Sekarang ini ada kes yang dibawa oleh keluarga mangsa-mangsa ini ke mahkamah dan ada pihak guaman yang mewakili mereka. Beberapa keadaan dan perbuatan zalim di Kenya terhadap beberapa orang dari gerakan Mau Mau sekarang ini dibawa ke mahkamah di London.

Jadi saya harap bahawa kerajaan negeri ini tidak akan menyekat pihak keluarga yang menjadi mangsa Batang Kali yang sekarang ini sedang mencari jalan untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Yang penting ditegaskan di sini ialah mereka yang menjadi mangsa ini bukannya komunis dan bukannya militan. Mereka adalah orang kampung biasa, pekerja estet yang dibunuh begitu sahaja.

■1520

Tidak ada senjata pada mereka, tidak ada senjata pada rumah mereka, tidak ada senjata di kawasan kampung mereka tetapi rumah mereka, kampung mereka hangus dibakar dan mereka dipenggal kepala. Perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai ancaman persekitaran dan kesihatan. Dua perkara yang hendak saya sebutkan di sini ialah pertama tentang pusat tenaga nuklear dan keduanya tentang percubaan nyamuk GM. Tentang pusat tenaga nuklear ini, pada 4 Mei tahun lalu Menteri Tenaga, Teknologi Hijau, Tenaga dan Air dilaporkan mengatakan pada tahun 2021 akan beroperasi pusat tenaga nuklear di negara ini. Perkara yang menjadi tanda soal pada saya ialah pertama adakah kajian mendalam sudah dilakukan tentang hal ini? Saya tidak mengetahui adanya kajian seumpama itu.

Keduanya, ialah kenapakah tidak dirujuk perkara ini kepada masyarakat kerana biasanya dalam soal-soal seperti ini reaksi daripada masyarakat perlu diketahui. Apabila kita hendak bina rumah misalnya mesti dapat reaksi daripada penduduk di sekitar. Lebih perlu lagi kerana reaktor nuklear ini merupakan satu pusat yang merupakan dengan izin *high technological risk, very high technological risk*. Akan tetapi, kita sanggup menjalankan projek ini tanpa merujuk kepada rakyat. Hujah yang dikemukakan ialah bahawa kita perlukan tambahan tenaga elektrik daripada nuklear kerana kita memerlukan lebih banyak lagi bekalan elektrik. Akan tetapi pada hakikatnya seorang pakar nuklear negara ini yang diakui di dunia, menjelaskan bahawa di negara kita sekarang ini, kita mempunyai kapasiti menjana 23,000 megawatt tetapi sekarang ini kita hanya menggunakan 14,000 megawatt. Jadi, ada 9,000 lebih dari kapasiti kita.

Kalau mengikut dari segi pengeluaran teknologi nuklear, kita memerlukan sembilan pusat tenaga nuklear, tiap-tiap satu misalnya boleh mengeluarkan 1,000 megawatt. Akan tetapi, kalau berlebihan bekalan kita dari segi elektrik, mengapa perlunya kita terburu-buru untuk membina pusat nuklear? Melainkan misalnya kita mempunyai agenda yang tertentu, yang dikaitkan misalnya dengan mendapatkan keuntungan daripada hubungan-hubungan perdagangan. Ini harus dijelaskan kepada umum dan kalau tidak dan saya percaya tidak ada agenda ini, kita mesti yakinkan rakyat kenapa perlu kita melaksanakan projek ini. Jadi, bererti kita harus lebih berhati-hati dan harus memikirkan segala aspek sebelum membuat keputusan mengenai pembinaan reaktor nuklear ini.

Akhir sekali berkaitan dengan nuklear ini ialah rancangan untuk membina kilang *rare earth* (nadir bumi) di Gebeng, Kuantan. Perkara ini telah ditimbulkan dalam Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Kuantan, Puan Fuziah Salleh dan juga ditimbulkan oleh Ahli-ahli Parlimen Australia. Di Parlimen Australia pun mereka bimbang tentang akibat-akibat radioaktif daripada pemindahan *thorium* daripada *Western Australia* dibawa ke Kuantan ini. Ini kerana komuniti Kwinana dari mana akan diangkut *thorium* ke Kuantan itu menentang oleh kerana boleh tersebar bahaya nuklear di tempat mereka, dan akan tersebar juga bahaya radioaktif di komuniti-komuniti yang akan dilalui dalam proses pemindahan *thorium* itu.

Di sini kita berpendapat bahawa, bahaya itu memang ada. Radioaktif itu memang ada apabila kilang *rare earth* dibekalkan dengan *thorium* dari Australia itu dan ini akan mengancam keselamatan dan kehidupan di Gebeng, Kuantan. Beberapa tahun dahulu, di Bukit Merah telah berlaku masalah ini berikutan pembinaan sebuah kilang *rare earth*.

Akibatnya ramai yang berpenyakit kanser, ramai yang mati akibat daripada kanser tersebut. Oleh kerana itu, penentangan rakyat berlaku. Dibawa kes ini ke mahkamah, mereka menang dan ditutup kilang itu. Di sana ditutup. Sekarang kita hendak bina pula di Kuantan. Pakar-pakar mengatakan ancaman radioaktif lebih teruk di Gebeng dari Bukit Merah. Jadi, sebelum kita membuat apa-apa keputusan, kita mesti fikirkan apakah yang patut kita tekankan dalam soal ini, iaitu keselamatan dan kebajikan rakyat.

Akhir sekali percubaan nyamuk GM. Apa yang dimaksudkan dengan nyamuk GM ini ialah *genetically modified mosquitoes*. *Genetically modified* iaitu secara genetik mereka menyesuaikan jenis-jenis nyamuk ini. Kemudian, dengan harapan dilepaskan, apabila dilepaskan akan membunuh ataupun menyerang nyamuk-nyamuk aedes yang ada sekarang ini.

Sekarang ini penyakit denggi sangat meluas dan bahaya, bahkan lebih bahaya daripada H1N1 yang pernah dibesar-besarkan dahulu. Nampaknya sekarang ini ada percubaan untuk mempopularkan perlepasan nyamuk GM ini. Nyamuk GM ini sudah sepuluh tahun dikeluarkan oleh sebuah syarikat di Britain. Selama sepuluh tahun mereka mencuba untuk mendapatkan negara yang boleh menggunakan ini untuk membeli nyamuk-nyamuk GM ini dan melepaskannya. Kononnya untuk menyerang nyamuk-nyamuk aedes yang ada. Lebih daripada sepuluh tahun idea ini sudah ada tetapi tidak ada sebuah negara pun di seluruh dunia yang berani melakukannya.

Mereka tidak berani oleh kerana nyamuk ini dianggapkan sebagai *invasive species* atau spesies penyerang. Dia boleh serang. Misalnya pernah dahulu orang lepaskan beberapa ekor anab di Australia. Begitu cepat ia membiak sehingga anab itu mengancam pertanian, di sesetengah tempat di Australia. Mereka bimbang kalau dilepaskan nyamuk ini, apa yang berlaku bukan dia membunuh aedes yang ada tetapi ia boleh membiak sehingga ancamannya adalah lebih besar.

Jadi, sekali lagi saya mengharapkan di sini, fikirkan habis-habisan supaya tidak demi keuntungan dan kerakusan untuk mendapatkan keuntungan dari perdagangan, kita membantu syarikat Britain dan menyetepikan kepentingan dan kebajikan dan keselamatan rakyat kita sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bagus dalam waktu yang telah saya jangkakan. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Yang Berhormat Datuk Majid Mahap bersedia. Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersidang, tolong kemukakan kepada saya. Senang saya hendak atur program untuk menentukan siapa hendak berucap dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

3.29 ptg.

Tuan Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda bertitah, "industri berkaitan teknologi hijau juga akan diberi galakan mengambil kira potensi selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara untuk meewujudkan ekonomi lestari pada masa hadapan". Jadi, mengikut *Kamus Dewan* perkataan lestari bermakna tidak berubah-ubah ataupun kekal, ataupun tetap. Ini bermakna Baginda mahukan negara kita terus maju ke hadapan tanpa menjejaskan alam semula jadi untuk memastikan kualiti alam sekeliling kita tidak diabaikan atau digadaikan di bawah nama pembangunan negara, demi generasi-generasi akan datang supaya mereka turut dapat menikmati kelestarian alam sekitar di negara kita.

■1530

Dalam hal yang berkaitan, izinkan saya sebagai orang Kuantan membawa ke Dewan yang mulia ini kisah pembinaan loji ataupun kilang pemprosesan nadir bumi ataupun *rare earth* di kawasan Perindustrian Gebeng, kira-kira 25 kilometer dari Kuantan. Kilang kepunyaan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat Lynas *Corporation Limited* dari Australia. Lesen untuk membina kilang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri

dan agensi-agensi lain seperti AELB iaitu *Atomic Energy Licensing Board*, DOE, dan Nuklear Malaysia. Kilang ini mula dibina pada tahun 2008, dan dijangka akan beroperasi pada bulan September ini. Selepas insiden letupan loji nuklear di Jepun baru-baru ini, orang-orang Kuantan mula rasa gelisah dan tidak selesa tentang Kilang Lynas yang sedang dibina di Gebeng ini. Maka, beberapa NGO di Kuantan telah mula membantah secara lantang dan mengadakan kempen tandatangan bantahan. Mereka juga mengadakan protes di Parlimen baru-baru ini.

Perkara ini telah menarik perhatian semua pihak, di dalam dan di luar negara. Pihak pembangkang juga telah mengambil kesempatan ini untuk mengapi-apikan rakyat seolah-olah mereka tidak langsung terlibat dalam hal ini. Akan tetapi hakikatnya, pada pendapat saya, pihak pembangkang gagal menjalankan tugas mereka untuk membantah awal-awal lagi. Pihak pembangkang gagal dalam konteks prinsip demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia. Setiap pilihan raya, rakyat memilih Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang memerintah dan mengurus tadbir negara dan negeri. Pada masa yang sama, rakyat juga memilih segolongan wakil rakyat dari parti pembangkang untuk *check and balance* dan kawal selia kerajaan yang memerintah. Dalam hal Lynas ini, pihak pembangkang gagal sama sekali untuk 'kawal selia' pihak berkuasa.

Kilang Lynas ini terletak di DUN Beserah di mana Ahli Dewan Undangan Negerinya adalah daripada pembangkang. Kilang ini juga terletak di Parlimen Indera Mahkota di mana Ahli Parlimennya daripada pembangkang dan Ahli Parlimen berhampiran daripada Kuantan juga daripada pembangkang. Jadi, soalan saya adalah, kenapakah ketiga-tiga wakil rakyat ini tidak membuat bantahan sekuat-kuatnya seperti apa yang mereka buat pada hari ini, pada awal-awal lagi untuk memberi kesedaran kepada rakyat bahawa pihak berkenaan tidak betul dalam hal ini.

Malahan saya juga difahamkan, mereka ini juga telah menghadiri taklimat pada tahun 2008 atau 2009 berkenaan kilang pemprosesan nadir bumi ini dan mereka senyap tidak bantah. Ekoran daripada bantahan rakyat baru-baru ini, beberapa taklimat dan dialog telah diaturkan oleh LKNP untuk memberi keterangan kepada rakyat Kuantan oleh pakar-pakar daripada nuklear dan radioaktif. Namun mereka iaitu orang Kuantan masih tidak setuju atas pembinaan kilang pemprosesan ini. Mereka bimbang atas pelupusan sisa toksik ini. Mereka menyatakan sisa-sisa yang tinggal di negara kita kan mendatangkan bahaya. Mungkin bukan sekarang, tetapi mungkin 50 tahun, 100 tahun ataupun 500 tahun kemudiannya. Ini kerana bahan radioaktif ini mempunyai *half-life* yang beratus-ratus tahun. Soalan yang mereka tanya kepada penceramah mereka tidak boleh jawab.

Soalannya ialah, "Kenapa Nadir Bumi ini tidak diproses di negara asalnya iaitu di Australia sekiranya ia tidak memberi kesan yang buruk kepada manusia dan alam sekitar?" Maknanya kenapa tidak diproses di Australia dan kenapa bawa 2,500 kilometer daripada Australia ke Kuantan? Jadi, penceramah tidak boleh jawab. Penceramah kata semuanya tetap okey, bagus, dan tidak bahaya tetapi soalan ini tidak boleh jawab.

Jadi, saya bersetuju dengan pendirian presiden saya iaitu presiden MCA Yang mengeluarkan kenyataan, "Mengesakan supaya kerajaan membekukan kerja-kerja pembinaan loji pusat pemprosesan nadir bumi di Kuantan, Pahang sehingga ia terbukti ia benar-benar selamat pada alam sekitar. Satu kajian menyeluruh mengenai potensi risikonya dan kajian penilaian kesan alam sekitar mesti dilaksanakan dan hasilnya diumumkan. Kerajaan wajib mempertimbangkan pro dan kontra projek kontroversi itu dan bukan terlalu tergesa-gesa dalam menerima pelaburan yang membawa risiko besar kepada rakyat dan alam sekitar. Kepentingan rakyat mesti sentiasa didahulukan dan tiada tolak ansur dalam soal kesihatan mereka hanya kerana mahu menarik pelabur. Walaupun loji ini terletak di kawasan perindustrian Gebeng tetapi tanggungjawab terletak pada pihak berkuasa untuk meyakinkan rakyat bahawa ia benar-benar selamat dan loji tersebut tidak membawa sebarang risiko kesihatan. Sekiranya projek tersebut terbukti membawa risiko kepada rakyat dan alam sekitar, kerajaan mesti bertindak tegas untuk menangguhkannya"

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menyentuh tentang Titah Baginda mengenai Transformasi Pendidikan. Baginda mengatakan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan kita. Jadi, kajian telah dibuat bahawa kebolehpasaran graduan kita bergantung kepada penguasaan Bahasa Inggeris graduan kita. Menyedari masalah ini bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah memaksa pelaksanaan PPSMI sebelum beliau bersara. Sebenarnya Tun Dr. Mahathir yang bertanggungjawab atas kemerosotan

standard bahasa Inggeris di kalangan rakyat Malaysia sebab semasa era Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran menutup sekolah Inggeris dan memansuhkan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar di peringkat menengah dan universiti. Kini, kerajaan undur semula mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia mulai tahun hadapan.

Sekarang ada pula berita-berita yang mengatakan sains dan matematik mungkin akan diajar dalam dua bahasa. Saya sokong cadangan ini, lagi baik kalau kerajaan membawa semula sekolah Inggeris seperti dahulu dan biarlah ibu bapa yang membuat pilihan sama ada mahu hantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris atau bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia. Ini kerana ibu bapa sekarang bukan seperti ibu bapa kita dahulu yang kebanyakan buta huruf. Ibu bapa sekarang berpelajaran dan bijak membuat keputusan terhadap pelajaran anak mereka. Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Maijol.

3.39 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan izin kepada saya untuk bersama-sama berbahas...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Yang Berhormat Datuk Zaitun ya, bersedia.

Datuk Maijol Mahap: Pada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua satu daripada cabaran kita atau cabaran kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan ialah bagaimanakah kita boleh menyeragamkan harga barang di seluruh Malaysia ini?

■1540

Sekarang ini kita ketahui bahawa harga barang-barang di Semenanjung adalah berlainan dengan harga barang-barang di Sabah dan juga Sarawak. Oleh kerana ini, rakyat Malaysia di Sabah merasakan bahawa mereka menghadapi masalah memberikan impak terhadap kualiti hidup dan juga standard hidup, kerana mereka terpaksa membeli barang-barang yang lebih mahal berbanding dengan di Semenanjung.

Apa faktor-faktor yang menyumbang terhadap harga yang tinggi ini? Satu daripadanya ialah harga pengangkutan kapal dan *handling cost* yang tinggi.

Akan tetapi saya juga perhatikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa bukan semua harga yang di Sabah lebih tinggi dari Semenanjung, tetapi rata-ratanya adalah lebih tinggi. Saya terbac dalam akhbar tidak lama dahulu bahawa seorang pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menyatakan bahawa adalah mustahil, *it is impossible* dengan izin, untuk menyeragamkan harga barang-barang seluruh Malaysia. Jadi kalaulah demikian Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang boleh dibuat oleh kementerian, kalau tidak menyeragamkan pun sekurang-kurangnya untuk *navigate* dengan izin, untuk merapatkan jurang harga barang tersebut?

Bagaimana dengan akta-akta yang relevan untuk digunakan untuk mengatasi masalah seperti ini. Seperti *Anti-Profiteering Act*, adakah ia dilaksanakan untuk kebaikan pengguna? Apakah kempen *price and supply scenario* yang dibuat oleh kementerian, yang saya difahamkan berkesan untuk mengatasi masalah seperti ini? Adalah nyata dan terang Tuan Yang di-Pertua, bahawa penyeragaman ini adalah susah untuk dilaksanakan. Kalau perbezaan masa di antara Semenanjung dan Sabah senang diselesaikan - kita sudah pun selesaikan itu. Dahulu ada perbezaan masa sekarang semua seragam. Bagus! Amat baik sekali.

Akan tetapi mengenai dengan harga ini Tuan Yang di-Pertua, adalah sedikit rumit. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya - oleh kerana rakyat Malaysia di Sabah ini terpaksa menghadapi harga barang yang lebih tinggi, jadi di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya kakitangan kerajaan diberi elaun khas untuk mengurangkan beban seperti ini. Jikalau kita bercakap tentang *fairness justice*, keadilan Tuan Yang di-

Pertua, inilah satu daripada cara kita untuk mengimbangkan masalah menghadapi harga barang yang tidak seragam ini. Ini kerana sedikit sebanyak memberikan *cushion* dengan izin, kepada mereka ini tentang bagaimana mereka boleh terus hidup dengan baik, dengan kualiti yang baik, *standard* yang baik, dengan punya kuasa pembeli atau *purchasing power* yang baik sama dengan di Semenanjung ini.

Saya juga berharap dan saya menyokong Yang Berhormat Usha Nandhini sebentar tadi, bahawa di dalam usaha kita untuk mencari penyelesaian tentang dasar gaji minima di negara kita. Kita harus lihat tentang sektor-sektor atau daerah-daerah atau negeri-negeri yang perlu diberi perhatian bagi menentukan gaji minima tersebut. Saya telah menghadiri satu taklimat yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia mengenai dengan ini dan saya telah mendengar penerangan-penerangan tentang faktor-faktor yang diambil kira bagi kementerian tersebut untuk menentukan gaji minima tersebut. Ia amat kompleks sekali, memerlukan banyak penelitian dan juga tindakan yang rapi. Sudah tentu ini satu daripada faktor yang boleh diambil kira oleh kerajaan iaitu saya berharap agar Dasar Gaji Minimum yang sedang dikaji oleh Kementerian Sumber Manusia mengambil kira gaji minimum di Sabah dan Sarawak haruslah lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia ini untuk memberikan sedikit kelegaan kepada mereka terhadap masalah harga barang yang tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa sebanyak RM10 bilion telah dibelanjakan oleh kerajaan, oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagai subsidi untuk barang-barang yang terkawal iaitu *control goods*. Walaupun jumlah yang tinggi, begitu banyak sekali tetapi impaknya amat minimum sekali. Saya terbaca dalam akhbar ini, *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan... Jadi apakah kementerian akan lakukan dengan RM10 bilion tersebut masih tidak mencukupi untuk membayar subsidi *control goods* seperti ini? Apa yang saya faham bahawa kementerian mempunyai *price and control committee* untuk memastikan harga barang-barang adalah berpatutan. Adakah ini berkesan *committee* yang dibuat oleh kementerian ini? Juga peniaga-peniaga yang berniaga barang-barang terkawal seperti gula, beras, tepung dan minyak pasti mempunyai lesen perniagaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat ketirisan dan juga salah guna barang-barang yang terkawal ini, disalahgunakan oleh pengguna-pengguna ataupun yang *traders*.

Ia dijual di negara jiran, contohnya pada bulan Mac bulan lalu ini saya terbaca dalam akbar oleh *Marine Operation Force* (MOF) telah merampas dua tan gula daripada sebuah perahu yang menuju ke negara *Philippines* dan menangkap tiga orang di perairan Tabo-Tabo iaitu di daerah kawasan berhampiran dengan Semporna, Sabah. Apabila diperiksa didapati bahawa dua orang yang pengenalan diri juga didapati beribu-ribu kilogram gula bernilai begitu tinggi dan minyak masak juga telah didapati dalam perahu tersebut. Ini adalah satu contoh dan saya berpendapat bahawa banyak lagi kes-kes seperti ini yang berlaku di Malaysia ini.

Saya percaya bahawa ini adalah hanya *tips of the iceberg*, dengan izin. Banyak lagi kes-kes yang lain seperti ini yang berlaku yang sengaja menyalahgunakan subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Saya juga terbaca dalam akhbar bahawa memang banyak lagi contoh-contoh lain tentang bagaimana *traders* ini, peniaga ini sengaja untuk manipulasi ataupun menyalahgunakan subsidi kerajaan ini seperti beras dan sebagainya yang selalunya dijual kepada orang yang tidak berkemampuan. Seperti beras ST15 ini harusnya dijual kepada orang yang tidak berkemampuan, tetapi ia dijual kepada restoran-restoran dan sebagainya.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Pelajaran. Satu daripada cabaran Kementerian Pelajaran di Malaysia ini, hanya di Sabah ialah memang ketara bahawa negeri Sabah mempunyai kekurangan tenaga guru Tuan Yang di-Pertua. Inilah masalah dari dahulu yang saya tahu, masalah kekurangan guru di Sabah ini. Jadi apakah tindakan kerajaan yang dibuat selama ini, pertama ialah menghantar lebih ramai guru-guru dari Semenanjung untuk mengajar di Sabah, itu tidak ada masalah.

Saya juga diajar oleh guru dari Semenanjung, dari Muar dan selepas itu menjadi sahabat karib saya, nama dia Jamali Satari, kalau saya boleh sebut di sini, tidak ada masalah. Biasanya Tuan Yang di-Pertua, selepas tiga tahun mereka mengajar ini, mereka ditukarkan, dihantar balik ke Semenanjung dan seramai 550 guru dihantar balik ke Semenanjung pada tiap-tiap tahun.

Jadi nampak bahawa apabila mereka lulus maktab perguruan, dihantar ke Sabah, selepas tiga tahun pulang ke Semenanjung semula. Nampak bahawa mereka ini dihantar ke sana untuk mendapatkan pengalaman sahaja, berlatih sahaja, selepas tiga tahun, balik. Jadi begitu sahaja, berpanjangan masalahnya itu, jadi yang sentiasa dihantar itu adalah orang yang baru. Jadi murid-murid mendapat ilmu daripada orang yang berkelulusan baru ini.

Jadi itu satu, kedua yang kerajaan harus ambil tindakan ialah masalah kekurangan guru ini ialah kerajaan atau Kementerian Pelajaran harus mengambil lebih ramai guru-guru yang berasal daripada Sabah dan ditempatkan di Sabah. Saya ingat ini adalah penyelesaian jangka panjang yang lebih konsisten, yang lebih baik dan saya terbaca dalam akhbar bahawa ini adalah satu pendapat atau persetujuan yang dicapai oleh pelbagai kementerian dan saya berharap dapat dilaksanakan dengan baik.

Kita juga ingin supaya guru-guru kita terlatih, mempunyai kualiti bukan sahaja kuantiti tetapi juga kualiti mereka, sebab itulah kita mempunyai kursus pengajian lepasan SPM dan kursus pengajian lepasan Ijazah. Baru-baru ini saya berterima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Pelajaran kerana telah menyambung kontrak Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) seramai 578 orang di Sabah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masih lagi di bawah Kementerian Pelajaran, sebagai pemimpin tempatan di Sabah dan juga sebagai Ahli Dewan Negara, saya kerap kali melawat luar bandar dan saya melihat bahawa..., termasuklah sekolah-sekolah menjemput untuk menghadiri majlis yang dianjurkan oleh PIBG dan sebagainya. Saya melihat bahawa keadaan sekolah di Sabah ini amat meruncingkan sekali, keadaannya amat daif sekali kerana bangunan-bangunan yang sudah usang sebenarnya, tidak selamat untuk dipakai lagi tetapi masih digunakan, seperti tidak ada pilihan lain.

Dan di sini saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan, khasnya kepada Kementerian Pelajaran supaya melihat ini secara serius kerana ini adalah soal keselamatan murid-murid dan juga guru-guru, dan juga soal imej kita sebagai sebuah negara yang merdeka. Saya hanya ambil contoh SK Marak Parak di daerah Kota Marudu, daerah saya, lebih kurang 40 kilometer dari pekan Kota Marudu, saya telah pergi ke sekolah itu dan saya lihat bahawa lantai yang sudah berlubang-lubang, bumbung yang hampir jatuh, dinding yang sudah berlubang-lubang juga. Saya hairan, saya ambil makanan bersama-sama dengan guru-guru, makan tengah hari itu, cikgu kata, "Datuk jangan lalu di situ, kerana senget takut terjatuh" sampai begitu keadaannya. Saya kasihan melihat keadaan sekolah seperti itu. Jadi saya harap kementerian akan melihat secara serius mengenai perkara ini, saya difahamkan bahawa di seluruh negara, kita mempunyai sepuluh ribu sekolah, dua ribu adalah di Sabah dan Sarawak.

Kementerian juga telah membuat audit tentang sekolah-sekolah yang telah rosak di seluruh negara ini dan didapati bahawa enam peratus daripada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia ini adalah tidak boleh digunakan lagi sebenarnya. Saya percaya kebanyakan itu adalah di Sabah dan Sarawak. Jadi saya ingin mengesyorkan supaya kementerian mempercepatkan pembaikannya kerana sebab yang ketara. Saya juga ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya menambah sekolah menengah, saya ingin menyebut lagi tentang Marak Parak ini. Satu tempat yang memang saya rasa amat perlu diwujudkan sebuah sekolah menengah. Saya harap pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran yang berada di sini mengambil nota ini, diwujudkan SMK Marak Parak iaitu 40 kilometer dari Kota Marudu. Ia setiap tahun mengeluarkan Sekolah Tahun 6, dan sekolah di sekelilingnya juga mengeluarkan murid Tahun 6, dan kalau murid-murid ini pergi jauh 40 kilometer daripada pekan Kota Marudu adalah begitu rumit bagi mereka, 40 kilometer itu adalah jarak yang jauh, asrama di pekan pun tidak mencukupi, kelas pun tidak mencukupi.

Jadi adalah baik jika sebuah sekolah SMK Marak Parak diwujudkan di tempat tersebut. Kalau murid-murid ini berulang-alik setiap hari, ia boleh menyebabkan aktiviti ponteng kelas kerana jaraknya terlalu jauh dan juga mudah bagi mereka untuk *drop-out* dari sekolah. Jadi kita tidak mahu itu berlaku kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Secara ringkas sahaja saya ingin menyatakan di sini bahawa baru-baru ini Labuan Corporation di Labuan telah menolak permintaan daripada masyarakat KadazanDusun dan Murut di Labuan untuk mewujudkan satu perkampungan bagi mereka dan juga untuk melantik seorang Ketua Kampung mengikut adat istiadat masyarakat tersebut untuk menjadi sebagai ketua ataupun ketua kampung di situ, tetapi cadangan masyarakat ini telah pun ditolak oleh Labuan Corporation.

Ini telah menyebabkan kegelisahan oleh masyarakat tersebut, kenapa ia harus ditolak? Di Labuan pun sekarang ini, selama ini memang banyak perkampungan dan kaum-kaum lain, apa salahnya kalau semua kaum diberi perkampungan seperti itu. Di Semenanjung pun banyak juga kampung-kampung baru yang didiami oleh kaum Cina. Saya berharap kementerian berkenaan mengkaji balik atau campur tangan terhadap keputusan Labuan Corporation ini supaya memberikan kelulusan terhadap permintaan masyarakat di Labuan ini. Sebanyak 6,000 penduduk KadazanDusun di Labuan dan saya mengharapkan cita-cita mereka ini dapat ditunaikan oleh kementerian...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon untuk mencelah.

Datuk Maijol Mahap: Silakan Yang Berhormat

■1140

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap kerana membenarkan saya membuat sedikit celahan. Saya amat tertarik dengan perbincangan tadi berkenaan dengan bahawa terdapat enam peratus sekolah-sekolah di seluruh negara yang tidak sesuai untuk diduduki ataupun dijadikan bangunan untuk pembelajaran. Soalnya, walaupun kita minta pada pihak kerajaan untuk baiki dalam bentuk segera ataupun bina bangunan segera ianya mungkin mengambil masa yang agak panjang dan kos yang tinggi.

Jadi, sebagai seorang peguam, apakah saranan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk untuk menyelesaikan masalah ini kerana kita bimbang kepada keselamatan guru-guru dan keselamatan pelajar yang sedang mengajar dan belajar di enam peratus sekolah-sekolah ini kerana ia membabitkan nyawa. Jadi, adakah yang dimaksudkan bahawa enam peratus tadi membabitkan bangunan yang benar-benar tidak selamat untuk didiami. Saya pohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Ini istilah '*tidak selamat*' ini bagi pengertian saya adalah memang sekolah itu sudah begitu tidak sesuai untuk digunakan sebagai sekolah. Saya berkesempatan untuk berbincang, berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengenai dengan hal ini dan beliau telah memberi kata-kata yang baik. Di mana beliau telah menyatakan kepada saya bahawa kerajaan akan mengambil berat tentang hal ini dan akan memperbaiki atau membaiki sekolah-sekolah tersebut. Pada masa ini sebagai langkah-langkah *mitigate* nya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhati ialah peranan PIBG di sekolah tersebut membantu sekolah secara gotong-royong untuk memperbaiki sana sini.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akan tetapi, dalam jangka pendek dan jangka panjang yang harus dibuat oleh kerajaan untuk membantu sekolah-sekolah tersebut. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, hanya satu, dua poin lagi iaitu mengenai dengan pelantikan ketua-ketua jabatan di Sabah. Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana sentiasa mendengar tentang pendapat-pendapat pemimpin daripada Sabah dan satu daripada pendapat ialah agar anak-anak tempatan diberi peluang untuk menjawat jawatan ketua-ketua jabatan di Sabah ini. Sejak ianya diminta oleh pemimpin-pemimpin daripada Sabah, saya nampak bahawa memang banyak perubahan.

Contohnya, di Jabatan Pendaftaran Negara pun pengarahnya adalah anak tempatan. Begitu juga dengan RTM, Jabatan Penerangan Sabah dan juga Imigresen di

Sabah pun cuma Kastamnya sekarang ini saya ingin menyatakan bahawa yang penyandang atau memangkunya itu adalah tempatan. Namanya Tuan Haji Janatan Kanduk. Saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan tidak silap saya atau kerajaanlah supaya beliau ini bukan sahaja sebagai *acting* ataupun pemangku tetapi dilantik terus untuk menjadi pengarah Kastam di Sabah ini. Dia memang adalah orang yang berkebolehan, berpendidikan tinggi dan telah mula bekerja ataupun bertugas di Jabatan Kastam sejak dia berumur 18 tahun.

Seorang yang bekerja keras sentiasa dan mempunyai ijazah *Bachelor, Masters* dan sedang mengikuti kursus PhD dan akan tamat tidak lama lagi. Saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya diberikan peluang kepada dia untuk menjawat jawatan tersebut. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Dalam Negeri khasnya Jabatan Pendaftaran Negeri di Sabah ini. Saya amat terima kasih kerana Kerajaan Persekutuan selalu prihatin tentang mendaftarkan mereka-mereka ini yang belum mempunyai kad pengenalan. Mengikuti akhbar yang telah saya baca bahawa ada lagi lebih kurang 50,000 rakyat di Sabah ini yang masih belum memohon MyKad.

Kenapakah berlaku begitu. Saya ingin mengesyorkan agar Kementerian Dalam Negeri khasnya Jabatan Pendaftaran Negara ini memperbanyakkan lagi operasi mereka ke kampung-kampung di pedalaman, memperbanyakkan tenaga pekerja mereka ini, memberikan mereka lebih peruntukan untuk *mobile registration* tersebut supaya lebih kerap mereka masuk ke kampung-kampung di pedalaman untuk mendaftar mereka ini yang belum mempunyai kad-kad pengenalan ini. Akan tetapi dalam masa yang sama saya juga ingin menyarankan supaya dan agar mereka ini, pegawai-pegawai yang mendaftar ini sentiasa waspada tentang ada sahaja orang-orang pendatang tanpa izin ini yang cuba-cuba mendaftar sebagai rakyat Malaysia.

Pengalaman saya ialah apa yang saya perhati bahawa mereka ini membuat tipu helah mencari jalan supaya mereka ini diterima sebagai warganegara Malaysia. Jadi, saya berharap agar pegawai-pegawai JPN ini sentiasa waspada dan menolak kes-kes seperti ini kerana mereka tidak layak menjadi negara ataupun warganegara Malaysia. Terakhir sekali saya ingin sentuh tentang...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Boleh saya mohon mencelah?

Datuk Maijol Mahap: Silakan Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mendengar perbincangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap. Saya tertarik satu perkara yang saya ingin sedikit penjelasan. Tentang pertama, beliau ada menyebut tentang guru-guru dari Semenanjung yang tidak lama bertugas di sana, maka mereka ini akhirnya pulang ke Semenanjung untuk bertugas di sini. Kedua, ada juga disebut sana sini tentang sentimen rakyat di Sabah yang mahukan pegawai-pegawai tertinggi anak tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan khasnya di Sabahlah.

Dalam soal ini Yang Berhormat, saya ingin sedikit penjelasan, sebelum itu ingin saya berkongsi pengalaman. Ada ramai rakan-rakan saya malah adik saya sendiri pun, keluarga saya yang bertugas di Sabah, akhirnya berkahwin dengan orang Sabah dan menetap di sana dan tidak balik. Dari segi integrasi nasional kita, saya rasa ini baik. Maknanya, pegawai-pegawai dari Semenanjung ke sana, menetap di sana, berkahwin di sana, kalau sentimen rakyat Sabah ini masih kuat, masih ada terhadap pegawai-pegawai dari Semenanjung, maksudnya jawatan-jawatan semuanya perlu di isi oleh orang Sabah. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dari sudut kita hendak merapatkan integrasi nasional dalam hal ini. Terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Yang Berhormat, saya tidak ada cakap tentang kami ingin menghalang. Tidak. Memang ramai guru-guru di Semenanjung yang mengajar di Sabah dan itu baik. Ada yang tidak balik sini pun. Jiran saya pun kampung pun orang Melaka, *my neighbor* di kampung ada yang polis. Itu bukan masalahnya Yang Berhormat. Akan tetapi apa yang saya ingin katakan di sini bahawa guru-guru yang dihantar di situ masih tidak mencukupi. Walaupun ada guru-guru yang dihantar dari Semenanjung ke Sabah tetapi

masih terdapat masalah kekurangan guru di Sabah. Jadi, itulah saya ingin katakan, sarankan bahawa untuk mengatasi ini dalam jangka panjangnya kita harus mengambil lebih ramai guru-guru dari Sabah untuk menampung keperluan ini. Jadi, bergabunglah guru-guru dari Semenanjung dan juga guru-guru dari Sabah yang mengajar supaya kekurangan guru ini tidak menjadi satu masalah dalam jangka panjangnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kemudahan diskaun 50 peratus AirAsia ini. Saya telah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini di *sitting* yang lalu dan juga Tuan Yang di-Pertua juga memperjuangkan hal ini di mana Tuan Yang di-Pertua telah bermesyuarat dengan pegawai tinggi AirAsia di mana keputusannya ialah satu pakatan dibuat di mana semua Ahli Dewan Negara juga seperti Dewan Rakyat diberi potongan 50 peratus apabila kita membeli tiket AirAsia.

■1610

Seperti juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya juga gembira bila mendengar kerana saya juga kadang-kadang menaiki AirAsia juga. Setelah saya menerima surat daripada dua negara ini tentang adanya kemudahan diskaun 50 peratus ini, saya pun cuba menempah tiket. Namun apa yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua ialah harga tiket setelah potongan 5 peratus itu adalah masih tinggi daripada harga tiket yang kita beli daripada *internet* contohnya dan ia masih tinggi. Mungkin masih tinggi daripada harga yang kita beli di kaunter. Jadi apa ertinya walaupun kita katakan 5 peratus potongannya tetapi masih tinggi dibandingkan dengan harga yang kita beli melalui *internet*. Jadi tiada erti. Apabila saya bertanya mengapa begitu, apa sebabnya, pegawai AirAsia telah memberikan penerangan kepada saya, dia kata AirAsia menawarkan *multitier fare structure* dia punya struktur harga tiket itu adalah berperingkat.

Mereka mempunyai dua jenis tambang iaitu tambang ekonomi atau *standard fare* dipanggil dan tambang ekonomi promo apabila *seat* sudah habis, tambang itu akan naik lebih tinggi, di mana harga tiket itu akan naik sehingga ia sampai ke *level* yang paling tinggi juga harga yang paling tinggi. Setiap *flight* mempunyai 11 *fare levels* dan 50 peratus itu diberi kepada Ahli Parlimen adalah untuk tambang yang paling tinggi.

Jadi *the net result or figure is still higher than the normal fare that we bought from the internet*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *So to me is a mis nomer and is a misleading facilities* yang diberikan oleh AirAsia. *So no use to me... [Ketawa]*

So, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tertarik dengan tawaran AirAsia yang mengelirukan itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua apakah kita akan berdiam diri begitu sahaja. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Datuk Maijol telah bercakap terus dengan pegawai berkenaan atau dapat informasi ini dari mana sebenarnya. Saya pun berminat tetapi tidak belum cuba lagi.

Oleh sebab memang kalau begitu, kalau Ahli Parlimen boleh ditipu, rakyat biasa apa lagi. Minta maaf menggunakan bahasa yang agak 'apa' sedikitlah, minta maaf. Jadi itu yang saya rasa jangan sampai syarikat-syarikat besar seperti ini jangan sampai mengelirukan kita, ahli-ahli *legislator* kebangsaan dikelirukan, apatah lagi kalau rakyat biasa. Jadi saya minta Kementerian Pengangkutan yang saya percaya dengan izin, meng *expedite* isu ini sebenarnya setelah Yang Berhormat Maijol dan saya merungut sana sini sedikit. Jadi saya mintalah jangan sampai..., kalau hendak kasi murah, kasi murah betul, kalau tidak, tidak usahlah kasi. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Saya bersetuju Yang Berhormat. *Facility* haruslah *transparent* dan jangan ada selindungnya. Saya mendapat maklumat itu setelah saya cuba menempah lalu dibalas harga tiketnya begini. Jadi apabila saya nampak *figure* nya saya rasa terkejut kerana lebih tinggi daripada yang di *internet*. Saya katakan lagi, saya kata kalau inilah *figure*nya buat apa 50 peratus, baik saya beli di *internet*. Jawapannya dia kata, "*It's up to you, your choice*", *so as that simple, just like that*. Saya rasa secara kualitasnya saya bagi cadangan supaya kita satu Dewan Negara yang mulia ini, kita membuat representasi *submission* kepada AirAsia supaya polisi ini diubah, supaya lebih menampakkan diskaunnya dan jangan diskaun kepada harga yang paling tinggi kerana tidak ada maknanya.

Sebelum saya mengakhiri Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Kesihatan khasnya kedudukan hospital-hospital di Sabah khasnya di Queen Elizabeth ini. Baru-baru ini saya berkesempatan melihat keadaan sebenarnya apa yang berlaku di Hospital Queen Elizabeth amat *chaotic* dengan *bed* yang tidak mencukupi, fasiliti yang tidak baik dan mencukupi. *Patient* yang baru sahaja dioperasi atau *surgery* dihantar balik ke hospital daerahnya. Jadi begitulah keadaannya dan saya harap kementerian menyasat perkara ini kerana ini akan mengkompromikan keselamatan mereka dan *patient*.

Saya banyak komen tentang hal ini termasuk juga menulis di surat khabar mengenai ketidakselesaan rakyat di Kota Kinabalu mengenai dengan keadaan seperti. Saya harap Kementerian Kesihatan melihat perkara ini secara serius untuk menyelesaikan masalah seperti itu. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat. Sebelum itu diminta Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin bersedia.

4.16 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana turut diberi peluang untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Persidangan Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas pada 7 Mac 2011 yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda, Tuanku telah menyentuh secara menyeluruh berbagai-bagai aspek negara termasuklah pentingnya Gagasan 1Malaysia bagi menyatupadukan rakyat. Prestasi ekonomi negara yang kukuh dengan pertumbuhan 7.2 peratus tahun 2010, pelaksanaan program transformasi seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi Berteraskan Model Ekonomi Baru (MEB) dan komitmen kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi dan transformasi berkeperluan mengujudkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap, cepat dan berkesan, peranan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan penduduk luar bandar termasuk Orang Asli di Semenanjung dan penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak, serta potensi membangunkan usahawan wanita dan meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan khususnya sasaran 30 peratus wanita menduduki peringkat membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh beberapa perkara penting berhubung Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Sistem Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care, kawalan harga barang, langkah kawalan kad kredit, keselamatan dan kesihatan tempat kerja dan Dasar Keluarga Negara.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh inisiatif kerajaan menubuhkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera yang bertanggungjawab menerajui, mengurus dan memacu penyertaan golongan bumiputera khususnya dalam usaha memperkukuhkan ekonomi bumiputera. Inisiatif ini diambil memandangkan penyertaan bumiputera yang masih rendah dalam pelbagai sektor ekonomi.

Saya ingin mengalu-alukan penubuhan unit ini dalam Majlis Tindakan Agenda Bumiputera yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Ini membuktikan kesungguhan dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memaju dan membangunkan usahawan bumiputera. TERAJU akan menumpukan lima

bidang utama iaitu keusahawanan dan penciptaan kekayaan, pembiayaan, pendidikan dan pengajian, penilaian institusi dan instrumen polisi dan pengurusan pihak berkepentingan.

Sehubungan dengan itu, saya menggesa agar TERAJU memperkemaskan operasinya khususnya di dalam empat aspek dan dimensi penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini iaitu:

- (i) memastikan hasil dicapai dalam jangka waktu terdekat;
- (ii) meningkatkan keberkesanan institusi termasuk mengkaji sama ada terdapat pertindihan dengan pelbagai badan dan institusi pada masa ini dan melihat keberkesanan institusi dan segala program yang sedang dilaksanakan seperti MARA, Perbadanan Usahawan Nasional, TEKUN, Amanah Ikhtiar dan sebagainya;
- (iii) mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan untuk mengenal pasti program baru dan segala tindakan yang dilaksanakan; dan
- (iv) menentukan penilaian daripada hasil dan prestasi.

Berhubungan dengan TERAJU ini, saya ingin mendapatkan penjelasan berikut:

- (i) nyatakan langkah dan sasaran TERAJU di dalam menyelaraskan usaha untuk menyenaraikan lebih banyak syarikat bumiputera ke Bursa Malaysia termasuk di bawah Agenda Skim Jejak Jaya Bumiputera;
- (ii) sejauh manakah TERAJU telah menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan termasuklah dewan perniagaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya selari dengan program transformasi GLC; dan
- (iii) bagi menentukan penilaian inisiatif yang berkesan, apakah tindakan teraju dalam melengkapkan pangkalan datanya dan membuat pemantauan terhadap program yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Baginda menyentuh tentang Klinik 1Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan pula tentang cadangan kerajaan bagi melaksanakan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care bagi memberikan pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan atau hospital swasta tanpa mengira kedudukan sosial dan kewangan mereka. Skim ini akan menggabungkan sistem pengurusan kesihatan kerajaan dan swasta dijangka mewajibkan rakyat memilih atau melantik pengamal perubatan di klinik pilihan sebagai doktor keluarga dan pesakit hanya dirujuk ke hospital dengan sokongan doktor keluarga masing-masing. Melalui skim ini, kira-kira 800 klinik kerajaan dan lebih 7,000 klinik swasta akan berfungsi sebagai doktor keluarga rakyat.

Sehubungan dengan itu, kerajaan bercadang mewujudkan sebuah dana khas untuk membiayai kos penjagaan kesihatan rakyat dengan mereka yang berkemampuan menyumbang kepada dana itu melalui bayaran bulanan, premium insurans, potongan cukai atau kaedah lain yang akan ditetapkan. Kerajaan akan membiayai 90 peratus daripada dana kesihatan manakala selebihnya disumbangkan oleh mereka yang berkemampuan membabitkan majikan dan pekerja dalam peratusan yang akan ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care ini dikatakan mirip perkhidmatan kesihatan di United Kingdom yang membiayai penjagaan kesihatan menerusi dana khas di kumpul sepenuhnya melalui potongan cukai. Bagi negara kita, ketika ini sistem penjagaan kesihatan negara dibahagikan kepada dua iaitu pertama, sektor kerajaan yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan yang keduanya sektor swasta bagi mereka yang berkemampuan. Ini menyebabkan beban ditanggung hospital kerajaan semakin meningkat setiap tahun, iaitu daripada RM1 bilion pada tahun 1983 kepada RM6.3 bilion pada tahun 2003.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berapakah jumlah kos penjagaan bagi tahun 2009 dan 2010 serta jangkaan bagi tahun 2011 dan sejauh manakah kemajuan

pelaksanaan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care ini dan apakah langkah yang diambil kerajaan bagi merealisasikan skim ini serta berapakah peruntukan yang akan disediakan bagi menjayakan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care ini?

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar sebuah badan bebas khas dengan kuasa autonomi bagi mengurus dana Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care ditubuhkan bagi mengelakkan konflik kepentingan dan memastikan proses tadbir urus dana yang akan membiayai kos penjagaan kesihatan itu lebih atektif. Fungsi pembiayaan dana dan penyampai perkhidmatan kesihatan harus dikendalikan dua organisasi berbeza bagi memastikan pemberian dana dapat dilakukan secara adil sebagai pemberi perkhidmatan dari sektor kerajaan dan sektor swasta.

Dalam hal ini juga, seharusnya Kementerian Kesihatan menumpukan sebagai pemberi perkhidmatan dan sebagai pemantau. Saya juga berharap kerajaan akan menggerakkan fungsi pendidikan dan penyelidikan yang lebih sempurna dilakukan oleh universiti tempatan. Akhirnya, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan unit *National Health Financing* Kementerian Kesihatan dalam pelaksanaan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah berlaku laporan tentang kehabisan minyak masak di beberapa buah negeri. Keadaan ini telah menimbulkan pembeli-pembeli panik sehingga menyebabkan kekurangan barang keperluan berkenaan di pasaran. Akibatnya, ada pihak tertentu cuba mengambil kesempatan untuk menaikkan harga. Kenaikan barang juga dikaitkan dengan kedatangan musim perayaan. Menjelang sahaja musim perayaan, rakyat akan menjangkakan kenaikan harga barang keperluan kerana kekurangan barang keperluan ketika menjelang musim perayaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi dan memastikan kenaikan harga barang dapat dibendung. Dalam hubungan ini, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya mewujudkan sistem pemantauan awal serta stok. Penimbal beberapa barangan keperluan seperti gula, tepung, minyak masak dan lain-lain lagi bagi mengelakkan masalah kekurangan bekalan barang keperluan.

Saya ingin juga mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berhubung cadangan mewujudkan Jawatankuasa Bekalan dan Harga untuk memantau aspek pengurusan semua barangan atau bahan kawalan negara. Sejauh manakah penubuhan jawatankuasa ini mampu mengawal bekalan dan harga barangan kawalan termasuk kelapa, bawang dan sebagainya.

■1630

Berhubung dengan kenaikan harga barang, baru-baru ini Bank Negara Malaysia mengatakan akan mengambil langkah meneliti sama ada kenaikan harga barang negara ini bersifat sementara atau kekal. BNM juga dikatakan akan membuat penilaian menyeluruh bagi memastikan sama ada inflasi yang akan berlaku ini akan disebabkan oleh permintaan atau faktor bekalan. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sama ada isu kenaikan harga barang ini berpunca daripada bekalan barang yang tidak sampai kepada pengguna dan apakah langkah kerajaan bagi memastikan bekalan barang yang sentiasa mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengatakan sokongan terhadap tindakan Bank Negara yang telah menaikkan had minimum pendapatan tahunan dari RM18,000 kepada RM24,000 bagi memohon kad kredit. Saya berpendapat bahawa pendapatan minimum RM24,000 yang ditetapkan bagi membolehkan seseorang layak memohon kad kredit adalah masih rendah. Saya berharap kerajaan akan mengkaji semula supaya hanya yang berpendapatan minimum RM36,000 setahun sahaja yang layak memohon kad kredit. Sementara itu langkah kerajaan menetapkan pemegang kad kredit sedia ada dan permohonan baru yang berpendapatan kurang daripada RM36,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad daripada dua bank dan had kad kredit yang

ditetapkan dua kali ganda daripada pendapatan bulanan masing-masing adalah langkah yang wajar.

Langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal pemegangan kad kredit ini adalah langkah bijak dan tepat pada masanya. Bagi memastikan rakyat khususnya golongan muda supaya berbelanja mengikut kemampuan dan tidak terjebak dalam bebanan hutang termasuk diisytiharkan muflis. Langkah ini akan membantu pemegang kad kredit mengamalkan pengurusan hutang dan kewangan secara berhemah. Langkah ini akan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap penggunaan kad kredit secara *instrument*, bayaran yang selamat serta memastikan amalan perniagaan adil untuk semua pihak.

Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan yang menetapkan pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 dan kurang, yang mempunyai kad kredit lebih daripada dua bank. Diberi tempoh hingga hujung tahun ini untuk mengurangkan kepada dua bank sahaja dan mereka diberikan masa dua tahun untuk menyelesaikan baki yang tertunggak untuk kad kredit yang dibatalkan itu.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Berapakah jumlah pemegang kad kredit yang telah dikeluarkan termasuk kepada yang berumur di bawah 30 tahun dan jumlah keseluruhan hutang tertunggak kad kredit di negara ini? Berapakah jumlah peratus pemegang kad kredit yang mempunyai pendapatan RM36,000 dan kurang? Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan kad kredit kepada semua urus niaga? Pengeluaran kad kredit yang berleluasa adalah disebabkan bank-bank berlumba-lumba memberi kemudahan kad kredit. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengawal selia pengeluaran kad kredit oleh bank-bank ini. Dengan memastikan bank-bank ini meneliti kedudukan kewangan setiap pemohon kad kredit. Kerajaan juga digesa memastikan semua bank-bank mematuhi garis panduan baru yang dilaksanakan ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan seramai 55,186 orang pekerja terlibat dengan kemalangan di tempat kerja. Termasuk ketika perjalanan berulang-alik antara tempat kerja dan rumah. Mengikut statistik tahun 2009 daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menunjukkan golongan yang paling ramai terlibat dalam kes kemalangan maut adalah 297 atau 24 peratus pekerja sektor perkhidmatan, 212 atau 17 peratus sektor perkilangan dan 178 atau 14 peratus adalah sektor industri kecil dan sederhana (IKS). Kebanyakan punca kematian adalah kerana dihempap barang-barang iaitu 527 kes dan terjatuh dari tempat tinggi, 357 kes.

Sepanjang tahun 2009 PERKESO telah membayar pampasan berjumlah RM1.354 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan majikan dan pekerja di negara ini mengenai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja? Apakah tindakan kerajaan terhadap majikan terutama pengusaha IKS yang tidak menyediakan sistem keselamatan yang mencukupi kerana beranggapan ianya memberi beban kos? Adakah kerajaan bercadang memberi insentif kepada IKS yang meningkatkan sistem keselamatan IKS? Apakah langkah kerajaan bagi memberi kesedaran kepada pekerja yang enggan mematuhi sistem atau menggunakan peralatan keselamatan dan kesihatan walaupun telah disediakan oleh majikan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Adalah wajar jika kerajaan mengambil langkah membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, diperkenalkan di peringkat awal khususnya kepada pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi. Bagi memastikan generasi muda ini mempunyai pengetahuan dan menjadi budaya apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah peranan dan fungsi Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerja dalam membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja khususnya kepada pelajar sekolah dan IPT. Apakah langkah dan inisiatif yang diambil bagi membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja termasuk penyelidikan dan memperkukuhkan sistem keselamatan dan kesihatan melibatkan jabatan dan pertubuhan lainnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah memperkenalkan Dasar Keluarga Negara yang akan menjadi benteng kepada institusi keluarga. Bagi menghadapi pelbagai cabaran sosial semasa dan diwujudkan hasil kesedaran seperti melahirkan generasi berkualiti dalam memacu negara menjadi negara maju. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apakah langkah yang diambil kementerian untuk melibatkan semua pihak supaya dapat mengarusperdanakan perspektif keluarga dalam perundangan dasar, prosedur, peraturan dan program pembangunan negara secara menyeluruh.

Dalam hubungan ini, adakah KPWKM akan menggesa kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan terutama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Menimbangkan dan memastikan penempatan kakitangan agar mengambil kira penempatan suami isteri dan ibu bapa yang tua, sesuai dengan semangat Dasar Keluarga Negara.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, bagi merealisasikan salah satu teras strategik dan pelan tindakan dasar keluarga negara iaitu meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosial ekonomi saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung cadangan KPWKM untuk mewujudkan taman asuhan dan jagaan kanak-kanak di tempat kerja. Setakat ini berapa buah taman asuhan dan jagaan kanak-kanak yang telah diwujudkan di tempat kerja sama ada di pejabat kerajaan dan swasta. Saya mendapat maklum di Parlimen ini juga masih belum ada taman asuhan dan jagaan kanak-kanak. Saya ingin mencadangkan agar kementerian KPWKM mewujudkan taman asuhan dan jagaan kanak-kanak di Parlimen bagi kemudahan dan demi kebajikan kakitangan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung kenyataan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-222 di Istana Negara pada 13 hingga 14 Oktober 2010. Lalu yang lain memandang berat mengenai trend politik yang meniupkan angin perkauman dan mencabar kedaulatan Perlembagaan Negara serta kontrak sosial yang menjadi asas permuafakatan kaum di negara ini. Dalam hubungan ini semua rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama harus kukuh bersatu memajukan negara kerana sebenarnya kita saling memerlukan ibarat aur dengan tebing. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad Hussin.

4.42 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama membahaskan Titah Seri Paduk Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini iaitu 7 Mac 2011. Tuan Yang di-Pertua, ingin pilihan raya, PRU 13 telah terasa, jadi apakah persediaan kerajaan yang memerlukan-kita perlukan 2/3 majoriti dan menawan empat negeri, Kedah, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang. Demi untuk menegakkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Akan tetapi apakah persediaan kita? Saya awal-awal lagi hendak memberikan beberapa perkara kerana esok jangan kata saya tidak menyebut, saya menyebut di Parlimen. Kita jadikan kejatuhan Liberal Demokratik Jepun sebagai pengajaran untuk Barisan Nasional parti pemerintah.

Dalam 2005 LDP mendapat 296 Kerusi manakala DPJ mendapat hanya 115 Kerusi. Akan tetapi pada 2009 apa yang berlaku LDP mendapat 308 kerusi tetapi DPJ macam alternatiflah 480 Kerusi. Maka tumbang kerajaan Jepun setelah memerintah 54 tahun. Jadi jangan kita ikut apa yang berlaku pada Jepun. Kenapa kerajaan Jepun jatuh? Pertama ketidakcekapan kerajaan. Kedua kepentingan parti mendahului kepentingan rakyat. Ketiga parti menjadi sombong iaitu *arrogant*, dengan izin, jangan ataupun kerajaan jangan ada Menteri, Timbalan Menteri dan sebagainya termasuklah senator dan sebagainya sombong, jangan. Buangkan sifat-sifat menindas orang-orang luar bandar dan jangan kita buat dasar-dasar yang rakyat tidak suka.

Saya akan bincang satu persatu nanti mana yang rakyat suka dan mana yang rakyat tidak suka. Saya hendak mengingat balikkah pada tahun 2010. Saya di Dewan yang mulia ini saya marah kepada Yang Berhormat Karpal Singh sebab. Sebab apa saya marah, sebab apa tegur dia kerana dia telah mengatakan bertanya di Dewan Rakyat dia kata siapa yang tulis ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Anak dia punya Deo itu, apa Deo saya tidak tahu. Dia pun sokong bapa dia, dua-dua sama sahaja. hendak tanya buat apa siapa yang tulis. Saya tidak pernah tanya siapa yang tolak dia. Dia OKU. Kita tidak tanya sebab ini sensitif.

Akan tetapi dalam Dewan yang mulia Yang Berhormat Karpal telah bertanya adakah ini titah kerajaan perlu. Siapa.., ini sombong, Karpal Singh ini seorang yang sombong. Saya amat tidak suka orang yang sombong, orang yang mengeluarkan isu-isu perkauman. Akan tetapi katanya dia tidak rasis, tidak rasis apa kalau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak dihormati. Saya rasa, sekarang telah digantung. Makna orang tidak ada morallah digantung ini dan orang ada moral semua ada di sini, ada di Dewan Rakyat dan ada di Dewan Negara. Semua orang ada moral, yang ada prinsipal, yang ada akauntabiliti, yang bertanggungjawab, yang kasih pada perpaduan. Orang yang digantung semuanya orang yang tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegur tentang Indah Water Konsortium. Ini penting sebab kita minum, jaga kesihatan, kita hendak gaya hidup sihat walafiat. Pada 6 April 2011 dalam akhbar *The Star* telah melaporkan pendedahan mengenai tindakan Indah Water Konsortium yang menangani masalah pelupusan enap cemar secara haram. Pihak IWK telah dapati telah menanam 900 tan inap cemar dalam loji air kumbahan Kuala Sawah di satu kawasan berhampiran sebuah kampung di Kuala Sawah, Seremban. Ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Duit kita bagi, tenaga kerja kita bagi dan kerja yang tidak bertanggungjawab dibuatkan oleh IWK.

Kita bagi berapa? RM100 juta untuk merawat 54 juta liter air kumbahan sehari. Belum pun habis cerita ini timbul pula tunggakan kutipan bil pembetulan yang mencecah RM750 juta. Tidak dapat kutip, apa yang dia buat? Sekarang IWK menghadapi masalah pelupusan haram pula. Sudah jatuh ditimpa tangga. Ini bukan hendak tolong kerajaan, menyusahkan kerajaan, IWK ini. Jadi, sudah sampai masanya pihak kerajaan digesa agar satu badan audit berasingan dan *independent*, dengan izin, ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan audit secara komprehensif ke atas semua aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh IWK serta keberkesanannya. Dengan ini adalah diharapkan agar satu pendekatan baru dan jalan penyelesaian terhadap isu-isu sebegini boleh dicapai bagi menjaga kepentingan rakyat dan kerajaan.

Satu lagi saranan yang ingin saya tekankan iaitu supaya pengurusan bekalan air digabungkan dengan pengurusan air kumbahan demi untuk meningkatkan kecekapan dan membangunkan satu sistem pengurusan industri air yang holistik seperti yang telah digariskan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air.

■1650

Ketiga ialah tentang kegagalan penstrukturan air di Selangor. Sehingga apa yang terjadi, MARC menurunkan rating bon-bon syarikat. Apa yang terjadi? Ini menjejaskan pemegang-pemegang saham seluruh negara. Bon tersusut sehingga RM1 billion. Siapakah pemegangnya? Contoh, KWSP duit rakyat. Kesalahan yang dibuat oleh pengurusan, pentadbiran, salah tadbir, salah urus, menyebabkan rakyat menanggung penderitaan. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Kita hendak *good governance*, dengan izin. Tidak ada *Little Napoleon*, dengan izin. Kita hendak negara berjalan dengan baik, rakyat beri kepercayaan supaya kita dapat memerintah, terus memerintah.

Kerajaan Negeri Selangor ini sudah tidak membayar RM471 juta hutang air. Kita sudah minum, hutang tidak bayar. Apa yang jadi dalam Islam, saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua. Air sudah kita minum. Sudah habis sudah. Setiap hari kita *consume* air, dengan izin. Hutang tidak bayar. Cakap pandai. Menyelesaikan masalah tidak pandai. Hutang pandai, bayar tidak pandai Tuan Yang di-Pertua, tetapi jangan hendak memerintah!

Keempat, saman ekor. Sebelum saya datang, orang kampung minta Tuan Yang di-Pertua, tentang saman ekor ini. Saya tidak setuju *blacklist* oleh JPJ dan polis. Pada saya perkara ini *unconstitutional* dengan izin, tidak menurut Perlembagaan. Sepatutnya bawa ke

mahkamah. Biar mahkamah yang menentukan, hendak *blacklist* atau apa-apa, biar mahkamah yang memutuskan. Kita gunakan dasar *the separation of powers*, dengan izin. Perasingan kuasa antara kuasa-kuasa eksekutif, kuasa-kuasa perundangan, kuasa-kuasa kehakiman. Mengapa polis pula hendak pandai-pandai menjadi hakim, saya hendak tanya. Saya hendak bertanya pegawai-pegawai JPJ, siapakah yang menyuruh dia menjadi hakim? Boleh atau tidak dia menjadi hakim? Ini ada apa pula ini, ada cerita lain... [Merujuk pada kertas yang diberikan oleh Bentara] [Ketawa] Ini 'ayak'. Saya bacalah sebab... Oh, 'sat' lagilah.

Jadi saya hendak beritahu, ada satu kes dengan izin, saya baca Tuan Yang di-Pertua. *Setting a decision by Kuching High Court in 2009, he said, "The judge in the case has..., had ruled that it was illegal to blacklist motorists who had fear to pay their summonses."* Jadi, orang kampung dengar apa yang saya cakap ini. Saya sudah membela ini. Semua rakyat Malaysia mendengar ini. Barisan Nasional 'dok' bela ini bahawa tidak boleh hendak *blacklist*. Ia tidak ada kena-mengena dengan tidak bayar itu dengan hendak *blacklist*. Sebab apa kita hendak *punish* orang kerana kita gagal untuk mengutip semula hutang-hutang - kita kata hutanglah. Cari jalan, kaedah, gunakan kebijaksanaan jabatan. Gunakan segala ilmu-ilmu yang dipelajari, segala *management* yang telah dipelajari di Amerika Syarikat, di UK, di mana-mana. Gunakan segala teori yang ada. Cara bagaimana hendak mendapatkan supaya memujuk rakyat membayar saman. Itu sahaja. Ini, tidak dapat, *blacklist*.

Saya hendak 'habaq' lagi. Kalau *blacklist* - kita lihat Perlembagaan Tuan Yang di-Pertua. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 13, saya sebutkan di sini Perkara 13. Perkara 13 – Hak Terhadap Harta. Apa yang dikatakan 13(1), "Tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang."

Kemudian, apa yang Perkara 13(2) kata, "Tiada suatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil dan menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi." Ini penting. Kalau kita hendak buat apa-apa pun, ia mesti jangan melanggar Perlembagaan Persekutuan kerana setiap tindakan yang dibuat oleh mana-mana pihak yang bercanggah dengan Perlembagaan adalah terbatas setakat yang bercanggahan itu. Lihat pada Perkara 4(1) jelas mengatakan bahawa, "Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi. Mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka, yang bercanggah dengan Perlembagaan, adalah terbatal setakat yang bercanggahan itu." Saya harap kerajaan mengambil perhatian serius terhadap apa yang saya sebutkan.

Sekarang saya hendak menolong petani pula. Orang kampung ada minta saya cakap. Orang kampung kata Tuan Yang di-Pertua, harga padi sekarang RM750. Di sini saya hendak mencadangkan. Dahulu tahun 2007, saya sudah mencadangkan sekali, kerajaan naik. Ini kali yang kedua, saya hendak minta, orang luar bandar minta, petani minta daripada RM750 satu tan metrik pada RM1,000 satu tan metrik. Saya cadangkan di sini dan pemberian insentif sebanyak RM200 kepada setiap orang petani. Petani di luar bandar perlu mendengar ini.

Saya sebut ini di dalam Dewan yang mulia bagaimana nelayan dapat, begitu juga petani. Petani ini orang Kedah, yang banyak jelapang padi. Sebelah kanan saya ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, berbudilah. Balas budilah kepada mereka yang beri kita makan. Kalau tidak makan nasi satu hari, dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, pening kepala! Jadi, ingatlah. Nasi makanan ruji, berilah kepada mereka dan duit kastam itu yang RM108 bilion, kita gunalah duit - apabila barang bukan... [Disampuk]

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit. Boleh Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Saya hendak beri dia sejuk sedikit. Yang Berhormat kata tadi, naik harga padi. Bagaimana dengan subsidi? Adakah subsidi hendak dipotong ataupun hendak menaikkan harga padi?

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih. Subsidi tidak potong. Orang luar bandar dengar bukan? Tidak potong! Harga beras tidak naik. Harga padi, naik. RM200 insentif, jalan. Ambil duit yang kata barang-barang yang kastam dahulu dia caj tidak betul. Dipanggil apa Tuan Yang di-Pertua? Sepatutnya dia perlu bayar RM100 tetapi bayar RM20 sahaja. Duit RM80 itulah... [Disampuk] *Under declare*, dengan izin. Semua 'dok' *under declare* dengan RM108 bilion setiap tahun itu, gunalah untuk nelayan, petani, penoreh getah dan orang-orang susah.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit penjelasan, boleh? Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tentang minta supaya harga padi naik itu memang kita pun menyokong usul ini. Cuma kita hendak bertanya sedikit apakah pandangan Yang Berhormat tentang petani-petani di Perlis ini. Ini kerana harga padi di Perlis memang sekitar RM750 itu minimum. Kebanyakannya boleh jual dengan RM800 tetapi di Selangor mereka jual dengan harga RM1,100 sehingga RM1,200. Jadi, bagaimana cara kita hendak buat supaya petani di Perlis boleh kita bantu?

■1700

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Harga padi ini begini, kedudukan padi ini terletak kepada kilang-kilang, kita cuma mencadangkan RM1,000. Akan tetapi kilang akan beli lebih, dia tidak akan beli RM1,000. Mana-mana kilang yang beli lebih, di situlah petani akan hantar. Maka di sini, petani akan mendapat nikmat. Akan tetapi sekurang-kurangnya kalau sekarang RM750, tetapi cadangan ini kalau kementerian boleh terima, kalau kerajaan boleh terima maka harga RM1,000. Maka, petani akan dapat dalam RM1,200, RM1,300, campur dengan subsidi yang hampir RM300, barulah pulangan balik. Sejak zaman sebelum merdeka sampai sekarang ini, inilah masa yang terbaik untuk kita bela, hampir-hampir dengan PRU-13.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting juga. Saya ada sebut di Dewan ini pada Julai 2010, minta kerajaan kaji tentang elau untuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Saya sebut di sini, tetapi Yang Berhormat Menteri beritahu pada bulan Julai kita akan timbang. Akan tetapi *alhamdulillah* bulan November kalau tidak silap, terus kerajaan beri RM800 kepada Pengerusi JK, imam – RM750, guru KAFA – RM800. Akan tetapi, saya minta, saya balik kampung, orang kampung tahu kata kita yang minta, Setiausaha JK pula kerana Pengerusi dan Setiausaha JK ini ialah seperti aur dan tebing. Dia cukup rapat, erat, dia ngamlah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sekarang ini setiausaha mendapat RM200. Jadi, tidak bolehkah ditimbangkan? Jangan jauh sangat jarak. Kalau pengerusi RM800, saya hendak cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, berilah dalam RM500. Saya cadang di sini ya. Imam, dinaikkan lagi RM50 menjadi RM800. So RM800, RM800, RM800, Setiausaha JK RM500. *Insya-Allah* pilihan raya ini.

Koperasi, koperasi penting. Saya hendak sebut di sini ada kes mahkamah. Saya tidak mahu koperasi ini – sebab koperasi ini luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini statistik ada pada sahabat saya, Yang Berhormat Datuk ini... [Merujuk kepada *Datuk Akbar bin Ali*] dan lebih kurang lapan juta ahli seluruh ini, semua luar bandar. Sekarang krisis antara empat koperasi besar dengan ANGKASA membawa kes ke mahkamah. Saya merayulah kepada Dewan yang mulia ini untuk Menteri yang berkenaan, pada esok ambil tindakan panggillah empat koperasi besar ini, panggillah ANGKASA duduk sekali. Kalau boleh kita selesaikanlah di luar mahkamah walaupun kes ini telah difailkan di mahkamah kerana ini melibatkan masyarakat luar bandar. Siapa hendak rugi? Semua akan rugi. Yang menang akan jadi arang, yang kalah akan jadi abu. Saya pasti ada masalah pergeseran ini dapat diselesaikan kerana tidak lama lagi Bank ANGKASA akan dibuat. Kalau masalah ini berlaku, bagaimana kita hendak membuat bank? Saya harap perkara ini dapat diselesaikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

PTPTN ini pun satu masalah besar. Waktu mula PTPTN dahulu, tidak buat *research*, tidak buat kajian, tidak buat *paper* sangat. Cuma buat satu keputusan Kabinet hendak beri tetapi tidak ada asas-asas yang kukuh, tidak ada carta organisasi yang mantap untuk menjalankan PTPTN. Apabila PTPTN sudah mula jalan, ia masalah sebab tidak ada perancangan awal yang begitu jitu menyebabkan masalah sekarang ramai orang tidak bayar. Tidak bayar ini bukan kerana tidak bayar, ada yang tidak ada kerja lagi, ada yang baru mohon kerja, ada yang dapat kerja tetapi tidak cukup. Kalau kita bawa kes ke mahkamah, siapa yang rugi? Saya hendak tanya, siapa hendak rugi? Kerajaan juga malu asyik bawa anak-anak ini. Anak-anak ini masih mentah lagi, baru remaja. Cuba kita fikir,

lihat kita hendak heret mereka ke mahkamah. Saya rasa ini satu memalukan. Saya minta PTPTN hari ini *stop* dahulu, bawa ke mahkamah itu *stop* dahulu, yang ada pun *slow down*. *Legal advisor* yang buat surat itu *stop*, banyak lagi kerja hendak buat.

Cuma kita hendak cari jalan bagaimana kita hendak masuk, hendak beritahu rakyat kaedah-kaedah yang terbaik yang dua-dua menang. Orang kampung pun menang, penuntut pun menang, kerajaan pun menang, *win-win situation*. Kalau tidak, susah kita hendak menghadapi pilihan raya. Saya hendak tegur sekarang ini. Ini semua orang sudah bercakap dalam kampung, kerja tidak ada hendak kena bayar, perlu pergi ke mahkamah dan sebagainya. Ini kerja yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya hendak awal-awal beritahu kerajaan, tolong beri perhatian serius terhadap PTPTN.

Interlok, yang ketujuh. *Interlok* ini saya perlu sebut juga sebab *Interlok* ini..., saya baca buku itu. Buku itu harga yang kulit tebal itu RM4.70. Pada 40 tahun dahulu, RM4.70 ini pengarangnya tidak akan menghina orang. Dengan harga empat ringgit tujuh kupang ini orang kampung kata, takkanlah dia hendak hina orang. Tidak ada! Saya rasa dia jujur, dia ikhlas, dia buat satu benda yang sejarah. Benda yang berlaku, akan berlaku dan seterusnya berlaku. *Interlok* ini cerita benar, seperti cerita benarliah kalau kita baca satu, satu, satu. Ia tidak ada apa pun. Ia cuma satu yang orang sebut yang telah dilabelkan, label yang benar bukan label yang tidak benar.

Akan tetapi, semua perkara yang lepas itu telah tidak berlaku sekarang. Itu sahaja. Kalau kita ambil positif, *Interlok* ini memberi satu pengajaran kepada kita bahawa orang-orang di Tanah Melayu ini cukup kasih, cukup sayang, sanggup menerima sesiapa sahaja untuk mari duduk, berkampung, berjiran dan menjadi keluarga.

Soal menghina tidak timbul. Saya hendak perbetulkan dalam Dewan yang mulia ini, pengarang tidak ada niat, hasrat, cita-cita untuk menghina orang-orang India dan orang Cina. Tidak! Saya sudah pasti tidak ada niat. Cuma dia hendak beritahu, cerita yang sebenarnya. Saya tidak hendak cerita itu dan saya harap beli buku dan baca khasnya PTD yang ada banyak-banyak ini.

Ini satu lagi penting. Saya perlu sebut benda penting tiap-tiap pilihan raya, itu sahaja. Saya tidak hendak sebut benda tidak penting, insurans. Insurans ini masalahnya premium yang tambahan sehingga 150 peratus ini siapa yang ajar? Orang luar kampung sekarang ini sudah marah kerajaan. Saya hendak beritahu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dengar saya cakap, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin dengar, saya beri *warning* hari ini bahawa orang kampung tidak suka kerana ini telah mencekik orang-orang kampung. Orang di FELDA, orang di Ceruk Tok Kun orang di FELCRA, orang di Lubuk Sireh, orang di luar bandar, semuanya sekarang dalam susah. Bagaimana satu motosikal hendak bayar RM200, RM300. Lagi lama kereta, lagi pula hendak kena bayar lebih. Banyak sangatlah menyebabkan rakyat dalam kesusahan. Jadi makna, yang beri susah rakyat ini, kita. Kalau begini, siapa beri susah rakyat? Kitalah.

Jadi kita sebagai kerajaan sekarang, kita hendak beritahu Bank Negara tolong ambil perhatian serius. Saya hendak beritahu ini, kalau ini akan jadi isu besar. Kawan kita kenalah ini, belah kanan saya ini... [*Merujuk kepada Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawij*] Beliau senyum sahaja. Jadi yang belah sini kena jaga... [*Merujuk kepada blok Kerajaan*] Sudah kita tahu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak marah pun. Beliau ketawa lagi... [*Ketawa*]

Tuan Ahmad bin Hussin: Dia makan dalam ini Tuan Yang di-Pertua. Dia makan seperti *backhoe* itu, mati kita. Beliau sauk habis Tuan Yang di-Pertua. *Backhoe* jangan main-main, jangan silap. Saya cukup faham sebab itu saya cakap, saya berani kata benar-benar di Dewan ini. Insurans, okey kita buat pakej. Kita buat dua, kalau kampung kita buatlah nilai begini, kalau bandar begini. Kalau terlalu kosmopolitan, apa salahnya? Walhal orang kampung itu tidak pernah pergi pekan pun, dia duduk main ikut kampung sahaja. Yang JPJ hendak hambat sampai rumah dia buat apa? Kerja ini tidak guna. Saya pun cukup tidak setuju. Jadi...

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Saya minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

■1710

Apa pandangan Yang Berhormat, tindakan-tindakan ataupun tindakan-tindakan yang dibuat oleh sesetengah pegawai, bukan semua dan bukan kita yang buat kesalahan itu. Bukan semua kepimpinan yang buat kesalahan itu. Kebanyakan saya nampak setiap kali bos-bos besar di pejabat-pejabat kerajaan bertukar, bertukarlah dasar, bertukarlah tindakan. Apakah pendapat Yang Berhormat, kalau orang kampung kata masing-masing hendak mencari populariti. Bererti hendak menunjuk hebat masing-masing. Bukan salah kepimpinan, bukan salah Ahli Dewan Negara, bukan salah Ahli Dewan Rakyat tetapi saya minta dengan kebijaksanaan pegawai-pegawai kerajaan, tolong orang-orang politik. Timbang-timbangkanlah. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, mudah sahaja. Pegawai kerajaan ini, saya pun tidak salah. Saya juga bekas *PTD officer*. Jadi saya tahulah. Kawan-kawan saya PTB, KSU, Timbalan KSU apa semua ini. Jadi, eksekutif ini dia akan buat apa yang perundangan buat. Jadi, kita hendak kena perbetulkan balik semua perundangan-perundangan dan akhirnya akan diexecutekan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Mereka inilah *apolitical*. Depa ini sensitif kepada politik dan depa tidak masuk sebelah mana. Sebelah kanan saya pun tidak, sebelah kita pun tidak. Akan tetapi makna dia *apolitical*. Dia sensitif kepada kalung politik. Sensitif itu ikutlah macam siapa perintahlah. Biasalah itu.

Yang kelapan ialah tentang banjir. Saya hendak kena sebut di sini Tuan Yang di-Pertua sebab di utara ini, kami ini bah tidak berhenti. Sekarang ini cuaca dia sudah tidak kira. Hari apa dia tidak kira, bulan apa. Bila dia hendak mari, dia mari. Tidak ada musim.

Jadi, saya mintalah semua sekali khasnya pihak di kementerian untuk kaji semula tentang macam mana tebatan banjir. Kedah kah, Perlis kah. Di utaralah. Di selatan, selatanlah akan cakap. Saya tolonglah kawan Kedah. Kedah pun bagus juga. Jadi tebatan banjir ini, selagi banjir ini, selagi itulah kemiskinan akan berlaku. Selagi itulah penderitaan berlaku. Tempat saya, lima bulan. Lima bulan. Saya dok ingat dua puluh tahun. Lima bulan mari pula. Habis, habis macam hari itu juga.

Jadi, benda-benda ini dan Tuanku ada sebutlah untuk kita minta satu sungai buang di Perlis iaitu cadangan lintasan pintas banjir bagi cadangan tebatan banjir di negeri Perlis. Tidak mahal. Dalam RM270 juta sahaja. RM270 juta bukan apa. Bukan sampai RM1 bilion lagi. Yang kastam RM108 bilion tiap-tiap tahun. Yang ini berapa sahaja. Jadi saya cadang, saya mintalah untuk ditibangkan hak yang saya sebut ini. Saya minta satu lagi untuk *Perlis Master Plan* untuk diberikan perhatian oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Bincanglah dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk melihat tentang *Strategic Master Development Economic Plan*.

Yang kelapan, tentang analogi. Saya hendak baca ini sebab saya nampak, saya sebut tadi masalah masa Jepun, masalah-masalah apa kita hendak buat dan sebagainya dan saya hendak perturunkan di sini tentang apa yang kita buat supaya kita tidak ragu-ragu lagi sama ada *track* kita betul atau tidak, Tuan Yang di-Pertua. Pada saya, saya buat analogi untuk buat rumah. Buat rumah. Jadi kita..., yang dibuat oleh Perdana Menteri iaitu atapnya iaitu Gagasan 1Malaysia iaitu komitmen Kerajaan Barisan Nasional dalam membina masyarakat baik dan yang berteraskan:

- (i) budaya ilmu;
- (ii) pembinaan tamadun;
- (iii) keadilan sosial;
- (iv) partisipasi demokratik;
- (v) pengagihan ekonomi; dan
- (vi) kelestarian alam sekitar.

Ini Gagasan 1Malaysia. Ini atapnya yang dibuat, yang direka bentuk oleh Perdana Menteri. Apa yang tiangnya yang Perdana Menteri buat ialah dari segi ekonominya. Tiangnya ialah:

- (i) Pelan Transformasi Kerajaan;
- (ii) Dasar Ekonomi Baru (DEB) diteruskan; dan
- (iii) Model Ekonomi Baru.

Lantainya yang sedia ada ialah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Maka, lengkaplah persediaan kita, Barisan Nasional untuk menghadapi PRU-13. Akan tetapi dekat mana kita hendak tanya. Saya hendak minta dalam Dewan yang mulia ini, dalam keadaan yang harmonis ini supaya kesemua kakitangan kerajaan tidak kira baik *Federal* atau *state*, tidak kira PTD *officer* atau pegawai-pegawai lain dan sebagainya. Kesemuanya, tolong beri komitmen yang tinggi. Kerjalah sebagai satu ibadah. Ingatlah, kerja kerana Allah, bukan kerja kerana bos, kerana KSU dan sebagainya. Bukan kerana Menteri. Kerjalah seikhlas-ikhlasnya.

Akhirnya, tidak ada ketirisan lagi dalam pembangunan negara dan rakyat luar bandar semua sekali mendapat nikmat daripada hujan yang turun daripada langit. Jumpa dengan bukit, jumpa dengan bumi dan seluruh masyarakat yang perlu dibela, terbela dan kita mendapat ganjaran Allah SWT. *Insyah-Allah. Good governance* itu, saya serulah supaya inilah satu yang terbaik. Mana-mana negara kalau kita hendak membangun, mestilah mempunyai kakitangan yang bermoral, pemimpin yang bermoral, mempunyai akhlak yang tinggi.

Semua, dalam zaman Islam dahulu sampai sekarang, akhlaklah yang paling utama untuk memajukan negara dan diterima, disanjung dan diiktiraf dan akan diberikan ganjaran oleh Allah SWT. Perjuangan kita, perjuangan Barisan Nasional, perjuangan kerajaan adalah tentang *equality*. Saya hendak perbetulkan ayat *equality* iaitu sama rata supaya kita jangan tersilap. Barisan Nasional memperjuangkan kesaksamaan bukan kesamarataan. Yang ini, ayat ini kena ingat kerana yang memperjuangkan kesamarataan ialah parti DAP. DAP memperjuangkan sama. Daripada dulu, sekarang, sampai bila-bila, DAP. DAP ini apa dia? Apa makna DAP?

Saya hendak beritahu pada petang ini parti DAP ialah Di Ambang Percintaan. Siapa sahaja yang bercinta dengan DAP habis! Kita ajaklah macam mana. Dia tidak mahu marilah. Dia tidak mahu. Dia *stuck* sama-sama, melekat, erat, elok sudah macam paku letak di bendul. Dia tidak boleh buat macam mana pun. Sudah tidak ada ubat sebab orang dalam percintaan ini dia buat macam mana pun kita tidak boleh buat apa. Tidak boleh! Tidak boleh! Dia sudah habis, dia kata. Cinta tidak ada batasnya. Mati kita. Jadi, orang yang bercinta dengan DAP ini, habis. Susah hati saya. Mungkin kita minta pada Allah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Baliklah, baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat kahwin dengan isteri tidak bercintakah?... [Ketawa]

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang itu kenalah. Jadi, yang satu dua lagi hanyalah saya hendak sentuh tentang saya minta Kastam dan SPRM ini tidak ada perasaan salah sangka dan sebagainya. SPRM menjalankan tugasnya, Tuan Yang di-Pertua dan Kastam pun mendapat berapa puluh bilion tiap-tiap tahun. Cuma apabila sudah ada sedikit kita dapat kesan, kita buat *correction*, dengan izin dan kita dapatkan balik semua harta yang telah terlepas secara tidak sah. Akan datang ini kita rasa pendapatan daripada Kastam ini akan bertambah. Saya minta supaya anggota kastam, SPRM ini ditambah. Bukan sahaja ia ditambah mengikut kehendak carta organisasi tetapi dihantar untuk kursus-kursus pendek dan panjang, di dalam dan luar negara supaya dua agensi ini menjadi betul-betul mempunyai kekuatan dan *accountability* yang sungguh tinggi bagi memartabatkan negara kita.

Bagi masyarakat luar bandar, saya hanya minta satu sahaja. Kerajaan khasnya bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Bagaimana hendak ubah pemikiran

masyarakat luar bandar. Yang kita perlu untuk hidup ialah makan, pakai, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan dan perubahan minda. Yang ini saya rasa belum selesai lagi.

■1720

Kerajaan yang ada sekarang belum selesai lagi hendak ubah minda masyarakat luar bandar khususnya untuk mereka, kita hendak ubah *mindset*. Ini yang susah. Kalau boleh perubahan sikap ini digunakan segala kebijaksanaan yang ada di kementerian khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Ini adalah untuk hendak bagi kekuatan bahawa masyarakat luar bandar ini masyarakat yang rajin jimat cermat, yang kedua dia rajin berusaha, dan dia juga mempunyai – kita juga boleh buat, kita juga boleh maju, mari kita mempertahankan negara kita. Dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kerana membawa isu yang bernas dengan suara yang lantang. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

5.31 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong pada tahun ini. Titah Yang di-Pertuan Agong merupakan satu amanat yang telah diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong pada setiap tahun kepada Parlimen selaku badan tertinggi bagi membuat undang-undang dalam negara.

Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam. Asas pentadbiran kerajaan mesti dibina dalam kerangka mendidik rakyat supaya menjadi lebih beragama dan mempunyai nilai-nilai ketakwaan dalam diri mereka, dan faktor ini juga kritikal kepada rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam. Ini kerana faktor dalaman inilah yang akan mengurangkan kadar jenayah dan masalah sosial dan kestabilan kehidupan seharian rakyat Malaysia.

Kata Sayidina Ali Karamallahu Wajhah... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud, "*Manusia itu ataupun rakyat itu, akan mengikut perwatakan Raja-Raja ataupun pemimpin-pemimpin mereka*". Bila mana disebut Titah Yang di-Pertuan Agong, hari ini kita harus menilai dalam kita membicarakan perbahasan tentang titah ini untuk menilai sejauh manakah prinsip kehidupan bertuhan dan beragama ini diadun dalam pentadbiran bukannya mengguna pakai pendekatan dan pemahaman serta penafsiran mengikut kaca mata pengasingan dan pemisahan agama dan pentadbiran sebagaimana tafsiran Barat.

Kesemua faktor pemangkin untuk kebaikan kehidupan masyarakat harus dikaji dan dikenal pasti oleh kerajaan dan faktor pencegah kemungkaran dan maksiat juga harus diambil kira dengan serius dalam semua polisi dan perancangan program dan projek agar kita melahirkan warga Malaysia yang berwibawa dan bertanggungjawab untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

lanya harus menjadi teras dan asas serta faktor pembangunan yang berimbang. Kita lihat baru-baru ini kita kecoh dengan satu kes dimaklumkan tentang kes video seks. Pelakornya belum diketahui. Akan tetapi kita lihat paparan demi paparan telah dibuat termasuk dipaparkan di akhbar-akhbar utama. Perkara ini telah menyebabkan dan meninggalkan kesan yang tidak baik kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya golongan remaja yang dari segi sifat semula jadinya suka mencuba.

Kita lihat laporan yang telah dibuat dan dikaji di Indonesia, selepas daripada paparan kes melibatkan Ariel - Peter Pan, telah pun menyebabkan peningkatan kes-kes seks telah pun meningkat di Indonesia. Kita kira juga sekiranya kita membuat kajian kemungkinan besar pertambahan kes akan berlaku bila mana perkara aksi-aksi seperti ini ditunjukkan dalam akhbar dan bukannya kita lihat, bagaimanakah seharusnya pengadu dalam kes ini ataupun perakam sekiranya benar-benar bertanggungjawab harus segera menangkap orang yang membuat kemaksiatan bukannya memegang video, merakam video dengan niat untuk menjadikannya itu skandal.

Hari ini kita difahamkan bahawa BERNAMA telahpun melaporkan bahawa Timbalan Ketua Polis Bahagian Siasatan Jenayah memaklumkan bahawa individu yang

telah dikenal pasti dalam video seks tersebut bukanlah ketua parti daripada parti pembangkang. Begitu juga melihat dalam akhbar-akhbar hari ini disebut dalam paparan di tulisan jawi yang mengatakan peningkatan kes-kes ponteng solat Jumaat telah pun dikesan di seluruh negara dan kita lihat begitu juga dengan kes sebagaimana yang disebutkan pagi tadi oleh pencadang daripada pihak kerajaan berkenaan dengan isu Al-Kitab.

Pendedahan tentang isu Al-Kitab, ponteng solat Jumaat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan ini semua membabitkan orang Islam. Undang-undang di sana, telah pun ada. Akan tetapi hari ini yang kita pertikaikan ialah bagaimana penguatkuasaan perkara-perkara ini dipandang enteng dan sipi oleh kebanyakan pihak berkuasa. Bila sebut tentang KPI untuk menurunkan jenayah indeks, kerajaan melaporkan bahawa berjaya menurunkan jenayah berat sebanyak 15 peratus dengan menambahkan bilangan polis di PDRM dengan bantuan daripada JPAM dan juga RELA. Akan tetapi dalam pada masa yang sama kita tidak lihat penambahan yang begitu banyak dibuat kepada pegawai-pegawai penguat kuasa di semua tempat khususnya berkaitan tindakan untuk mencegah aktiviti-aktiviti kemaksiatan yang kita kira sebenarnya banyak menyumbang kepada masalah negara.

Kita lihat juga bagaimana tempat-tempat berkumpulnya maksiat sebagaimana yang kita ketahui di kelab-kelab malam melibatkan aktiviti-aktiviti perjudian, melibatkan pemerdagangan orang telah dibuat serbuan berkali-kali.

Perkara ini langsung tidak memberikan kesan kepada mereka kerana apa mereka tahu segala-galanya boleh dibayar dan bagi mereka ini bukanlah satu *political will* daripada pihak kerajaan untuk mencegah perkara ini, walaupun dalam masa yang sama semua daripada kita mengatakan bahawa kita amat patuh kepada amanat oleh Yang di-Pertuan Agong selaku ketua agama.

Oleh yang demikian saya memohon agar pihak kerajaan dalam merangka mana-mana polisi, bila melihat daripada Titah Yang di-Pertuan Agong yang telah pun menyebut Baginda sebagai Ketua Agama Islam supaya mengambil kira faktor-faktor ini dalam merancang apa-apa polisi ataupun projek bagi memastikan rakyat kita, maka kita harus menambah universiti bukan lagi kita harus menambah pusat-pusat serenti dan penjara sebagaimana yang kita alami pada hari ini.

Asas demokrasi negara bermula dengan kebebasan maklumat dan informasi untuk membolehkan rakyat memilih yang selayaknya. Ia harus dipertahankan dengan seadil-adilnya dalam negara termasuk memberikan ruang kempen kepada semua pihak yang bertanding. Parti-parti yang sah yang bertanding dalam negara seharusnya diberi ruang yang munasabah melalui media massa elektronik yang ada terutamanya dalam tempoh kempen.

Saya memohon agar pihak Perdana Menteri dengan sewajarnya memulakan perkara ini bagi memastikan kebebasan maklumat dan bagi memastikan keadilan dan informasi dapat dinikmati selayaknya oleh rakyat. Berkenaan dengan wang ihsan dan royalti. Walaupun perkara ini telah pun disebut banyak kali, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan setakat ini, berapakah jumlah yang telah pun agihkan kepada rakyat di Kelantan dan Terengganu dan juga berapakah yang telah diterima oleh rakyat di Sarawak dan Sabah.

Ini kerana kita lihat walaupun Sabah dan Sarawak negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional sejak 50 tahun yang lepas, keadaan pembangunan di kebanyakan tempat yang kita hadir semasa pilihan raya negeri Sarawak jelas menunjukkan ketidakseimbangan pembangunan walaupun mereka ini menerima wang royalti daripada hasil minyak yang telah pun dicari gali di negeri-negeri ini. Jadi saya pohon perkara ini dibuat dengan dasar amanah, kalau ketelusan itu harus dibuat kita ingin tahu di manakah perbelanjaan-perbelanjaan ini dibuat. Ini kerana kita lihat banyak lagi tempat-tempat di mana kemudahan-kemudahan asas termasuk bekalan air bersih dan elektrik masih belum sampai.

Saya kira adalah amat malang untuk mana-mana orang yang beragama Islam yang boleh mendengar sendiri, melihat sendiri, mempunyai amanah dan kuasa untuk melaksanakan sesuatu untuk tidak melaksanakan perkara ini terutamanya kepada orang-

orang yang miskin. Ini kerana sesungguhnya ingatlah doa orang yang dizalimi atau yang dianiaya itu akan diterima oleh Allah SWT.

Berkenaan dengan rumah pertama yang telah pun diberitahu sebelum ini, saya ingin tanya pendapat kerajaan, sejauh manakah kawalan pihak kerajaan kepada kualiti rumah dan lokasi serta kemudahan awam di tempat-tempat di mana diberikan kemudahan untuk pemilikan rumah pertama khususnya kepada pasangan muda. Ini kerana bila mana diumumkan bahawa terdapat 25 bank swasta yang bersedia untuk memberikan pinjaman, kita lihat ramai pasangan muda yang teruja untuk membeli rumah.

Soalnya pada hari ini, bagaimanakah kerajaan menggunakan budi bicara bagi mengawal tempoh masa bayaran dan had maksima dan memiliki kualiti rumah yang munasabah. Kita lihat sebelum ini banyak cerita tentang rumah terbengkalai dan kita tidak mahu pasangan muda yang baru berkahwin, yang baru mempunyai satu ataupun dua anak ini akan membayar hutang rumah yang patutnya berharga RM100,000 dengan kadar RM200,000 dengan tempoh masa selama 25 tahun dan ke atas. Ini kerana akan membebankan mereka dan mereka akan terikat dengan hutang daripada muda sampai mereka tua. Di dalam konteks ini, kita mohon agar kerajaan menjamin bahawa di mana-mana tempat diberikan kemudahan untuk rumah pertama, kerajaan akan memastikan terdapat satu jawatankuasa khas untuk meneliti kualiti rumah, had pembayaran, had maksima serta bagaimanakah cara perumahan ini diberikan kemudahan awam supaya jaringan sosial dan jaminan rumah siap ini didirikan sendiri oleh pihak kerajaan.

Pihak yang memberikan pinjaman dalam konteks ini ialah bank. Akan tetapi perlu ada campur tangan pihak kerajaan untuk memastikan bahawa semua rumah yang dibeli melalui kaedah ini akan dapat dipastikan jaminan rumah ini akan siap dan mempunyai kualiti yang munasabah. Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan berkenaan dengan elaun modal. Kita difahamkan sebelum ini dalam banyak pembentangan sebelum ini diberitahu bahawa terdapat banyak pengecualian untuk elaun modal terutama untuk loji-loji menara telekomunikasi yang telah diperkenalkan.

Akan tetapi bila mana syarikat-syarikat di seluruh negara memulakan pembinaan loji menara telekomunikasi, kita difahamkan sehingga ini pihak kementerian terutamanya melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri meminta kembali cukai-cukai dan mengatakan bahawa sebenarnya tiada pengecualian kepada elaun modal yang telah pun disebut sebelum ini.

Oleh demikian, saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa cukup Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok, pada esok hari.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 19 April 2011. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.

**PARLIMEN
MALAYSIA**

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
7 MAC 2011**

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'iin
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
dan Salam Sejahtera*

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya kita dipermudahkan sehingga dapat berkumpul sekali lagi, di Dewan yang mulia ini untuk Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kedua Belas.

2. Beta bersyukur atas nikmat kemakmuran, keselamatan dan keamanan yang dikecap oleh negara selama ini. Beta berharap kesejahteraan negara di bawah Gagasan 1Malaysia akan berterusan, di mana rakyat yang didorong oleh semangat kesatuan akan dapat menggembelng tenaga untuk menghasilkan pencapaian yang lebih baik dalam pelbagai bidang.

3. Tahun 2010 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Ke-9. Prestasi perbelanjaan ke atas projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan mencapai 96.2 peratus daripada peruntukan berjumlah RM230 bilion. Beta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, pihak swasta dan rakyat yang bersama-sama menjayakannya. Semoga Rancangan Malaysia Ke-10 yang mula dilaksanakan pada tahun ini dapat terus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

4. Alhamdulillah, ekonomi Malaysia kembali kukuh dengan mencatat pertumbuhan pesat pada kadar 7.2 peratus pada tahun 2010, berbanding penguncupan 1.7 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan tinggi ini dicapai berikutan permintaan domestik yang mantap dan disokong oleh prestasi eksport yang menggalakkan. Pemulihan ekonomi yang pantas ini juga hasil daripada dua pakej rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan. Tanda-tanda pengukuhan ekonomi negara juga boleh dilihat melalui peningkatan keyakinan pelabur sehingga Indeks Bursa Malaysia telah mencatatkan paras tertinggi melebihi 1,570 mata pada awal tahun ini. Pelaburan langsung asing dalam sektor pembuatan pula telah meningkat kepada RM29.1 bilion pada tahun 2010 berbanding RM22.1 bilion yang dicatat pada tahun 2009, iaitu peningkatan sebanyak 31.7 peratus. Pelaburan asing terbesar adalah daripada negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, Singapura dan Jerman. Pada tahun ini, pertumbuhan ekonomi negara disasarkan antara 5 hingga 6 peratus yang akan dipacu oleh sektor swasta serta eksport yang menggalakkan. Perbelanjaan awam pula dianggarkan meningkat dengan kadar lebih perlahan sejajar dengan matlamat pengurusan fiskal yang berhemat.

5. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, faktor-faktor luaran seperti ekonomi global yang masih tidak menentu akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ini merupakan satu cabaran dalam usaha mengukuhkan ekonomi negara dan seterusnya untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

6. Beta mengalu-alukan keterbukaan Kerajaan yang mengakui bahawa di sebalik kejayaan ekonomi yang dinikmati selama ini, dikhuatiri kita akan terus terperangkap dalam ekonomi berpendapatan sederhana sekiranya tiada tindakan konkrit diambil untuk keluar dari situasi tersebut. Dalam hal ini, Kerajaan Beta di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri telah mengambil langkah yang tepat untuk melaksanakan transformasi berlandaskan 4 tonggak utama, iaitu Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan yang merangkumi 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara, atau NKRA dan Program Transformasi Ekonomi berteraskan Model Baru Ekonomi serta Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11.

7. Program Transformasi Kerajaan dan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan merupakan langkah yang berpandangan jauh dan berani demi membawa Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Sebanyak 12 Bidang Ekonomi Utama Negara, atau NKEA telah dikenal pasti dapat menjana pelaburan bernilai lebih RM1.3 trilion, dengan 92 peratus oleh sektor swasta. Pelaksanaan NKEA akan memberi kesan yang menyeluruh kepada rakyat melalui pewujudan lebih kurang 3.3 juta peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang. Ini akan memberi lebih banyak pilihan bagi mereka yang mencari pekerjaan serta membolehkan peralihan kepada pekerjaan berpendapatan lebih tinggi. Justeru, rakyat juga akan berupaya menikmati peningkatan dalam mutu kehidupan antaranya pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam.

8. Malaysia komited untuk mencapai hasrat menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dengan pendapatan per kapita melebihi USD15,000 atau RM50,000. Sehubungan itu, pelbagai program dan inisiatif akan dilaksanakan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dengan purata sekurang-kurangnya 6 peratus setiap tahun, yang akan dipacu oleh pelaburan dan penggunaan swasta serta peningkatan eksport. Usaha-usaha juga akan terus dipertingkatkan bagi menjadikan Malaysia mempunyai ciri-ciri sebagai peneraju pasaran dan amalan tadbir urus cemerlang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Perdagangan luar terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi negara. Pada tahun 2010 jumlahnya telah meningkat sebanyak 18.3 peratus kepada RM1.2 trilion berbanding RM988.2 bilion pada tahun 2009. Malaysia akan terus memperkukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara ASEAN, rakan dagang tradisional dan yang sedang berkembang pesat di Asia, Timur Tengah dan Amerika Selatan.

III

10. Beta mengucapkan tahniah di atas kejayaan Malaysia berada di tangga ke-10 dalam Laporan Daya Saing Dunia 2010. Beta berharap kita tidak cepat berpuas hati dengan kedudukan tersebut. Sehubungan ini, langkah-langkah liberalisasi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan akan terus dilaksanakan bagi memastikan negara terus berdaya saing di peringkat global. Industri dalam negara terutama industri kecil dan sederhana akan terus dimantapkan. Di samping itu, industri berkaitan teknologi hijau juga akan diberi galakan, mengambil kira potensinya selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara untuk mewujudkan ekonomi lestari pada masa hadapan. Bagi menyokong pembangunan industri negara, industri bekalan elektrik dan air akan sentiasa diperkukuhkan lagi agar penyediaan perkhidmatan kedua-duanya lebih berkualiti, berterusan dan berdaya maju.

11. Modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, mempunyai minda kelas pertama serta mampu bersaing di peringkat global amat penting untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Dalam hal ini, pembangunan modal insan akan terus dipertingkatkan melalui transformasi pendidikan, memperkasakan latihan kemahiran dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

12. Transformasi pendidikan di peringkat sekolah khususnya berkaitan dengan kurikulum standard yang diperkenalkan akan dapat meningkatkan lagi kualiti pendidikan. Kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta vokasional akan terus diperkasakan. Di peringkat pengajian tinggi pula, penekanan akan diberi kepada program kerjasama universiti dan industri untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Beta menyeru supaya kualiti dan kemahiran guru dan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran dipertingkatkan lagi, di samping mengekalkan sikap berdedikasi dan berintegriti.

13. Dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan mengambil kira keperluan pasaran dan kehendak negara, program-program latihan teknikal dan vokasional kepada golongan lepasan sekolah, belia dan pekerja sedia ada akan dipertingkatkan. Penubuhan *Talent Corporation* adalah satu usaha untuk menarik dan mengekalkan modal insan yang berkepakaran tinggi. Ia akan dapat menjadikan Malaysia sebagai tarikan kepada tenaga mahir berkepakaran tinggi bagi mencapai agenda transformasi negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Sains, teknologi dan inovasi amat penting dalam memacu pembangunan negara terutama bagi menjana pengetahuan, mencipta kekayaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha-usaha mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan untuk menjana pendapatan negara akan terus diberi tumpuan. Beta berharap penubuhan Agensi Inovasi Malaysia dan penggubalan Dasar Industri Kreatif akan dapat menyemarakkan lagi penciptaan kekayaan melalui aktiviti-aktiviti inovasi dan industri kreatif multimedia.

15. Malaysia merupakan antara destinasi pelancongan yang terkenal dengan menduduki tangga ke-9 dalam senarai Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2009. Usaha-usaha inovatif akan terus dipertingkatkan untuk menarik lebih ramai pelancong berbelanja tinggi serta memperluaskan pasaran di negara-negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi tinggi. Pelancongan berkaitan alam semula jadi serta keunikan masyarakat majmuk negara ini akan juga diberi penekanan.

16. Sektor pertanian masih penting dari segi penjanaan pendapatan dan menjamin bekalan makanan. Sehubungan itu, Dasar Agro-Makanan 2011 hingga 2020 telah digubal bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan negara serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

17. Dalam sektor perladangan dan komoditi, penekanan juga akan terus diberi kepada peningkatan produktiviti, produk bernilai tambah tinggi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pemasaran. Keupayaan pekebun-pekebun kecil komoditi untuk meningkatkan pengeluaran akan terus diperkasakan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

18. Dalam usaha untuk bergerak ke arah negara maju, penambahbaikan dan peningkatan infrastruktur pengangkutan dan perhubungan akan terus dilaksanakan. Ini termasuk kemudahan pengangkutan darat, laut dan udara serta teknologi maklumat dan komunikasi bagi memberi kemudahan kepada rakyat, pelabur dan komuniti perniagaan.

19. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang cekap, cepat dan berkesan sangat penting untuk kemajuan negara. Justeru, pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan termasuk mempelbagaikan saluran penyampaian akan terus dilaksanakan. Undang-undang, peraturan dan prosedur lapuk serta caj dan fi akan terus dikaji dan dipinda agar dapat memudahkan rakyat, pelabur dan komuniti perniagaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Kerajaan Beta prihatin bahawa status negara maju tidak bermakna jika rakyat tidak menikmati kehidupan berkualiti. Sehubungan ini, Kerajaan telah menetapkan dan sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti memperluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan, mengurangkan kadar jenayah, memerangi rasuah, memperkasa prasarana luar bandar, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah dan menambah baik pengangkutan awam bandar bagi memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat negara ini sentiasa bertambah baik.

21. Sebagai satu kelangsungan untuk menyediakan masyarakat yang mampu menghadapi cabaran pada masa hadapan, generasi baru perlu dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sahsiah bermula sejak di awal usia lagi. Akses kepada pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun dan Program PERMATA Negara akan diperluaskan. Pada masa yang sama, kecemerlangan murid akan terus dipertingkatkan melalui pengiktirafan lebih banyak sekolah sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi.

22. Walaupun Indeks Keamanan Dunia 2010 meletakkan Malaysia di kedudukan kedua terbaik di Asia dan ke-22 di dunia, namun Kerajaan Beta tidak akan leka dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terus terpelihara. Beta mengucapkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia atas usaha dan komitmen tinggi bagi memastikan rakyat berbilang kaum di negara ini dapat menjalani kehidupan seharian dalam suasana harmoni, selamat dan tanpa kacau bilau atau persengketaan. Kesungguhan Polis Diraja Malaysia memerangi kegiatan jenayah termasuk memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru harus dipuji. Penurunan indeks jenayah keseluruhan sebanyak 15 peratus dan jenayah jalanan sebanyak 35 peratus pada tahun 2010 merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan melepasi sasaran yang ditetapkan.

23. Beta juga mengalu-alukan kerjasama strategik antara Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia bagi menangani jenayah seperti menggunakan kem-kem tentera untuk melatih anggota polis, menyerap bekas tentera dalam perkhidmatan polis dan mengadakan rondaan secara bersama. Beta amat tertarik dengan perkembangan tersebut kerana sebelum ini jarang sekali kerjasama strategik seperti ini diadakan. Ia merupakan petanda positif yang akan membawa manfaat besar kepada rakyat dan negara.

24. Peranan Angkatan Tentera Malaysia pada masa ini adalah lebih daripada mempertahankan negara, malah turut membantu mangsa banjir dan membangunkan prasarana luar bandar khususnya melalui Program Jiwa Murni. Pemilihan Angkatan Tentera Malaysia dalam membantu membangunkan keupayaan di Afghanistan, merupakan suatu pengiktirafan ke atas profesionalisme Angkatan Tentera Malaysia. Beta juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa mempertahankan kedaulatan negara adalah menjadi tanggungjawab bersama semua rakyat. Justeru, Kerajaan akan terus mempertingkatkan program untuk menarik lebih ramai rakyat pelbagai kaum menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Selain itu, Program Latihan Khidmat Negara yang dapat meningkatkan semangat patriotik dan kesatuan dalam kalangan pelatih pelbagai kaum juga akan diperkukuhkan.

25. Kerajaan amat komited dalam memerangi rasuah. Ia dilaksanakan bukan sekadar untuk mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah, tetapi atas kesedaran bahawa rasuah akan merosakkan negara dan bangsanya. Hanya dengan kerjasama semua pihak, jenayah rasuah boleh dihapuskan. Berilah sokongan padu dan keyakinan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

26. Kesejahteraan penduduk luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung serta penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak tidak pernah diabaikan dalam arus pembangunan negara. Kemudahan seperti jalan luar bandar, infrastruktur awam, bekalan air bersih dan elektrik serta telefon kepada penduduk-penduduk luar bandar akan terus dipertingkatkan. Pada tahun 2010, hampir 800 kilometer jalan baru dan naik taraf, 16,900 unit rumah untuk keluarga miskin dan miskin tegar, bekalan air bersih kepada 35,000 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 27,000 buah rumah telah dilaksanakan di seluruh negara.

27. Beta bangga jumlah miskin tegar telah berjaya dikurangkan pada tahun 2010. Daripada jumlah lebih 44,000 ketua isi rumah miskin tegar yang dikenal pasti pada awal tahun, ia telah berjaya dikurangkan kepada sekitar 100 pada akhir tahun. Bagi memastikan golongan ini tidak kembali menjadi miskin tegar, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program antaranya 1AZAM dan pendekatan pembangunan inklusif.

28. Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar pula telah digubal bagi menggembeng sumber dan tenaga semua pihak agar program-program pembangunan dapat dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh. Aspek seperti latihan dan pendidikan modal insan, peningkatan ekonomi, infrastruktur, perancangan fizikal, peningkatan kualiti hidup dan pengurusan sumber alam akan diberi tumpuan. Bagi peneroka FELDA pula, walaupun pendapatan mereka telah meningkat dengan kenaikan harga komoditi, namun usaha-usaha akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kualiti hidup golongan berkenaan. Pada tahun ini FELDA memperuntukkan sebanyak RM1.6 bilion bagi tujuan tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Menyedari potensi kaum wanita dalam pelbagai bidang, golongan ini akan diperkasakan terutama dalam sektor ekonomi melalui latihan keusahawanan dan bantuan modal perniagaan. Setakat ini sasaran melahirkan seramai 1,000 orang usahawan wanita setiap tahun telah berjaya dicapai. Bagi menggalakkan lebih ramai kaum wanita menyertai sektor pekerjaan dan 30 peratus menduduki peringkat pembuat keputusan, penggubalan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 dan penubuhan jawatankuasa khas bagi melaksanakan program gender dalam sektor awam sangat dialu-alukan. Aspek perlindungan kanak-kanak pula diberi penekanan melalui Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Negara bagi memastikan saringan keselamatan dilakukan ke atas pihak-pihak yang berurusan dengan kanak-kanak. Selaras dengan perakuan dasar dan pelan tindakan tersebut, Sistem Amaran Awal Kehilangan Kanak-kanak yang dinamakan *NUR Alert* juga telah diwujudkan.

30. Bagi kemudahan perumahan kepada golongan kurang berkemampuan, penjualan lebih 44,000 unit rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah termasuk penyewa sedia ada dan setinggan di Kuala Lumpur, pembinaan lebih 63,000 unit rumah baru di bawah Program Perumahan Rakyat untuk disewa pada kadar yang berpatutan adalah antara bukti komitmen Kerajaan untuk meringankan beban golongan berkenaan. Dalam tempoh RMKe-10, lebih 38,000 unit rumah di bawah program yang sama akan dibina untuk disewa dan dijual kepada mereka yang memerlukannya.

31. Kerajaan akan terus meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan mempertingkatkan kemudahan awam, memulihara dan mewujudkan lebih banyak kawasan hijau dan tempat riadah serta interaksi sosial termasuk untuk golongan orang kurang upaya. Semua pihak hendaklah turut sama memainkan peranan menjaga kebersihan dan memulihara alam sekitar termasuk mengamalkan kitar semula.

32. Beta mengalu-alukan rancangan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya metropolis terbaik dan selamat dengan mempunyai kemudahan bermutu tinggi, sungai-sungai yang bersih dan landskap yang menarik menjelang tahun 2020 melalui inisiatif *Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang*. Melalui inisiatif tersebut, Kuala Lumpur akan ditransformasi bagi mengoptimalkan potensinya menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih signifikan. Ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan baru bagi semua lapisan masyarakat.

33. Bagi meningkatkan kualiti hidup dan alam sekitar, kemudahan pengangkutan awam akan terus ditambah baik. Di Lembah Klang, Kerajaan menyasarkan 25 peratus pengguna pengangkutan awam menjelang tahun 2012. Oleh itu, pelbagai langkah telah dan akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut. Juga akan dilaksanakan ialah pembinaan laluan Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi, atau MRT Sungai Buloh – Kajang melalui Kuala Lumpur sepanjang 60 kilometer. Projek ini apabila siap kelak dapat meningkatkan jumlah pengguna pengangkutan awam kepada 50 peratus menjelang tahun 2020. Pada masa yang sama sistem pengangkutan awam antara bandar juga akan ditambah baik, misalnya dengan pembinaan landasan berkembar elektrik dari Kuala Lumpur sehingga Padang Besar di utara dan Johor Bahru di selatan.

34. Di sebalik kempen-kempen kesedaran keselamatan jalan raya dan usaha-usaha menambah baik sistem pengangkutan awam, kadar kemalangan jalan raya masih lagi tinggi. Beta menyeru supaya tindakan penguatkuasaan terus ditingkatkan. Pengusaha-pengusaha pengangkutan awam hendaklah lebih bertanggungjawab dengan menyediakan perkhidmatan yang selamat dan rakyat pula hendaklah mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

35. Sebagai tambahan kepada perkhidmatan Klinik 1Malaysia di kawasan bandar, Beta mengalu-alukan perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia ke kawasan-kawasan terpencil, yang memberi perkhidmatan meliputi rawatan pergigian, pemeriksaan mata dan penyediaan cermin mata percuma. Pada masa sama, rakyat hendaklah turut memberi perhatian serius terhadap penjagaan kesihatan. Misalnya, demam denggi boleh dicegah dengan meningkatkan kebersihan persekitaran. Penyakit-penyakit tidak berjangkit dan kronik pula boleh dicegah dengan mengamalkan gaya hidup sihat.

36. Keprihatinan Kerajaan terhadap golongan belia terbukti melalui dasar dan program-program yang mencakupi pendidikan, latihan, keusahawanan, kepimpinan, kemasyarakatan, sukan, sosial, kebudayaan dan sebagainya bagi mempersiapkan belia menghadapi cabaran masa hadapan. Beta menyeru golongan belia supaya merebut peluang-peluang yang disediakan. Ingatlah, golongan belia hari ini akan menerajui pembangunan negara di masa hadapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

37. Tiada negara terkecuali daripada menerima kesan perubahan iklim dan pemanasan global termasuk Malaysia, sehingga baru-baru ini negara mengalami dua kejadian banjir kesan daripada monsun timur laut dan fenomena *La Nina*. Walaupun banjir yang melanda negara kita telah menyebabkan kesukaran kepada rakyat, namun ia dapat dikurangkan melalui pelbagai bantuan yang telah disalurkan oleh beberapa agensi serta atas tahap kesiapsiagaan Kerajaan dalam menghadapi bencana alam yang sukar diramal. Demi mengurangkan kesusahan rakyat, sistem amaran awal bencana yang lebih bersepadu merangkumi sistem ramalan cuaca dan iklim serta sistem amaran awal banjir akan diperkukuhkan agar lebih berkesan.

38. Sejak akhir-akhir ini telah berlaku situasi kenaikan harga bahan-bahan makanan di seluruh dunia yang disebabkan oleh pemanasan global, bencana alam, perubahan polisi negara pengeluar dan peningkatan penduduk dunia sebanyak 4 peratus setahun berbanding pengeluaran makanan dunia sebanyak 1 hingga 2 peratus. Ia adalah krisis makanan global. Sebagai negara pengimpot makanan, Malaysia terdedah kepada kenaikan harga barang dan ini sememangnya di luar kawalan Kerajaan.

Dalam keadaan ini, Beta menyeru rakyat supaya lebih bersedia untuk menghadapi fenomena ini, jadilah pengguna yang bijak, amalkan perbelanjaan secara berhemat dan

VII

berusaha melindungi kepentingan sendiri dengan tidak terlalu bergantung kepada perlindungan Kerajaan. Namun, Kerajaan begitu prihatin terhadap keresahan dan kesusahan yang dialami rakyat, di mana Kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM10.3 bilion dalam bentuk subsidi bagi membolehkan rakyat memperoleh barang keperluan asasi seharian pada harga yang berpatutan.

39. Beta memandang berat kecenderungan pihak-pihak tertentu membangkitkan isu-isu sensitif dan berbau perkauman serta mempolitikkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Beta menyeru semua pihak supaya menjunjung kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan. Kedaulatan Raja-Raja Melayu, kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan kedudukan istimewa orang Melayu serta anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain meliputi hal kewarganegaraan dan hak asasi sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah tidak dipersoalkan bagi mengelak perpecahan. Walaupun Islam adalah agama bagi Persekutuan, agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai, malah hari-hari perayaan agama yang mempunyai penganut teramai dijadikan sebagai hari cuti umum. Ini menunjukkan amalan kesederhanaan dan keterangkuman seperti dianjurkan oleh Islam telah diamalkan dengan subur di negara ini.

40. Badan-badan bukan Kerajaan diiktiraf sebagai antara elemen penting dalam pembangunan masyarakat sivil. Di negara ini, badan-badan bukan Kerajaan telah membantu Kerajaan dalam pelbagai bidang. Beta berharap dalam melaksanakan program-program dan aktiviti masing-masing, badan bukan Kerajaan hendaklah mengelak daripada menyentuh sensitiviti dan isu-isu yang boleh menjejaskan keharmonian rakyat dan menggugat imej negara.

41. Di peringkat antarabangsa, Malaysia akan terus memberi sumbangan untuk mencapai keamanan sejagat. Beta sukacita dengan sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara utama dunia terhadap pendekatan Gerakan Global Ke Arah Kesederhanaan yang telah diketengahkan oleh Mamanda Perdana Menteri. Ini merupakan antara sumbangan Malaysia untuk mencapai keamanan, ketenteraman, kemakmuran dan pembangunan sejagat. Hubungan erat dan harmoni terutamanya dengan negara-negara ASEAN akan diberi penekanan berdasarkan Piagam ASEAN ke arah merealisasikan Komuniti ASEAN pada tahun 2015.

42. Berbanding dengan negara-negara tertentu, ketenteraman dan keharmonian di negara ini adalah nikmat yang perlu disyukuri dan dipelihara. Komitmen Kerajaan untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat melampaui sempadan negara terserlah melalui usaha membawa pulang pelajar-pelajar yang terhimpit dalam pergolakan politik di Mesir melalui Ops Piramid bulan lalu. Sehubungan ini, Beta merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam operasi tersebut serta kepada negara-negara sahabat terutamanya kepada Kerajaan Arab Saudi yang telah banyak membantu mempermudah Ops Piramid.

43. Beta mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet negara yang telah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa pada tahun 2010 seperti di Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Kejohanan Bola Sepak AFF Suzuki. Beta bersama rakyat amat berharap di Sukan Olimpik 2012, London kelak akan ada atlet memenangi emas pertama untuk Malaysia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

44. Beta menyeru semua pihak agar sentiasa mengekalkan keharmonian serta maruah negara. Jadilah warga yang bijak, bertanggungjawab dan tidak mudah terpengaruh dengan fitnah dan tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sayugia diingatkan bahawa perbuatan fitnah memfitnah yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat adalah perbuatan yang amat tercela dan dilarang oleh semua agama. Ambillah iktibar daripada keruntuhan beberapa empayar terdahulu akibat perpecahan angkara fitnah.

45. Untuk ke sekian kalinya Beta mengingatkan bahawa tingkah laku Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sentiasa diperhatikan dan menjadi teladan

kepada masyarakat. Justeru, pameranlah tingkah laku yang terpuji, berbasahlah dengan tertib, sumbangkanlah pemikiran yang bernas, laksanakanlah tanggungjawab yang diamanahkan dan utamakanlah kepentingan rakyat. Ingatlah, rakyat sentiasa menuntut perkhidmatan yang terbaik dari setiap pemimpin yang mereka pilih.

46. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, pihak swasta, badan bukan Kerajaan dan rakyat jelata, marilah kita bersama-sama menyumbang ke arah mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi, terangkum dan mapan dengan rakyatnya menikmati kualiti hidup yang tinggi.

47. Beta dan Raja Permaisuri Agong ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat, Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia yang sentiasa memberikan kerjasama dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi selama ini. Beta dan Raja Permaisuri Agong sentiasa mendoakan semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* terus merahmati Malaysia dengan kesejahteraan dan kemakmuran serta rakyatnya mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.